Kitab

Fiqh Ringkas

Di Bawah Skop Kitab & Sunnah

Disediakan oleh

Sekumpulan Ulama

Pendahuluan – Kitab Taharah – Kitab Solat

Diterjemahkan oleh

AMS

Pendahuluan

Ia merangkumi perkara-perkara berikut:
Pengenalan Fiqh dari segi bahasa dan istilah.
Sumber-sumbernya.
Tajuknya.
Hasilnya
Kelebihannya.

Makna Fiqh Dari Segi Bahasa Dan Istilah:

Fiqh [الفقه] dari segi bahasa: Faham [الفهم]. Darinya firman Allah -تعالى- mengenai kaum Syuaib: { *... kami tidak faham banyak dari apa yang engkau katakan ...* } [Hud : 91], dan firman-Nya Azza wa Jalla: { *... namun kamu tidak faham tasbih mereka ...* } [Al-Israa' : 44].

Fiqh dari sudut istilah: Ilmu mengenai hukum-hukum Syarak yang amali, yang diperoleh daripada dalil-dalilnya yang terperinci. Kadangkala dilafazkan Fiqh kepada hukum-hukum itu sendiri.

Sumber-sumber Fiqh 'Yang Utama':

1- Al-Quran Al-Karim

2- Sunnah Mutahharah

3- Ijmak

4- Qias

Tajuk Fiqh:

Tajuk Fiqh adalah perbuatan golongan mukallaf dari sekalian hamba di atas bentuk yang umum lagi menyeluruh. Oleh itu, ia membahaskan hubungan-hubungan seseorang insan dengan Tuhannya, dengan dirinya sendiri, dan dengan masyarakatnya.

Ia akan membahaskan hukum-hukum amali, dan apa yang muncul daripada seorang mukallaf dari kata-kata, perbuatan, perjanjian dan tindakan. Ia adalah di atas dua bentuk:

Pertama: **Hukum-hukum Ibadat**: yang terdiri daripada solat, puasa, haji dan sebagainya.

Kedua: **Hukum-hukum Muamalat**: yang terdiri daripada akad-akad, tindakan-tindakan, hukuman-hukuman, jenayah-jenayah, jaminan-jaminan, dan selainnya yang dikehendaki dengannya pengaturan hubungan manusia sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain.

Hukum-hukum ini boleh dirangkumkan di dalam apa yang berikut:

1- **Hukum-hukum Kekeluargaan**; bermula dari pembentukannya sehingga pengakhirannya. Ia merangkumi: Hukum-hukum perkahwinan, perceraian, keturunan, penyaraan, perwarisan dan sebagainya.

2- **Hukum-hukum Muamalat Kewangan (Awam)**; dan ia adalah yang bersangkutan dengan muamalat orang-orang perseorangan dan pertukaran mereka, yang terdiri dari: jualan, sewaan, perkongsian, dan sebagainya.

3- **Hukum-hukum Jenayah**: dan ia adalah yang berkait dengan kesalahan-kesalahan dan pelampauan-pelampauan yang muncul dari seorang mukallaf, serta hukuman-hukuman yang dia layak di atasnya.

4- **Hukum-hukum Pendakwaan dan Penghakiman**: dan ia adalah yang berkait dengan penghakiman dalam pertikaian, pendakwaan, cara-cara pembuktian dan sebagainya.

5- **Hukum-hukum Antarabangsa**: dan ia adalah yang berkait dengan pengaturan hubungan negara Islam dengan negara-negara lain dalam perdamaian dan peperangan, serta hubungan golongan bukan Islam yang menetap di dalam negara berkenaan.

Hasil Ilmu Fiqh:

Mengetahui Fiqh dan beramal dengannya akan menghasilkan keelokan seorang mukallaf, kesahihan ibadahnya, kelurusan peribadinya. Apabila elok seseorang hamba akan eloklah sesebuah masyarakat, dan akan menjadi natijah di Dunia; kebahagiaan dan kehidupan yang makmur, dan di Akhirat; keredhaan Allah dan syurga-Nya.

Kelebihan Fiqh Di Dalam Agama Serta Galakan Untuk Menuntut Dan Mendapatkannya:

Sesungguhnya memahamkan diri di dalam Agama adalah antara amalan paling afdhal dan antara ciri paling bagus. Telah menunjukkan nas-nas dari Kitab dan Sunnah kepada kelebihannya, dan ia menggalakkan kepadanya.

Di antaranya: firman-Nya -تعالى-: {*Dan tidaklah orang-orang yang beriman keluar semuanya; oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga.*} [At-Taubah : 122].

Serta sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah dengannya kebaikan, Dia akan memahamkannya di dalam Agama**)[1]. Sesungguhnya telah mengatur Nabi ﷺ kebaikan seluruhnya pada pemahaman di dalam Agama, dan ini antara yang menunjukkan kepada kepentingannya, kebesaran urusannya dan ketinggian kedudukannya. Sabda Baginda ﷺ: (**Manusia adalah berlainan asal-usul, orang terbaik di kalangan mereka pada zaman Jahiliah adalah orang terbaik di dalam Islam, apabila mereka memahami**)[2].

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no (71), serta Muslim dengan no (1037).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no (3383) dan lafaz olehnya, serta Muslim dengan no (2638).

Oleh itu pemahaman di dalam Agama, kedudukannya di dalam Islam adalah agung, dan darjatnya di dalam ganjaran adalah besar; kerana seorang Muslim apabila dia memahamkan diri dalam urusan-urusan agamanya, dia akan mengetahui hartanya, serta hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang kena di atasnya. Dia akan menyembah Tuhannya atas ilmu dan keterangan, dan dia akan ditepatkan untuk kebahagiaan di Dunia dan Akhirat.

Kitab Taharah

Bab Pertama : Mengenai Hukum-hukum Taharah dan Jenis-jenis Air:

Persoalan Pertama: Mengenai Pengenalan Taharah serta Penjelasan Kepentingan dan Pecahannya:

1 - Kepentingan Taharah dan Pecahan-pecahannya:

Taharah merupakan pembuka Solat serta syaratnya yang paling pasti, dan syarat mestilah didahulukan ke atas yang disyaratkan.

Taharah terbahagi kepada dua pecahan:

Pecahan pertama: Taharah *maknawi* iaitu kebersihan hati daripada kesyirikan, kemaksiatan dan setiap apa yang mengotorinya. Ia adalah lebih penting dari taharah badan. Tidak mungkin terealisasi taharah badan berserta kewujudan najis kesyirikan sebagaimana berfirman -تعالى-: {*sesungguhnya orang-orang musyrik itu adalah najis*} [At-Taubah : 28].

Pecahan kedua: Taharah *hissiy*, dan datang perincian kata-kata mengenainya di dalam baris-baris yang mendatang.

2 - Pengenalannya: Ia dari segi bahasa adalah: kebersihan dan kesucian daripada sebarang kotoran.

Dari segi istilah adalah: mengangkat hadas dan menghilangkan kotoran.

Yang dikehendaki dengan terangkatnya hadas: menghilangkan sifat yang menghalang dari Solat dengan menggunakan air pada seluruh badan; jika hadas besar, dan jika hadas yang kecil memadai dengan ia dilalukan pada anggota-anggota wuduk dengan niat. Jika tiada air atau lemah dari menggunakannya, akan digunakan apa yang menggantikannya, iaitu tanah, mengikut sifat yang diperintahkan dari sudut Syarak, dan akan datang pernyataannya -إن شاء الله- di dalam Bab Tayamum.

Yang dikehendaki dengan hilangnya kotoran: iaitu: hilangnya najis dari badan, pakaian dan tempat.

Maka Taharah Hissiy di atas dua bentuk: Taharah hadas yang khusus pada tubuh badan, dan Taharah kotoran, dan ia berlaku pada badan, pakaian dan tempat.

Dan hadas pula di atas dua bentuk: Hadas kecil, iaitu apa yang wajib dengan sebabnya wuduk, dan hadas besar, iaitu apa yang wajib dengan sebabnya mandi.

Sementara kotoran pula di atas tiga bentuk: kotoran yang wajib dibasuh, kotoran yang wajib direnjis, dan kotoran yang wajib disapu.

Persoalan Kedua: Air Yang Terhasil Dengannya Taharah:

Taharah memerlukan kepada sesuatu untuk dibersihkan dengannya dan dihilangkan dengannya najis juga diangkat dengannya hadas, dan ia adalah air. Air yang terhasil dengannya Taharah adalah air yang Tohur, iaitu: Yang suci pada zatnya, yang menyucikan terhadap yang lain. Ia adalah yang kekal

pada asal ciptaannya, iaitu: pada sifat yang ia diciptakan padanya, sama sahaja sama ada ia turun dari langit: seperti hujan, cairan salji dan air batu, atau pun mengalir di tanah: seperti sungai-sungai, mata-mata air, telaga-telaga dan lautan.

Kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan Dia turunkan ke atas kamu dari Langit, air yang Dia sucikan kamu dengannya*} [Al-Anfaal : 11], serta firman-Nya -تعالى-: {*dan Kami turunkan dari Langit, air yang menyucikan*} [Al-Furqaan : 48].

Kerana sabda Nabi ﷺ: (**Ya Allah! Basuhlah daku dari kesalahan-kesalahanku dengan air, salji dan air batu**)[1], dan kerana sabda Baginda ﷺ mengenai air laut: (**Ia bersifat menyucikan; airnya, bersifat halal; bangkainya**)[2].

Tidak akan terhasil Taharah dengan cecair selain air, seperti cuka, petrol, jus, limau dan apa-apa yang menyerupai yang demikian; kerana firman-Nya -تعالى-: {*maka kamu tidak dapati air, maka sapulah dengan tanah yang bersih*} [Al-Maaidah : 6]. Sekiranya Taharah boleh terhasil dengan cecair selain air, pasti dipindahkan ketiadaan kepadanya, dan tidak akan dipindahkan kepada tanah.

Persoalan Ketiga: Air Apabila Ia Dicampuri Oleh Najis:

Air apabila dicampuri oleh najis dan mengubah salah satu dari tiga sifatnya - baunya, atau rasanya, atau warnanya - maka ia adalah najis secara ijmak dan tidak harus digunakan, lantas ia tidak akan mengangkat hadas dan tidak menghilangkan kotoran - sama ada banyak atau sikit -. Adapun sekiranya ia dicampuri oleh najis dan tidak mengubah salah satu sifat-sifatnya; jika ia adalah banyak maka ia tidak akan ternajis dan akan terhasil Taharah dengannya, manakala jika ia adalah sedikit maka ia ternajis dan tidak akan terhasil Taharah dengannya. Batasan air yang banyak adalah apa yang mencecah dua kolah[3] dan lebih, sedangkan yang sedikit adalah apa yang kurang dari itu.

Dalil untuk itu adalah hadith Abi Sa'eid d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Sesungguhnya air itu adalah menyucikan dan tidak akan menajiskannya sesuatu**)[4], serta hadith Ibnu Umar d bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Apabila mencecah air dua kolah, ia tidak akan menanggung kotoran**)[5].

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (744) dan Muslim dengan no. (598).

[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (83), An-Nasaa'ie dengan no. (59), Ibnu Majah dengan no. (3246), At-Tirmidzi dengan no. (69). Berkata At-Tirmidzi: Sebuah hadith yang hasan sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 58).

[3] Kolah adalah bekas air. Ia menyamai lebih kurang 93.075 gantang = 160.5 liter air. Dua kolah adalah lebih kurang lima kirbah.

[4] Diriwayatkan oleh Ahmad dengan no (3/15). Abu Daud dengan no. (61), An-Nasaa'ie dengan no. (277), At-Tirmidzi dengan no. (66) dan beliau berkata: Sebuah hadith yang hasan. Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (1/45).

[5] Diriwayatkan oleh Ahmad dengan no (2/27). Abu Daud dengan no. (63), At-Tirmidzi dengan no. (67), An-Nasaa'ie dengan no. (52), Ibnu Majah dengan no. (517) dan lafaz beliau: (**Apabila air berkenaan adalah dua kolah, tidak akan menajiskannya sesuatu pun**). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (1/45).

Persoalan Keempat: Air Apabila Ia Dicampuri Oleh Sesuatu Yang Bersih:

Air apabila dicampuri bahan yang suci, seperti daun-daun pokok atau sabun atau usynan* atau bidara atau selain itu dari bahan-bahan yang suci, dan tidak ia tidak menguasainya, maka yang sahihnya adalah ia bersifat menyucikan dan dibolehkan untuk bersuci dengannya dari hadas atau najis; kerana Allah -سبحانه وتعالى- berfirman: {*Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu, yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu.*} [An-Nisaa' : 43]. Lafaz air dalam ayat ini adalah *nakirah* dalam konteks penafian, maka ia meliputi semua air. Tiada beza di antara air yang tulen dan yang bercampur.

Juga kerana sabda Baginda ﷺ kepada wanita-wanita yang melakukan penyiapan pengurusan anak perempuannya: (**Basuhlah tiga kali atau lima kali, atau lebih dari itu jika kamu rasakan begitu, dengan air dan bidara, dan jadikan pada akhirnya air kapur, atau sedikit dari kapur**)[1].

Persoalan Kelima: Hukum Air Musta'mal Di Dalam Taharah:

Air Musta'mal di dalam Taharah - seperti air yang terpisah dari anggota orang yang berwuduk dan orang yang mandi - adalah suci lagi menyucikan terhadap yang lain mengikut pendapat yang sahih. Ia akan mengangkat hadas dan menghilangkan najis, selama mana ia tidak berubah dari kerananya salah satu sifat-sifatnya yang tiga: bau, warna, rasa.

Dalil kesuciannya: (**Bahawa Nabi ﷺ dahulu apabila Baginda berwuduk, hampir-hampir mereka berbunuh-bunuhan untuk air wuduk Baginda**)[2], dan kerana bahawa Baginda ﷺ telah menuangkan ke atas Jabir dari wuduk Baginda ketika beliau dahulu sakit[3]. Jika ia adalah najis nescaya tidak harus perbuatan itu. Juga kerana Nabi ﷺ, para Sahabat, dan isteri-isteri Baginda dahulu berwuduk pada bekas minuman dan bekas makanan, serta mandi di dalam dulang, sedangkan keadaan-keadaan seperti ini tidak akan terselamat daripada percikan yang akan jatuh ke dalam air dari yang telah digunakan, kerana sabda Baginda ﷺ kepada Abi Hurairah, dan beliau pada awalnya ada junub: (**Sesungguhnya orang yang beriman tidak najis**)[4]. Sekiranya ia adalah sedemikian, maka air tersebut tidak hilang sifat menyucikannya dengan hanya tersentuhnya ia dengannya.

Persoalan Keenam: Sisa Anak-anak Adam dan Binatang-binatang Ternakan:

Sisa [السُّؤْر]: iaitu apa yang tertinggal di dalam bekas setelah minum si peminum darinya, anak Adam adalah suci, maka sisanya adalah suci, tidak kira sama ada Muslim atau pun Kafir, demikian juga orang yang junub dan wanita yang haid. Telah sabit bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Orang**

---

* Usynan [الأشنان]: Sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai *glasswort* atau *salicornia* yang ia atau debunya digunakan untuk membasuh pakaian dan tangan.

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1253, 1358, 1259, dan lain-lain) dan Muslim dengan no. (939).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (189).

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5651) dan Muslim dengan no. (1616).

[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (371).

beriman tidak najis)[1], dan daripada Aisyah: Bahawa beliau dahulu minum dari satu bekas dalam keadaan beliau haid, lalu Rasulullah ﷺ telah mengambilnya dan meletakkan mulut Baginda pada tempat bekas mulut beliau[2].

Telah bersepakat para Ulama terhadap kesucian sisa binatang-binatang ternakan dan lain-lain yang dimakan dagingnya. Sementara apa-apa yang tidak dimakan dagingnya seperti binatang buas, keldai, dan lain-lain, yang sahih: Bahawa sisanya adalah suci dan tidak memberi kesan terhadap air, khususnya apabila air berkenaan adalah banyak.

Adapun sekiranya air berkenaan adalah sedikit dan ia berubah dengan sebab peminumannya dari air berkenaan, maka ia adalah najis.

Dalil perkara berkenaan adalah: Hadith yang lalu, dan di dalamnya: Bahawa Baginda ﷺ ditanya mengenai air, dan apa yang didatangi oleh binatang melata dan binatang buas, lalu Baginda bersabda: (**Apabila air mencecah dua kolah, ia tidak menanggung kotoran**), serta sabda Baginda ﷺ mengenai kucing sedangkan ia telah minum dari bekas: (**Ia tidaklah najis, ia hanyalah dari makhluk-makhluk jantan yang berulang-alik terhadap kamu dan makhluk-makhluk betina**)[3], kerana pada kebiasaan sukar untuk berjaga-jaga darinya. Jika kita berpendapat dengan kenajisan sisanya, dan wajib dibasuh semua benda, nescaya pada perkara berkenaan terdapat kepayahan, sedangkan ia adalah terangkat dari Umat ini.

Manakala anjing pula: Daripada Abi Hurairah d, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Penyucian bekas seseorang kamu apabila menjilat padanya anjing, bahawa dia membasuhnya tujuh kali, permulaannya dengan tanah**)[4].

Berkenaan babi pula: kerana kenajisannya, kekotorannya, dan kecemarannya, telah berfirman Allah -تعالى-: {*kerana sesungguhnya ia adalah najis*} [Al-An'aam : 145].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (371).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (300).
[3] Dikeluarkan oleh Ahmad dengan no (5/296), Abu Daud dengan no. (75), At-Tirmidzi dengan no. (92) dan beliau berkata: Sebuah hadith yang hasan sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* no. 22).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (172) dan Muslim dengan no. (279) - 91. Lafaz oleh Muslim.

Bab Kedua : Mengenai Bekas-bekas

Aaniyah [الآنية]: adalah bekas-bekas yang disimpan di dalamnya air atau benda-benda lain, tak kira sama adalah dari besi atau dari bahan lain. Asal hukum mengenainya adalah dibolehkan; kerana firman-Nya -تعالى-: {*Dialah yang telah menjadikan untuk kamu apa yang di Bumi seluruhnya*} [Al-Baqarah: 29].

Persoalan Pertama: Penggunaan Bekas-bekas Emas, Perak dan Selainnya Di Dalam Taharah:

Dibolehkan penggunaan semua bekas-bekas dalam makan, minum dan semua penggunaan, sekiranya ia adalah suci lagi dibolehkan, sekalipun ia adalah bernilai, kerana ia kekal pada hukum asal iaitu dibolehkan, melainkan bekas-bekas emas dan perak, kerana sesungguhnya diharamkan makan dan minum di dalam kedua-duanya secara khusus, bukan semua penggunaan; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah kamu minum dalam bekas-bekas emas dan perak, serta janganlah kamu makan dalam pinggan-pinggannya, kerana ia adalah untuk mereka di Dunia dan untuk kamu di Akhirat**)[1], serta sabda Baginda ﷺ: (**Orang yang minum dalam bekas-bekas perak, yang mengalir ke dalam perutnya hanyalah api Jahannam**)[2]. Ini adalah nas terhadap pengharaman makan dan minum, bukan semua penggunaan, maka ia menunjukkan kepada membolehkan penggunaan dalam bersuci. Larangan adalah umum merangkumi bekas-bekas yang tulen atau yang disalut dengan emas atau perak, atau yang di dalamnya terdapat sesuatu dari emas dan perak.

Persoalan Kedua: Hukum Penggunaan Bekas Yang Pateri Dengan Emas dan Perak:

Sekiranya pateri adalah dari emas, diharamkan penggunaan bekas-bekas berkenaan secara mutlak, kerana ia termasuk di bawah umum nas. Adapun jika pateri berkenaan adalah dari perak, dan ia adalah sedikit, maka dibolehkan penggunaan bekas-bekas tersebut; kerana hadith Anas d, beliau berkata: (**Telah terpecah bekas minuman Rasulullah ﷺ, lalu telah mengambil kedudukan pecahan itu jalinan dari perak**)[3].

Persoalan Ketiga: Bekas-bekas Orang Kafir:

Hukum asal pada bekas-bekas orang kafir adalah halal, melainkan apabila diketahui kenajisannya, maka tidak dibolehkan penggunaannya melainkan setelah ia dibasuh; kerana hadith Abu Tsa'labah Al-Khusyani, beliau berkata: Aku telah berkata: Ya Rasulallah! Sesungguhnya berada di tanah kaum Ahli Kitab. Adakah boleh kami makan dalam bekas-bekas mereka? Baginda bersabda: (**Janganlah kamu makan dalamnya melainkan kamu tidak dapati selainnya, lalu basuhlah ia, dan kemudian makanlah di dalamnya**)[4].

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5426) dan Muslim dengan no. (2067).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5634) dan Muslim dengan no. (2065).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (3109).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5478) dan Muslim dengan no. (1930).

Adapun apabila tidak diketahui kenajisannya dengan sebab bahawa penduduknya tidak terkenal dengan berhubung secara langsung dengan najis, maka ianya adalah dibolehkan penggunaannya; kerana telah sabit bahawa Nabi ﷺ dan sahabat-sahabat Baginda telah mengambil air untuk berwuduk dari bekas bekalan seorang wanita Musyrikah[1]. Juga bahawa Allah -سبحانه- telah menghalalkan untuk kita makanan Ahli Kitab, dan barangkali mereka akan menghidangkannya kepada kita di dalam bekas-bekas makanan mereka, sebagaimana seorang budak berbangsa Yahudi telah mengajak Rasulullah ﷺ kepada roti barli dan minyak berbau, lalu Baginda telah makan darinya[2].

Persoalan Keempat: Taharah Pada Bekas-bekas Yang Diperbuat Dari Kulit-kulit Bangkai:

Kulit bangkai apabila ia disamak, ia menjadi suci dan diharuskan penggunaannya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Mana-mana kulit yang disamak maka ia telah menjadi suci**)[3]. Juga kerana Baginda ﷺ telah melintas dengan seekor kambing yang telah mati, lalu Baginda ﷺ bersabda: (**Mengapakah mereka tidak ambil kulitnya, lalu mereka menyamaknya, lantas mereka memanfaatkannya?**), mereka pun berkata: Ia adalah bangkai. Baginda bersabda: (**Yang haram hanyalah memakannya**)[4]. Dan ini adalah pada apa yang ia adalah bangkai dari yang akan dihalalkan oleh penyembelihan, jika bukan maka tidak.

Adapun bulunya maka ia adalah suci -iaitu bulu bangkai yang diharuskan makan ketika hidup- sementara daging pula ia adalah najis, diharamkan memakannya. Kerana firman-Nya -تعالى-: {*melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor*} [Al-An'aam : 145].

Akan terhasil penyamakan dengan pembersihan najis dan kotoran yang ada pada kulit, dengan medium bahan-bahan yang ditambahkan kepada air seperti garam dan selainnya, atau dengan tumbuhan yang terkenal seperti akasia atau juniper dan selain kedua-duanya.

Manakala apa-apa yang tidak akan dihalalkan oleh penyembelihan maka ia tidak akan menjadi suci, dan berdasarkan ini, kulit kucing dan apa-apa selainnya pada bentuk rupa, tidak dapat disucikan dengan penyamakan, sekalipun ia ketika keadaan hidupnya adalah suci.

Kulit binatang yang haram dimakan sekalipun suci ketika keadaan hidupnya, tidak akan disucikan dengan penyamakan.

Kesimpulannya: Bahawa setiap haiwan yang mati, sedangkan ia tergolong dari yang dimakan dagingnya, maka ia akan disucikan dengan penyamakan. Setiap haiwan yang mati dan bukan tergolong dari yang dimakan dagingnya, maka kulitnya tidak dapat disucikan dengan penyamakan.

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (344) dan Muslim dengan no. (682).
[2] Dikeluarkan oleh Ahmad (3/210,211). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (1/71).
[3] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (1650) dan Muslim dengan no. (366) dengan lafaz: (**Apabila disamak kulit, maka ia telah suci**) dari hadith Ibnu Abbas.
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (363) dan Ibnu Majah dengan no. (3610).

Bab Ketiga : Mengenai Qada' Hajat dan Adab-adabnya

Persoalan Pertama: Istinja' dan Istijmar, Serta Perlaksanaan Salah Satu Dari Keduanya Tugasan Yang Satu Lagi:

Istinja' [الاستنجاء]: Menghilangkan apa yang keluar dari dua jalan dengan air.
Istijmar [الاستجمار]: Menyapunya dengan sesuatu yang suci, mubah, serta kesat seperti batu dan selainnya.
Memadai salah satu dari keduanya bagi pihak yang satu lagi; kerana sabitnya yang demikian daripada Nabi ﷺ: Daripada Anas d, beliau berkata: (**Dahulunya Nabi ﷺ akan masuk tandas, lalu aku dan seorang budak sepertiku akan membawakan satu bekas air dan tongkat pendek, lalu Baginda akan beristinja' dengan air**)[1]. Daripada Aisyah g, daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda: (**Apabila pergi seseorang kamu ke tandas, maka hendaklah dia membersihkan dengan tiga biji batu, sesungguhnya ia memadai untuknya**)[2], dan penggabungan di antara kedua-duanya adalah lebih afdhal.

Istijmar pula terhasil dengan batu atau setiap yang suci, kesat lagi mubah yang menggantikan kedudukannya, seperti sapu tangan kertas, kayu dan yang seumpamanya; kerana Nabi ﷺ dahulunya beristijmar dengan batu, maka diturutkan dengannya apa yang menyerupainya dalam pembersihan. Tidak memadai dalam istijmar dengan kurang dari tiga sapuan; kerana hadith Salman d : (**Dia -yakni Nabi ﷺ- telah melarang kami beristinja' dengan tangan kanan, beristinja' dengan kurang dari tiga biji batu, dan beristinja' dengan tahi kering ataupun tulang**)[3].

Persoalan Kedua: Menghadap Kiblat dan Membelakangkannya Ketika Qada' Hajat:

Tidak dibolehkan menghadap Kiblat dan tidak pula membelakangkannya ketika Qada' Hajat di padang yang luas tanpa sebarang pengadang; kerana hadith Abu Ayyub Al-Ansaari d : Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Apabila kamu mendatangi tandas, maka janganlah kamu menghadap Kiblat, dan janganlah kamu membelakangkannya, tetapi mengarahlah ke timur atau mengarahlah ke barat**). Berkata Abu Ayyub: Maka kami telah sampai ke Syam, lalu kami dapati tandas-tandas telah dibina mengarah Kaabah, maka kami melencong daripadanya dan kami meminta keampunan kepada Allah[4].

Adapun jika dia berada di dalam bangunan, atau di antaranya dengan Kiblat terdapat sesuatu yang melindungnya, maka tiada kesalahan di dalam perkara berkenaan; kerana hadith Ibnu Umar d : (**Bahawa beliau melihat Rasulullah ﷺ kencing di dalam rumah Baginda menghadap ke Syam dan membelakangkan Kaabah**)[5], juga kerana hadith Marwan Al-Asghar, beliau berkata: (Telah mendudukkan Ibnu Umar untanya menghadap Kiblat, kemudian beliau duduk kencing ke arahnya. Aku pun berkata: Wahai Abu Abdir Rahman! Bukankah telah dilarang daripada perbuatan ini? Beliau

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (271).
[2] Diriwayatkan oleh Ahmad (6/108) dan Ad-Daarqutni dengan no. (144), beliau berkata: Isnad sahih.
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (262).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (144) dan Muslim dengan no. (264).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (148) dan Muslim dengan no. (266).

pun berkata: Bahkan, ya! Hanyalah dilarang daripada perbuatan ini di kawasan lapang. Adapun apabila di antara engkau dan Kiblat terdapat sesuatu yang melindung dikau, maka tiada kesalahan)[1]. Dan yang afdhal adalah meninggalkan perbuatan berkenaan sehinggakan di dalam bangunan, dan Allahlah yang lebih mengetahui.

Persoalan Ketiga: Apa Yang Disunatkan Perlakuannya Bagi Orang Yang Memasuki Tandas:

Disunatkan bagi orang yang memasuki tandas mengatakan: (**Dengan nama Allah. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina**), serta ketika selesai dan keluar: (**Keampunan-Mu**). Mendahulukan kakinya yang kiri ketika masuk dan kanan ketika keluar. Juga janganlah dia menyingkap auratnya sehingga dia mendekat ke tanah.

Apabila dia berada di kawasan lapang digalakkan untuknya menjauh dan berselindung sehingga dia tidak dapat dilihat. Dalil-dalil semua itu: hadith Jabir d, beliau berkata: (**Kami telah keluar bersama Rasulullah ﷺ di dalam satu perjalanan, dan Rasulullah ﷺ tidak akan membuang air sehingga Baginda menghilang lalu Baginda tidak kelihatan**)[2].

Hadith Ali d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Pelindung apa yang di antara jin dengan aurat-aurat anak Adam apabila dia memasuki tandas, bahawa dia berkata: 'Dengan nama Allah'**)[3].

Hadith Anas d: Dahulunya Nabi ﷺ apabila Baginda memasuki tandas, Baginda bersabda: (**Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina**)[4].

Hadith Aisyah g: (**Dahulunya Baginda ﷺ apabila Baginda keluar dari tandas, Baginda berkata: Keampunan-Mu**)[5].

Hadith Ibnu Umar d: (**Bahawa Nabi ﷺ dahulunya apabila Baginda inginkan hajat, Baginda tidak akan mengangkat pakaian Baginda sehinggalah Baginda mendekat ke tanah**)[6].

Persoalan Keempat: Apa Yang Diharamkan Perlakuannya Terhadap Sesiapa Yang Ingin Qada' Hajat:

Diharamkan kencing di dalam air yang bertakung; kerana hadith Jabir daripada Nabi ﷺ: (**Bahawa**

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (11), Ad-Daarqutni dengan no. (158), dan Al-Hakim (1/154). Ia disahihkan oleh Ad-Daarqutni serta Al-Hakim dan menyepakati beliau Ad-Dzahabi. Ia dihasankan oleh Ibnu Hajar, Al-Haazimi dan Al-Albaani (lihat: *Al-Irwaa'* dengan no 61).

[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (297), Ibnu Majah dengan (335) dan lafaz ini oleh beliau serta isnadnya adalah sahih. Lihat *Sahih Ibnu Majah* (1/60).

[3] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (297) dan At-Tirmidzi dengan no. (606). Ia dihasankan oleh Ahmad Syakir pada nota kaki At-Tirmidzi. Ia disahihkan oleh Al-Albaani. *Sahih Al-Jaamie' As-Soghir* dengan no. (3611).

[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (142) dan Muslim dengan no. (375).

[5] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (17), At-Tirmidzi dengan no. (7) dan beliau berkata: Hasan Ghorib. Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Al-Jaamie' As-Saghir* dengan no. (4707).

[6] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (14), At-Tirmidzi dengan no. (14). Disahihkan oleh Al-Albaani, lihat *Sahih Al-Jaamie' As-Saghir* dengan no. (4652).

Baginda telah melarang daripada kencing ke dalam air yang bertakung)[1].

Janganlah dia memegang zakarnya dengan tangan kanannya ketika dia kencing dan janganlah dia beristinja' dengannya. Kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila kencing seseorang dari kalangan kamu, maka janganlah dia memegang zakarnya dengan tangan kanannya dan janganlah dia beristinja' dengan tangan kanannya**)[2].

Juga diharamkan ke atasnya kencing atau berak di jalan atau pada teduhan atau di taman-taman umum atau di bawah pokok yang berbuah atau sumber-sumber air; kerana apa yang diriwayatkan oleh Muaz, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Jauhilah oleh kamu akan tiga golongan tercela: orang yang berak pada sumber-sumber air, laluan jalan, dan teduhan**)[3], serta kerana hadith Abu Hurairah d, bahawa Nabi ﷺ bersabda: (**Jauhilah oleh kamu akan dua golongan tercela**), mereka pun berkata: Apakah dua golongan tercela itu, wahai Rasulullah? Baginda bersabda: (**Orang yang membuang air pada jalan manusia atau pada teduhan mereka**)[4].

Begitu juga diharamkan ke atasnya membaca Al-Quran, diharamkan ke atasnya beristijmar dengan tahi kering, atau tulang, atau dengan makanan yang dihormati; kerana hadith Jabir d: (**Bahawa Nabi ﷺ telah melarang pengelapan dengan tulang atau dengan tahi kering**)[5].

Juga diharamkan qada' hajat di antara kubur-kubur orang Islam, bersabda Nabi ﷺ: (**Aku tidak hiraukan di tengah kubur-kuburkah aku mengqada hajatku atau di tengah pasar?**)[6].

Persoalan Kelima: Apa Yang Dimakruhkan Perlakuannya Bagi Sedang Di Dalam Tandas:

Dimakruhkan ketika Qada' Hajat menghadap tiupan angin dengan tanpa penyekat; supaya tidak kembali semula air kencing kepadanya, serta dimakruhkan bercakap; sesungguhnya telah melintas seorang lelaki ketika Nabi ﷺ sedang kencing, lantas dia memberi salam, lalu Baginda tidak menjawab semula kepadanya[7].

Dimakruhkan kencing pada rekahan dan seumpamanya; kerana hadith Qatadah daripada Abdullah bin Sarjis: (Bahawa Nabi ﷺ telah melarang dari kencing ke dalam lubang. Dikatakan kepada Qatadah: Apa hal dengan lubang? Beliau berkata: Dikatakan: bahawa ia adalah tempat tinggal jin)[8]. Juga kerana tidak selamat bahawa di dalamnya ada haiwan, maka dia akan menyakitinya, atau ia adalah tempat tinggal bagi jin, maka ia akan menyakiti mereka.

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (281), dan sepertinya di sisi Al-Bukhari dengan no. (239). Bertakung: Tetap yang tidak mengalir.
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (154) dan lafaz oleh beliau, serta Muslim dengan no. (267).
[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (26) dan Ibnu Majah dengan no. (328). Isnadnya adalah hasan, lihat *Irwaa' Al-Ghaliil* (1/100).
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (269).
[5] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (263).
[6] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1567). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Irwaa' Al-Ghaliil* (1/102).
[7] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (370).
[8] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (29), an-Nasaa'ie dengan nombor (34). Telah menukilkan Ibnu Hajar di dalam *At-Talkhis* pensahihannya daripada Ibnu Khuzaimah dan Ibnu As-Sakan. Berkata Syeikh Ibnu Uthaimiin: Sekurang-kurang keadaannya, bahawa ia adalah hasan (*As-Syarh Al-Mumtie'* 1/95-96).

Dimakruhkan dari memasuki tandas dengan sesuatu yang padanya terdapat sebutan Allah melainkan untuk keperluan; kerana Nabi ﷺ (**dahulunya apabila Baginda memasuki tandas Baginda menanggalkan cincin Baginda**)[1].

Adapun ketika keperluan dan terdesak maka tidak mengapa, seperti keperluan untuk masuk dengan wang-wang kertas yang padanya terdapat nama Allah; kerana jika dia meninggalkannya di luar ia akan terdedah untuk dicuri atau dilupakan.

Sementara mashaf pula, sesungguhnya diharamkan masuk dengannya tak kira sama ada ia zahir atau tersembunyi; kerana ia adalah kalam Allah dan ia adalah semulia-mulia kalam, dan memasuki tandas dengannya padanya terdapat satu bentuk penghinaan.

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (19), At-Tirmidzi dengan no. (1746), An-Nasaa'ie dengan no. (5228), Ibnu Majah dengan no. 303). Berkata Abu Daud setelah mengeluarkannya: Ini adalah sebuah hadith yang munkar. Berkata At-Tirmidzi: Ini adalah sebuah hadith yang hasan ghorib. Ia didaifkan oleh Al-Albaani; walau di atas pendapat dengan kelemahan hadith ini dan ketidaklakuannya untuk dijadikan hujah, sesungguhnya yang patut dan afdhal adalah tidak dimasuki tandas dengan sesuatu yang padanya ada nama Allah dengan tanpa desakan; bagi memuliakan dan mengagungkan nama-Nya Taala.

Bab Keempat : Mengenai Siwak dan Sunat-sunat Fitrah

Siwak [السواك]: ialah penggunaan batang kayu atau yang seumpamanya pada gigi atau gusi; bagi menghilang makanan-makanan dan bau-bau yang melekat pada kedua-duanya.

Persoalan Pertama: Hukumnya:

Siwak adalah disunatkan pada semua waktu, sehinggakan seorang yang berpuasa, jika dia bersiwak dalam keadaan dia berpuasa, tidak ada apa-apa pada yang demikian, tak kira sama ada di awal siang atau di akhirnya; kerana bahawa Nabi ﷺ menggalakkan mengenainya dengan penggalakan yang mutlak, dan tidak mengikatnya dengan waktu tertentu tanpa yang lain, di mana Baginda ﷺ telah bersabda: (**Siwak adalah menjadi penyucian terhadap mulut dan menjadi keredhaan kepada Tuhan**)[1]. Juga Baginda ﷺ telah bersabda: (**Jika tidak bahawa aku akan menyusahkan terhadap umatku, pasti aku perintahkan mereka untuk bersiwak pada setiap solat**)[2].

Persoalan Kedua: Bilakah Ia Menjadi Ditekankan?

Ia ditekankan ketika wuduk, ketika bangun dari tidur, ketika berubah bau mulut, ketika membaca Al-Quran, dan ketika Solat. Begitu juga ketika masuk masjid dan rumah; kerana hadith Al-Miqdam bin Syuraih, daripada bapanya, beliau berkata: Aku bertanya Aisyah, aku berkata: Dengan perkara apakah dimulakan oleh Nabi ﷺ dahulu apabila Baginda masuk rumah Baginda? Beliau berkata: "Dengan bersiwak"[3]. Ia ditekankan juga ketika lama berdiam, dan menjadi kuning gigi, kerana hadith-hadith yang lalu. Serta dahulunya Rasulullah ﷺ apabila Baginda bangkit pada waktu malam, Baginda akan menggosok mulut Baginda dengan siwak[4]. Dan seorang Muslim adalah diperintahkan ketika ibadat dan mendekatkan diri kepada Allah, agar dia berada di atas sebaik-baik keadaan dari kebersihan dan kesucian.

Persoalan Ketiga: Dengan Apakah Ia Terjadi?

Disunatkan agar terjadi perbuatan bersiwak itu dengan batang kayu yang lembap, tidak terpecah-pecah, tidak melukakan mulut; kerana sesungguhnya Nabi ﷺ dahulunya bersiwak dengan batang *Araak*[*]. Juga boleh untuknya bersiwak dengan tangan yang kanan atau yang kiri, maka urusan dalam perkara ini adalah luas.

Jika tiada padanya batang kayu untuk dia bersiwak dengannya ketika berwuduk, memadai untuknya bersiwak dengan jarinya, sebagaimana itu telah diriwayatkan oleh Ali bin Abi Tolib d mengenai

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari di dalam Kitab As-Siyam 2/40 secara muallaq dengan bentuk jazam. Ia diriwayatkan oleh Ahmad (6/47) dan An-Nasaa'ie (1/10). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam Al-Irwaa' (1/105).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (887) dan Muslim dengan no. (252).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (253).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (245) dan Muslim dengan no. (255).
[*] Araak [الأراك] atau *Salvadora Persica* adalah sejenis tumbuhan semak yang batang dan akarnya digunakan untuk membersihkan gigi.

sifat wuduk Nabi ﷺ[1].

Persoalan Keempat: Faedah-faedah Siwak:

Yang terpenting di antaranya adalah apa yang datang di dalam hadith yang telah lalu: Bahawa ia adalah menjadi penyucian untuk mulut di Dunia dan menjadi keredhaan kepada Tuhan di Akhirat. Maka seharusnya seorang Muslim menjaga sunnah ini, dan tidak meninggalkannya; kerana faedah-faedah besar yang terdapat di dalamnya. Kadangkala berlalu terhadap sesetengah orang Islam satu tempoh dari jangka masa seperti sebulan dan dua bulan, mereka tidak bersiwak sama ada kerana kemalasan ataupun kerana kejahilan. Mereka ini telah terlepas dari mereka ganjaran yang besar dan faedah-faedah yang banyak; dengan sebab mereka meninggalkan sunnah ini yang dahulunya Nabi ﷺ berterusan terhadapnya, dan hampir-hampir Baginda memerintahkannya terhadap umat Baginda dengan perintah mewajibkan, jika tidak dibimbangkan kepayahan.

Sesungguhnya mereka telah menyebut faedah-faedah lain bagi siwak, di antaranya: Bahawa ia menguatkan gigi, mengetatkan gusi, menjelaskan suara dan mencergaskan hamba berkenaan.

Persoalan Kelima: Sunat-sunat Fitrah:

Ia dinamakan juga: Sifat-sifat Fitrah; dan itu adalah kerana pelakunya bersifat dengan Fitrah yang Allah fitrahkan manusia di atasnya dan galakkan untuk mereka; agar mereka menjadi pada sebaik-baik keadaan dan sesempurna-sempurna bentuk rupa.

Daripada Abi Hurairah d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Lima perkara dari Fitrah: beristihdad, berkhitan, menggunting misai, mencabut bulu ketiak, dan memotong kuku**)[2].

1 - Istihdad : Ia adalah mencukur ari-ari, iaitu bulu yang tumbuh di sekeliling kemaluan. Ia dinamakan demikian kerana penggunaan besi padanya iaitu pisau cukur. Pada menghilangkannya terdapat keindahan dan kebersihan. Ia boleh juga dihilangkan dengan tanpa pencukuran, seperti dengan mesin-mesin pencukur.

2 - Khitan : Ia adalah menghilangkan kulit yang menutup hasyafah sehingga nyata hasyafah berkenaan, dan ini adalah pada hak lelaki. Adapun wanita pula: dipotong daging yang lebih di atas tempat kemasukan. Dikatakan: Ia menyerupai balung ayam. Dan yang sahihnya: Ia adalah wajib pada hak golongan lelaki, sunnah pada hak golongan wanita.

Hikmah pada khitan lelaki adalah: pembersihan zakar dari najis yang tersimpan di dalam kulup, dan faedah-faedahnya adalah banyak.

Manakala wanita pula: bahawa ia akan mengurangkan keghairahannya iaitu: pelampauan syahwatnya.

Dan digalakkan agar ia berlaku pada hari ketujuh bagi kelahiran; kerana ia lebih cepat untuk sembuh,

---

[1] Dikeluarkan oleh Ahmad di dalam *Al-Musnad* (1/158) dan disahihkan oleh Ibnu Hajar di dalam *At-Talkhis Al-Habiir* (1/70).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5889) dan Muslim dengan no. (257).

dan supaya membesar anak kecil berkenaan di atas keadaan paling sempurna.

3 - Menggunting misai dan memendekkannya : Ia adalah bersungguh-sungguh dalam mengguntingnya; kerana penghiasan, kebersihan, dan menyalahi golongan kafir yang terdapat di dalamnya.

Telah datang hadith-hadith yang sahih dalam menggalakkan untuk mengguntingnya, serta membiarkan janggut, melepaskannya, dan memuliakannya; kerana kekacakan dan bentuk rupa kelelakian yang terdapat di dalam pengekalan janggut. Sesungguhnya ramai dari kalangan manusia telah berlawanan perintah ini, lalu mereka jadi melebatkan misai-misai mereka dan mencukur janggut-janggut mereka atau memendekkannya. Di dalam semua ini terhadap penentangan terhadap sunnah dan perintah-perintah yang datang pada mewajibkan membiarkannya; antaranya: Hadith Abi Hurairah d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Potonglah misai dan biarkanlah janggut, canggahilah golongan Majusi**)[1]. Juga hadith Ibnu Umar d, daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda: (**Canggahilah golongan Musyrik, lebatkanlah janggut-janggut dan pendekkanlah misai-misai**)[2].

Maka wajib ke atas seorang Muslim untuk beriltizam dengan pertunjuk Nabawi ini, menyalahi para musuh, serta membezakan diri dari menyerupai golongan wanita.

4 - Memotong kuku : Ia adalah mengguntingnya dengan sekira-kira ia tidak dibiarkan sehingga panjang. Pemotongan akan mencantikkannya dan menghilangkan kotoran-kotoran yang bertimbun di bawahnya. Sesungguhnya telah menyalahi Fitrah Nabawiah ini sebahagian orang-orang Islam, lalu mereka mula memanjangkan kuku-kuku mereka, atau kuku-kuku jari tertentu pada tangan mereka. Semua itu adalah termasuk dari penghiasan Syaitan dan peniruan terhadap musuh-musuh Allah.

5 - Mencabut bulu ketiak : Ia adalah menghilangkan bulu yang tumbuh padanya, maka disunatkan penghilangan bulu berkenaan dengan dicabut atau dicukur atau selain keduanya; kerana apa yang terdapat pada penghilangannya dari kebersihan dan penghentian bau-bau busuk yang terhimpun dengan wujudnya bulu ini.

Inilah agama kita yang tulus, yang telah memerintahkan kita dengan ciri-ciri ini; kerana penghiasan, penyucian dan pembersihan yang ada padanya, juga supaya seseorang Muslim akan menjadi pada sebaik-baik keadaan, terhindar dari meniru-niru golongan Kafir dan Jahil, berbangga dengan agamanya, taat kepada Tuhan-Nya, serta mengikuti sunnah Nabi-Nya ﷺ.

Ditambah kepada ciri-ciri yang lima ini: bersiwak, penyedutan air, berkumur, membasuh buku jari - iaitu sendi pada permukaan jari-jemari, yang sering terhimpun padanya kotoran -, dan istinja'. Itu adalah kerana hadith Aisyah g, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Sepuluh perkara dari Fitrah: menggunting misai, membiarkan janggut, bersiwak, menyedut air, memotong kuku, membasuh buku-buku jari, mencabut bulu ketiak, mencukur ari-ari, bersuci dengan air**) yakni istinja'. Berkata Mus'ab bin Syaibah -salah seorang perawi hadith berkenaan-: "dan aku terlupa yang kesepuluh, jika tidak ia adalah berkumur"[3].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (260).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5892) dan Muslim dengan no. (258). Lafaz ini oleh Al-Bukhari.
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (261).

Bab Kelima : Mengenai Wuduk

Persoalan Pertama: Pengenalannya dan Hukumnya:

Wuduk [الوضوء] dari segi bahasa: diambil dari perkataan *al-wadhaa'ah* [الوضاءة], iaitu keelokan dan kebersihan.

Dari segi Syarak: penggunaan air pada anggota yang empat -iaitu wajah, dua tangan, kepala dan dua kaki- mengikut sifat yang khusus di dalam Syarak, di atas bentuk pengabdian diri kepada Allah -تعالى-.

Hukumnya: bahawa ia adalah wajib ke atas orang yang berhadas apabila dia ingin solat dan apa-apa yang di dalam hukumnya, seperti bertawaf dan menyentuh mashaf.

Persoalan Kedua: Dalil Untuk Mewajibkannya, Terhadap Siapa Ia Diwajibkan, dan Bila Ia Diwajibkan?

Adapun dalil terhadap mewajibkannya: firman-Nya -تعالى-: {*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*} [Al-Maaidah : 6].

Juga sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah sebarang solat dengan tanpa penyucian, dan tidak juga sebarang sedekah dari pengkhianatan**)[1], dan sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah solat orang yang hadas sehinggalah dia berwuduk**)[2].

Tidak dinukilkan daripada seorang pun dari kalangan Muslimin sebarang percanggahan mengenainya. Maka dengan itu sabit syariatnya wuduk adalah: dengan Kitab, Sunnah, dan Ijmak.

Sementara ke atas siapa ia diwajibkan: Ia wajib ke atas seorang Muslim yang baligh lagi berakal, apabila dia menginginkan solat dan apa-apa yang dalam hukumnya.

Manakala bilakah ia diwajibkan? Apabila masuk waktu solat atau seseorang insan inginkan perbuatan yang mensyaratkan kepadanya berwuduk, sekalipun ia tidak bersangkutan dengan waktu, seperti tawaf dan menyentuh mashaf.

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (224). Pengkhianatan (الغلول): Mencuri dari harta-harta rampasan perang dan selainnya.
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (223).

Persoalan Ketiga: Mengenai Syarat-syaratnya:

Disyaratkan untuk kesahihan wuduk apa yang berikut:

a) Islam, akal dan tamyiz, maka ia tidak sah dari seorang kafir, tidak pula seorang yang gila, tidak juga ia diambil kira dari anak kecil yang kurang dari umur tamyiz.

b) Niat: Kerana hadith: (**Amalan-amalan hanyalah dengan niat-niat**)[1]. Tidak disyariatkan melafazkannya kerana ia tidak sabit daripada Nabi ﷺ.

c) Air yang menyucikan: Kerana apa yang lalu mengenai jenis-jenis air. Sementara air yang najis tidak sah berwuduk dengannya.

d) Menghilangkan apa-apa yang menghalang sampainya air kepada kulit, dari lilin atau adunan dan yang seumpama kedua-duanya: Seperti pengilat kuku yang terkenal di kalangan wanita hari ini.

e) Istijmar atau Istinja' ketika wujudnya penyebab kedua-duanya kerana apa yang telah lalu.

f) Berturut-turut.

g) Tertib. Akan datang perbincangan berkenaan kedua-duanya sebentar lagi.

h) Membasuh semua anggota-anggota yang wajib dibasuh.

Persoalan Keempat: Fardu-fardunya - Iaitu Anggota-anggotanya - :

Dan ia adalah enam:

1- Membasuh wajah keseluruhannya; kerana firman-Nya -تعالى-: {*apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah muka kamu,*} [Al-Maaidah : 6] dan termasuk darinya berkumur dan istinsyaaq; kerana mulut dan hidung termasuk dari wajah.

2- Membasuh dua tangan hingga ke siku; kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan kedua belah tangan kamu meliputi siku,*} [Al-Maaidah : 6].

3- Menyapu kepada seluruhnya berserta dua telinga; kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan sapulah sebahagian dari kepala kamu,*} [Al-Maaidah : 6], dan sabda Baginda ﷺ: (**Dua telinga adalah termasuk dari kepala**)[2]. Maka tidak memadai menyapu sebahagian kepala tanpa sebahagiannya lagi.

4- Membasuh dua kaki hingga ke dua buku lali; kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali;*} [Al-Maaidah : 6].

5- Tertib: kerana Allah -تعالى- menyatakannya secara berurutan; dan telah berwuduk Rasulullah ﷺ secara berurutan mengikut apa yang dinyatakan oleh Allah -سبحانه-: wajah, lalu dua tangan, lalu kepala, lalu dua kaki, sebagaimana itu telah datang di dalam sifat wuduk Baginda ﷺ di dalam hadith

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1) dan Muslim dengan no. (1907).
[2] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (38) dan Ibnu Majah dengan no. (443). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan Ibnu Majah* dengan no. 357 dan *As-Silsilah As-Sahihah* dengan no. 36).

Abdullah bin Zaid dan lain-lain.

6- Berturut-turut: Dengan bahawa pembasuhan satu anggota adalah sebaik sahaja yang sebelumnya secara langsung dengan tanpa penangguhan, kerana sesungguhnya Nabi ﷺ dahulu berwuduk secara berturut-turut, juga kerana hadith Khalid bin Ma'daan: (**Bahawa Nabi ﷺ melihat seorang lelaki solat dan permukaan kakinya terdapat kilatan sebesar dirham yang tidak terkena air, lalu Baginda menyuruhnya untuk mengulang semula wuduk**)[1]. Jika berturut-turut tidak menjadi syarat, pasti Baginda menyuruhnya membasuh apa yang dia terlepas, dan Baginda tidak akan menyuruhnya mengulang wuduk keseluruhannya. Kilatan: Tempat yang tidak terkena air di dalam wuduk atau mandi.

Persoalan Kelima: Sunnah-sunnahnya:

Di sana terdapat perbuatan-perbuatan yang digalakkan perlakuannya ketika berwuduk dan diberi ganjaran di atasnya sesiapa yang melakukannya. Sesiapa yang meninggalkannya, maka tiada kesalahan ke atasnya. Perbuatan-perbuatan ini dinamakan dengan Sunat-sunat Wuduk, dan ia adalah:

1- Tasmiyyah di awalnya: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada wuduk bagi sesiapa yang tidak menyebut nama Allah terhadapnya**)[2].

2- Bersiwak: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Kalaulah tidak aku akan menyusahkan terhadap umatku, pasti aku perintahkan mereka untuk bersiwak berserta setiap wuduk**)[3].

3- Membasuh dua tangan tiga kali di awal wuduk: kerana itu dilakukan Baginda ﷺ, kerana baginda dahulu membasuh telapak tangan Baginda sebanyak tiga kali, sebagaimana yang datang di dalam sifat wuduk Baginda.

4- Bersungguh-sungguh dalam berkumur dan istinsyaaq bagi orang yang tidak berpuasa: kerana sesungguhnya telah datang di dalam sifat wuduk Baginda ﷺ: (**lalu Baginda berkumur dan menyedut**), serta kerana sabda Baginda ﷺ: (**dan bersungguhlah dalam istinsyaaq melainkan kamu seorang yang berpuasa**)[4].

5- Menggosok, menyelat janggut yang lebat dengan air supaya air masuk ke dalamnya: kerana perbuatan Baginda ﷺ, bahawa Baginda: (**Dahulunya apabila Baginda berwuduk, Baginda akan menggogok dua lengan Baginda**)[5], dan begitu juga (**dahulunya baginda akan memasukkan air ke**

---

[1] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (235).

[2] Dikeluarkan oleh Ahmad (2/418), Abu Daud dengan no. (101), Al-Hakim (1/147) dan lain-lain dari hadith Abu Hurairah ؓ. Dihasankan oleh: Ibnu As-Solah, Ibnu Kathir dan Al-Iraaqi. Ia dikuarkan oleh al-Munziri dan Ibnu Hajar. Berkata Al-Albaani: Hasan (*Irwaa' Al-Ghaliil* 1/122).

[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari secara muallaq dengan bentuk jazam: kitab *As-Siyam*, bab *Siwak Ar-Ratb wa Al-Yabis li As-Saaim*, dan ia dihubungkan oleh An-Nasaa'ie (Lihat: Fath Al-Bari 4/159).

[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (142), An-Nasaa'ie (1/66 no 87). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih An-Nasaa'ie* no 85).

[5] Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban di dalam *Sahih* beliau (3/363), An-Nasaa'ie dengan no. (1082), Al-Baihaqi di dalam *As-Sunan Al-Kubra* (1/196), Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak*(1/243) dan beliau mensahihkannya, Ibnu Khuzaimah di dalam *Sahih* beliau (1/62) dan Imam Ahmad di dalam *Musnad* beliau (4/39).

bawah rahang Baginda dan Baginda menyelatkan dengannya janggut Baginda)[1].

6- Mendahulukan yang kanan ke atas yang kiri pada dua tangan dan dua kaki: kerana perbuatan Baginda ﷺ, bahawa Baginda (**dahulunya gemarkan berkanan-kanan dalam memakai sandal Baginda, menyisir rambut Baginda, bersuci Baginda, dan dalam urusan Baginda seluruhnya**)[2].

7- Meniga-nigakan pembasuhan pada wajah, dua tangan dan dua kaki: yang wajibnya hanya sekali sahaja, dan digalakkan tiga kali, kerana perbuatan Baginda ﷺ. Sesungguhnya telah sabit daripada Baginda: (**Bahawa Baginda berwuduk, sekali sekali, dua kali dua kali, dan tiga kali tiga kali**)[3].

8- Zikir yang datang selepas wuduk: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada dari kalangan kamu seseorang yang berwuduk, lalu dia meratakan wuduk berkenaan, kemudian dia berkata: Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, hanya Dia, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan utusan-Nya. Melainkan akan dibuka untuknya pintu-pintu syurga yang lapan, yang dia akan masuk dari mana-mana pintu yang dia kehendaki**)[4].

Persoalan Keenam: Mengenai Pembatal-pembatalnya:

Pembatal-pembatal: adalah perkara-perkara yang akan membatalkan wuduk dan merosakkannya.

Dan ia ada enam perkara:

1- Sesuatu yang keluar dari dua jalan: iaitu dari tempat keluar kencing dan tahi. Yang keluar itu: sama ada ia adalah kencing, atau tahi, atau mani, atau mazi, atau darah istihadah, atau angin, sama ada sedikit atau banyak; kerana firman-Nya -تعالى-: {*atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air,*} [An-Nisaa' : 43], dan sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah solat seseorang kamu, apabila dia berhadas, sehinggalah dia berwuduk**) dan ia telah berlalu. Juga sabda Baginda ﷺ: (**tetapi dari kerana tahi, atau kencing, dan tidur**)[5], serta sabda Baginda ﷺ mengenai orang yang syak; adalah telah keluar darinya angin ataupun tidak: (**Maka janganlah dia beralih sehingga dia mendengar bunyi atau mendapati bau**)[6].

2- Keluarnya najis dari kawasan badan yang lain: sekiranya ia adalah air kencing atau tahi, ia membatalkan secara mutlak kerana ia termasuk di dalam nas-nas yang lalu. Sekiranya ia adalah selain kedua-duanya, seperti darah dan muntah: jika melimpah dan banyak maka yang sebaiknya adalah dia berwuduk dari kerananya; sebagai beramal dengan yang lebih terjaga, dan jika sedikit maka tidak perlu dia berwuduk demi kerananya dengan kesepakatan.

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (145). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 92).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (226) dan Muslim dengan no. (168).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (157, 158, 159), Muslim dengan no. (226) dan di sisi beliau pernyataan tiga sahaja.
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (234) dan At-Tirmidzi telah menambah: (**Ya Allah! Jadikanlah aku dari kalangan orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku dari kalangan orang-orang yang sering bersuci**) dengan no. (55). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 96).
[5] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/239), An-Nasaa'ie dengan no. (1/83), At-Tirmidzi dengan no (96) dan beliau mensahihkannya. Dihasankan oleh Al-Albaani di dalam Al-Irwaa' (1/141).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (137) dan Muslim dengan no. (361).

3- Hilangnya akal atau ia terlindung dengan pengsan atau tidur: kerana sabda Baginda ﷺ: (**tetapi dari kerana tahi, atau kencing, atau tidur**), dan sabda Baginda: (**mata adalah pengikat dubur, sesiapa yang tidur maka hendaklah dia berwuduk**)[1]. Kegilaan, ketidaksedaran, kemabukan dan seumpamanya, ia adalah membatalkan secara ijmak, sedangkan tidur yang membatalkan adalah yang nyenyak yang tidak ada lagi bersamanya pengetahuan pada keadaan manakah dia tidur. Adapun tidur yang sejenak, sesungguhnya ia tidak akan membatalkan wuduk; kerana para Sahabat ﵃ dahulu menimpa mereka rasa mengantuk ketika mereka sedang menunggu solat, lalu mereka akan bangun, solat dan tidak mengambil wuduk[2].

4- Menyentuh kemaluan anak Adam, dengan tanpa lapik: kerana hadith Busrah binti Safwan g bahawa Nabi ﷺ, telah bersabda: (**Sesiapa yang menyentuh zakarnya hendaklah dia berwuduk**)[3], dan di dalam hadith Abi Ayyub dan Ummu Habibah: (**Sesiapa yang menyentuh kemaluannya maka hendaklah dia berwuduk**)[4].

5- Memakan daging unta: kerana hadith Jabir bin Samurah, bahawa seorang lelaki telah bertanya Nabi ﷺ: Adakah kami perlu berwuduk dari kerana daging kambing? Baginda bersabda: (**Jika kamu mahu, berwuduklah dan jika kamu mahu, tidak perlu kamu berwuduk**). Dia berkata: Adakah kami perlu berwuduk dari kerana daging unta? Baginda bersabda: (**Ya, berwuduklah dari kerana daging unta**)[5].

6- Murtad dari Islam: kerana firman-Nya -تعالى-: {*Dan sesiapa yang ingkar sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*} [Al-Maaidah : 5]. Serta setiap yang mewajibkan mandi akan mewajibkan wuduk, kecuali kematian.

Persoalan Ketujuh: Apa Yang Wajib Untuknya Wuduk:

Wajib ke atas seorang yang mukallaf melakukan wuduk untuk perkara-perkara berikut:

1- Solat: kerana hadith Ibnu Umar secara marfu': (**Tidak menerima Allah sebarang solat dengan tanpa penyucian, dan tidak juga sebarang sedekah dari pengkhianatan**)[6].

2- Tawaf di Bait Haram sama ada yang fardhu mahupun yang sunat: kerana perbuatan Baginda ﷺ: (**bahawa Baginda berwuduk, kemudian Baginda bertawaf di Bait**)[7], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Bertawaf di bait adalah solat, melainkan bahawa Allah membolehkan di dalanya untuk berkata-**

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (203) dan Ibnu Majah dengan no. (477). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam Al-Irwaa' (1/148).
[2] *Sahih Muslim* dengan no. (376).
[3] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (181) dan lafaz ini oleh beliau, An-Nasaa'ie dengan no. (163), At-Tirmidzi dengan no. (82) dan beliau berkata: Hasan Sahih, Ibnu Majah dengan no. (4479). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam Al-Irwaa' (1/150).
[4] Riwayat Ummu Habibah dikeluarkan oleh Ibnu Majah dengan no. (481) dan disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (1/151). Adapun hadith Abi Ayyub, berkata Al-Albaani: "Tidak aku temui sanadnya" *Al-Irwaa'* (1/151)
[5] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (360).
[6] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (224) dan At-Tirmidzi dengan no. (1).
[7] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1614) dan Muslim dengan no. (1235).

kata)[1], serta kerana larangan Baginda terhadap wanita yang haid dari bertawaf sehingga dia suci[2].

3- Menyentuh mashaf dengan kulit tanpa sebarang lapik: kerana firman-Nya -تعالى- {*Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci;*} [Al-Waaqie'ah : 79], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah menyentuh Al-Quran melainkan orang yang suci**)[3].

Persoalan Kelapan: Apa Yang Galakkan Untuknya Wuduk:

Wuduk digalakkan dan digesa di dalam keadaan-keadaan yang berikut:
1- Ketika ingin berzikir mengingati Allah -تعالى- dan membaca Al-Quran.

2- Ketika setiap solat: kerana berterusannya Baginda ﷺ di atas itu, sebagaimana di dalam hadith Anas d, beliau berkata: (**Dahulunya Nabi ﷺ akan berwuduk pada setiap solat**)[4].

3- Digalakkan berwuduk bagi orang yang junub apabila dia ingin kembali untuk bersetubuh, atau dia ingin tidur, atau makan, atau minum: kerana hadith Abu Saeid Al-Khudri d, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: (**Apabila seseorang kamu telah mendatangi isterinya, kemudian dia ingin mengulang semula, maka hendaklah dia berwuduk**)[5], dan kerana hadith Aisyah g: (**Bahawa Rasulullah ﷺ dahulu, apabila Baginda ingin tidur sedangkan Baginda junub, Baginda akan berwuduk wuduk Baginda untuk solat, sebelum Baginda tidur**)[6], dan di dalam satu riwayat olehnya: (**lalu Baginda ingin makan atau tidur**)[7].

4- Wuduk sebelum mandi: kerana hadith Aisyah g, beliau berkata: (**Dahulunya Rasulullah ﷺ apabila Baginda mandi dari kerana junub, Baginda akan memulakan, lalu Baginda akan membasuh dua tangan Baginda, kemudian Baginda akan menuangkan dengan tangan kanan Baginda ke atas tangan kiri Baginda, lalu Baginda akan membasuh kemaluan Baginda, kemudian Baginda akan berwuduk wuduk Baginda untuk solat ...**) hadith[8].

5- Ketika ingin tidur: kerana hadith Al-Baraa' bin Aa'zib d, beliau berkata: Telah bersabda Nabi ﷺ: (**Apabila kamu datangi perbaringanmu, maka berwuduklah wudukmu untuk solat, kemudian baringlah di atas sebelah kananmu ...**) hadith[9].

---

[1] Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dengan no. (3836), Al-Hakim (1/459), beliau mensahihkan isnadnya dan menyepakati beliau Ad-Dzahabi, Al-Baihaqi (5/87) dan lain-lain. Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 121).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (305) dan Muslim dengan no. (1211).
[3] Dikeluarkan oleh Malik (1/199), Ad-Daarqutni (1/121), Al-Baihaqi (1/87), Al-Hakim (1/395) dan beliau mensahihkannya. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 122).
[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (214).
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (308).
[6] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (305).
[7] Lihat sumber yang tela lalu, hadith yang berikutnya.
[8] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (316).
[9] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (247).

Bab Keenam : Mengenai Menyapu Pada Dua Khuf, Serban dan Balutan

Khuf: Ialah apa yang dipakai pada kaki daripada kulit dan seumpamanya, dan kata gandanya adalah: *khifaaf*. Diturutkan dengan dua khuf setiap apa yang dipakai pada dua kaki, dari bulu dan seumpamanya.

Persoalan Pertama: Hukum Menyapu Pada Dua Khuf dan Dalilnya:

Menyapu di atas dua khuf adalah harus dengan kesepakatan Ahli Sunnah wa Jamaah. Ia adalah kelonggaran dari Allah Azza wa Jalla, sebagai peringanan dari-Nya ke atas hamba-hamba-Nya, dan bagi menolak kesempitan dan kepayahan daripada mereka. Telah menunjukkan kepada keharusannya Sunnah dan Ijmak.

Adapun Sunnah: Sesungguhnya telah mutawatir hadith-hadith yang sahih pada menyabitkannya daripada Nabi ﷺ, dari perbuatan Baginda dan perintah Baginda untuk itu, serta pelonggaran Baginda padanya.

Telah berkata Imam Ahmad -رحمه الله-: "Tiada di dalam hatiku berkenaan sapuan sesuatupun, padanya ada empat puluh hadith daripada Nabi ﷺ". Yang dikehendaki dengan kata-kata beliau adalah: Tiada pada hatiku walau sekecil keraguan berkenaan keharusannya.

Berkata Al-Hasan Al-Basri: Telah menceritakan kepadaku tujuh puluh orang dari kalangan para Sahabat Rasulullah ﷺ bahawa Baginda telah menyapu pada dua khuf. Di antara hadith-hadith berkenaan: Hadith Jarir bin Abdillah, beliau berkata: (**Aku melihat Rasulullah ﷺ telah kencing, kemudian Baginda berwuduk dan Baginda menyapu pada dua khuf Baginda**) [1]. Berkata Al-Aa'masy daripada Ibrahim: Hadith ini menakjubkan mereka; kerana keislaman Jarir adalah setelah turunnya Al-Maaidah -yakni ayat wuduk-.

Sesungguhnya telah bersepakat para Ulama dari kalangan Ahli Sunnah wa Jamaah terhadap kesahannya di dalam perjalanan dan menetap, kerana keperluan atau selainnya.

Begitu juga dibolehkan menyapu pada sarung kaki, iaitu apa yang dipakai pada kaki dari yang bukan kulit seperti perca kain dan seumpamanya, iaitu apa yang dinamakan hari ini dengan stoking; kerana kedua-duanya adalah seperti khuf di dalam keperluan kaki kepada kedua-duanya, dan ilat pada kedua-duanya adalah satu, dan telah tersebar pemakaiannya lebih berbanding khuf, maka dibolehkan menyapu padanya jika ia menutupi.

Persoalan Kedua: Syarat-syarat Menyapu Pada Dua Khuf, dan Apa Yang Menduduki Kedudukannya:

Syarat-syarat berkenaan adalah:

1- Memakainya dalam keadaan suci: kerana apa yang diriwayatkan oleh Al-Mughirah, beliau berkata: Aku dahulu bersama Nabi ﷺ di dalam satu perjalanan, maka aku tunduk untuk menanggalkan dua

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (272), dan diriwayatkan seumpamanya oleh Al-Bukhari daripada Al-Mughirah di dalam *Bab Al-Mas'hu ala Al-Khuffain* dengan no. (203).

khuf Baginda, lalu Baginda bersabda: (**Biarkan kedua-duanya, kerana sesungguhnya aku telah memasukkan kedua-duanya dalam keadaan suci**), lantas Baginda pun menyapu pada kedua-duanya[1].

2- Penutupannya terhadap tempat yang fadhu: iaitu: yang wajib dibasuh pada kaki, maka jika zahir sesuatu dari tempat yang fardhu, tidak akan sah sapuan berkenaan.

3- Keharusan kedua-duanya: Maka tidak harus sapuan terhadap yang dirampas, yang dicuri, dan tidak juga yang sutera bagi lelaki; kerana pemakaiannya adalah maksiat, maka diharuskan dengan kelonggaran.

4- Kesucian material kedua-duanya: Maka tidak sah sapuan pada yang najis, seperti yang diperbuat dari kulit keldai.

5- Hendaklah sapuan berkenaan terjadi pada tempoh tertentu berdasarkan Syarak: iaitu untuk orang yang mukim sehari semalam, dan untuk orang yang musafir tiga hari berserta malam-malamnya.

Ini adalah lima syarat-syarat yang diistinbatkan oleh Ahli Ilmu, bagi kesahihan menyapu pada dua khuf, daripada nas-nas Nabawi dan kaedah-kaedah am, yang mesti dipelihara ketika inginkan sapuan.

Persoalan Ketiga: Cara Menyapu dan Sifatnya:

Tempat yang disyariatkan sapuannya adalah permukaan khuf, dan yang wajib pada yang demikian adalah apa yang dilafazkan padanya nama sapuan. Cara sapuan: Bahawa disapu keseluruhan bahagian atas khuf; kerana hadith Al-Mughirah bin Syu'bah yang beliau jelaskan di dalamnya sifat sapuan Rasulullah ﷺ pada khuf Baginda ketika wuduk, lalu beliau berkata: (**Aku melihat Nabi ﷺ menyapu pada dua khuf: pada permukaan kedua-duanya**)[2].

Tidak memadai menyapu bahagian bawahnya, dan tepinya, dan ia tidak disunatkan. Kerana kata-kata Ali d : (Jika Agama adalah dengan pendapat, pasti bahagian bawah khuf lebih layak disapu berbanding bahagian atasnya. Sesungguhnya aku telah melihat Nabi ﷺ menyapu permukaan khuf Baginda)[3]. Jika digabungkan antara bahagian atas dan bahagian bawah, ia adalah sah berserta kemakruhan.

Persoalan Keempat: Tempohnya:

Tempoh sapuan pada dua khuf berhubung untuk seorang yang mukim dan sesiapa yang perjalanannya tidak membolehkan untuknya mengqasar: sehari semalam, dan berhubung untuk seorang yang bermusafir satu perjalanan yang membolehkan untuknya mengqasar: tiga hari

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (274) dan Muslim dengan no. (274).
[2] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (98) dan beliau berkata: Hasan. Telah berkata Al-Albaani: Hassan Sahih (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 85).
[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (162) dan Al-Baihaqi (1/292). Disahihkan oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar (*At-Talkhis Al-Habiir* 1/160).

berserta malam-malamnya, kerana hadith Ali d, beliau berkata: (**Rasulullah ﷺ telah menjadikan tiga hari berserta malam-malamnya untuk seorang yang bermusafir, dan sehari semalam untuk seorang yang mukim**)[1].

Persoalan Kelima: Pembatal-pembatalnya:

Akan dibatalkan sapuan dengan apa yang berikut:

1- Apabila terhasil apa-apa yang mewajibkan mandi terbatallah sapuan, kerana hadith Safwan bin As'sal, beliau berkata: (**Dahulunya Nabi ﷺ memerintahkan kami, apabila kami bermusafir, bahawa janganlah kami menanggalkan khuf-khuf kami selama tiga hari berserta malam-malamnya, melainkan dari kerana junub**)[2].

2- Apabila zahir sebahagian kawasan yang fardhu, iaitu: zahirnya sebahagian kaki, batallah sapuan.

3- Menanggalkan dua khuf akan membatalkan sapuan, dan menanggalkan salah satu dua dari dua khuf berkenaan sama seperti menanggalkan kedua-duanya, mengikut pendapat kebanyakan Ahli Ilmu.

4- Tamatnya tempoh sapuan akan membatalkannya; kerana sapuan adalah dimasakan dengan waktu yang tertentu pihak Yang Mensyariatkan. Maka tidak harus penambahan mengatasi tempoh yang diperakui, kerana mafhum hadith-hadith pemasaan.

Persoalan Keenam: Permulaan Tempoh Sapuan:

Bermulanya tempoh sapuan dari hadas sesudah pemakaian, sebagai contoh seorang yang berwuduk untuk solat fajar, dan memakai dua khuf, lalu sesudah terbit matahari dia hadas, dan dia tidak berwuduk, dan kemudian dia berwuduk sebelum solat Zohor. Permulaan tempoh adalah dari terbit matahari sewaktu hadas. Berkata pula sebahagian Ulama: Permulaannya adalah dari ketika dia berwuduk sebelum solat Zohor, iaitu: dari sapuan selepas hadas.

Persoalan Ketujuh: Menyapu Pada Anduhan, Serban, dan Tudung Kepala Wanita:

Anduhan: Pengekang-pengekang dan yang seumpamanya seperti simen yang diikat kepada patahan agar ia sembuh dan bercantum, dan akan disapu di atasnya. Begitu juga akan disapu pada pelekat dan balutan yang diletakkan di atas luka-luka. Semua benda-benda ini akan disapu di atasnya dengan syarat bahawa ia adalah pada kadar keperluan, jika ia melebihi kadar keperluan maka dia mestilah menanggalkan apa yang melebihi keperluan.

Diharuskan menyapu di atasnya ketika hadas yang besar dan yang kecil. Tiada bagi menyapu di

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (85).

[2] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/239), An-Nasaa'ie, At-Tirmidzi dengan no. (96) dan mensahihkannya. Dihasankan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (dengan no. 104).

atasnya sebarang waktu yang terhad bahkan disapu di atasnya sehingga penanggalannya atau kesembuhan apa di bawahnya. Dalil untuk itu: Bahawa menyapu di atas anduhan adalah satu desakan, dan desakan adalah dianggarkan dengan kadarnya, dan tiada perbezaan di dalamnya di antara dua hadas berkenaan.

Demikian juga diharuskan menyapu pada serban, dan ia adalah apa yang diliputi terhadap kepala dan dililitkan padanya. Dalil untuk itu: hadith Al-Mughirah bin Syu'bah d, (**bahawa Nabi ﷺ telah menyapu pada serban Baginda, pada ubun-ubun dan dua khuf**)[1] dan hadith: (**Bahawa Baginda ﷺ telah menyapu pada dua khuf dan khimar**)[2] yakni serban.

Menyapu di atasnya tidak mempunyai waktu yang terhad, tetapi jika disusuri jalan berjaga dan tidak disapu padanya melainkan apabila ia dipakai dalam keadaan suci serta mengikut tempoh terhad bagi menyapu di atas dua khuf, nescaya ia adalah elok.

Manakala tudung wanita pula, ia adalah apa yang ditudung dengannya kepala wanita. Yang sebaiknya adalah tidak disapu di atasnya, melainkan apabila terdapat kepayahan untuk menanggalkannya, atau kerana penyakit di kepala atau sebagainya. Sekalipun kepala berkenaan diselaputi dengan inai atau selainnya, dibolehkan menyapu di atasnya; kerana perbuatan Nabi ﷺ, dan secara umumnya kesucian kepala padanya terdapat suatu pemudahan dan peringkasan terhadap umat ini.

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (274).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (275).

Bab Ketujuh : Hukum-hukum Mandi

Persoalan Pertama: Makna Mandi, Hukumnya, dan Dalilnya:

1 - Maknanya: Mandi (*Ghusl*) dari segi bahasa adalah: kata nama terbitan غَسَلَ الشَيْءَ يَغْسِلُهُ غَسْلًا و غُسْلًا, iaitu pembasuhan sempurna jasad seluruhnya.

Maknanya dari segi Syarak: meratakan badan dengan air, atau menggunakan air yang suci pada seluruh badan, mengikut sifat yang khusus, atas bentuk pengabdian diri kepada Allah -سبحانه-.

2 - Hukumnya: Mandi adalah wajib apabila didapati sebab untuk mewajibkannya, kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan jika kamu junub maka bersucilah*} [Al-Maaidah : 6]. Hadith-hadith yang datang di dalamnya cara mandi daripada sebilangan para Sahabat yang menukilkan daripada Rasulullah ﷺ juga menunjukkan kepada mewajibkan. Akan datang satu potongan daripadanya tidak lama lagi, - إن شاء الله-.

3 - Perkara-perkara yang mewajibkannya: Dan diwajibkan mandi kerana sebab yang berikut:

1- Keluarnya mani dari tempat keluarnya: Dan disyaratkan bahawa ia adalah pancutan dengan kesedapan dari lelaki ataupun perempuan, kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan jika kamu junub maka bersucilah*} [Al-Maaidah : 6], dan sabda Baginda ﷺ kepada Ali: (**Apabila kamu pancutkan air, maka mandilah**)[1]. Melainkan bahawa dia tidak berkeadaan tidur dan seumpamanya, maka tidak disyaratkan kesedapan; kerana seorang yang tidur barangkali tidak merasakannya, kerana sabda Baginda ﷺ apabila ditanya: Adakah wajib ke atas wanita mandi apabila dia bermimpi? Nabi bersabda: (**Ya, apabila dia melihat air**)[2]. Semua ini adalah disepakati.

2- Tenggelamnya takuk zakar seluruhnya atau satu kadar darinya ke dalam faraj, sekalipun tidak terhasil inzal dengan tanpa lapik: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila dia duduk di antara anggotanya yang empat, dan menyentuh kemaluan akan kemaluan, menjadi wajib mandi**)[3].

3- Islamnya seorang yang kafir sekalipun dia seorang murtad: (**Kerana Nabi ﷺ telah memerintahkan Qais bin Aa'sim ketika dia masuk Islam agar dia mandi**)[4].

4- Berhentinya darah haid dan nifas: Kerana hadith Aisyah, bahawa Nabi ﷺ telah bersabda kepada Fatimah binti Abi Hubaisy: (**Apabila datang haid, maka tinggalkanlah solat, dan apabila ia pergi, maka mandilah dan solat**)[5], dan nifas adalah seperti haid dengan kesepakatan.

5- Kematian: Kerana sabda Baginda ﷺ di dalam hadith pemandian anak perempuannya Zainab, ketika kematiannya: (**Basuhlah dia**)[6], dan Baginda bersabda mengenai orang yang berihram: (**Basuhlah dia dengan air dan bidara**)[7]. Itu adalah dalam bentuk ibadah; kerana sesungguhnya jika ia

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (206). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 125).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (313).
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (349).
[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (355), An-Nasaa'ie (1/109), At-Tirmidzi dengan no. (605) dan beliau menghasankannya. Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (1/163-164).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (320) dan Muslim dengan no. (333).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1253) dan Muslim dengan no. (939).
[7] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1266) dan Muslim dengan no. (1206).

adalah daripada hadas, ia tidak akan terangkat berserta kekal puncanya.

Persoalan Kedua: Mengenai Sifat Mandi dan Caranya:

Untuk mandi dari kerana junub ada dua cara, satu cara digalakkan dan satu cara dibolehkan[1].

Adapun cara yang digalakkan: Iaitu bahawa dia membasuh dua tangannya, kemudian dia membasuh kemaluannya dan apa-apa yang menimpanya dari kotoran, kemudian dia berwuduk wuduknya untuk solat, kemudian dia mengambil dengan tangannya air lalu diselatkan dengannya rambut kepalanya, dengan memasukkan jari-jarinya kepada pangkal rambut sehingga dia membasahkan kulitnya, kemudian dia mencedok ke atas kepadanya tiga cedokan, kemudian dia siramkan air ke seluruh badannya; kerana hadith Aisyah yang disepakati terhadapnya.

Manakala cara yang dibolehkan: Bahawa dia meratakan badannya dengan air, bermula berserta niat, kerana hadith Maimunah: (**Telah meletakkan Rasulullah ﷺ bekas air janabah, maka Baginda menuangkan ke atas dua tangan Baginda, lalu Baginda membasuh kedua-duanya dua atau tiga kali. Kemudian Baginda berkumur, beristinsyaaq, dan membasuh wajah Baginda dan dua lengan Baginda. Kemudian Baginda menyiram air ke atas kepala Baginda. Kemudian Baginda membasuh jasad Baginda. Lalu aku telah datang kepada Baginda dengan tuala, maka Baginda tidak menginginkannya dan Baginda mula merenjis-renjiskan air dengan dua tangannya**)[2]. Juga sepertinya hadith Aisyah dan di dalamnya: (**Kemudian Baginda menyelak-nyelak rambut Baginda dengan tangan Baginda, sehinggalah apabila Baginda merasakan bahawa telah disiram kulitnya, Baginda menyiramkan ke atasnya air sebanyak tiga kali, kemudian Baginda membasuh seluruh jasad Baginda**)[3].

Tidak wajib ke atas wanita merungkaikan rambutnya di dalam mandi dari kerana junub, dan dia dimestikan perkara berkenaan di dalam mandi dari kerana haid; kerana hadith Ummu Salamah, beliau berkata: Aku telah berkata: Ya Rasulullah! Sesungguhnya aku seorang wanita yang mengetatkan ikatan rambutku, adakah aku perlu merungkaikannya untuk mandi junub? Baginda bersabda: (**Tidak. Hanyalah memadai kamu mencedok ke atas kepalamu tiga cedokan, kemudian kamu siramkan ke atas dirimu air, maka kamu akan suci**)[4].

Persoalan Ketiga: Mandi-mandi Yang Digalakkan:

Telah berlalu penjelasan mandi-mandi yang wajib, sementara mandi-mandi yang disunatkan dan digalakkan, ia adalah:

1- Mandi pada setiap persetubuhan: Kerana hadith Abu Raafie', bahawa Nabi ﷺ pernah pada suatu malam mandi di sisi si dia ini dan si dia ini. Beliau berkata: Aku pun berkata: Ya Rasulullah! Mengapakah tidak engkau jadikan ia satu? Baginda bersabda: (**Ini lebih bersih, lebih elok, dan lebih**

---

[1] Cara Dibolehkan: Ia adalah yang merangkumi apa yang wajib sahaja. Cara Digalakkan dan Kesempurnaan: Ia adalah yang merangkumi yang wajib dan yang sunat.

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (249) dan Muslim dengan no. (317).

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (248) dan Muslim dengan no. (316).

[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (330)

suci)[1].

2- Mandi untuk Jumaat: Kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila datang seseorang kamu akan Jumaat, maka hendaklah dia mandi**)[2], dan ia adalah mandi galakkan yang paling ditekankan.

3- Mandi untuk dua Hari Raya.

4- Mandi ketika ingin berihram untuk umrah dan haji: Kerana Baginda ﷺ telah mandi untuk ihram Baginda.

5- Mandi sesiapa yang memandikan mayat: Kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang memandikan mayat, maka hendaklah dia mandi**)[3].

Persoalan Keempat: Hukum-hukum Yang Merangkumi Sesiapa Yang Wajib Terhadapnya Mandi:

Hukum-hukum yang dinatijahkan atas itu semua, boleh disimpulkan di dalam apa yang berikut:

1- Tidak boleh untuknya diam di dalam masjid melainkan melintas laluan, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan Junub (berhadas besar) - kecuali kamu hendak melintas sahaja - hingga kamu mandi bersuci.*} [An-Nisaa : 43]. Apabila dia berwuduk, dibolehkan untuknya diam di dalam masjid kerana sabitnya yang demikian daripada sekumpulan para Sahabat pada zaman Nabi ﷺ, serta kerana wuduk akan meringankan hadas, dan wuduk adalah salah satu dua penyucian.

2- Tidak harus baginya menyentuh mashaf, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci;*} [Al-Waaqie'ah : 79], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah menyentuh Al-Quran melainkan orang yang suci**)[4].

3- Tidak harus baginya membaca Al-Quran. Maka janganlah membaca seorang yang junub sesuatu dari Al-Quran sehingga dia mandi. Kerana hadith Ali, beliau berkata: (**Dahulunya Baginda** عليه السلام **tiada sesuatu pun menyekat Baginda dari membaca Al-Quran melainkan junub**)[5]. Juga kerana di dalam menghalangnya dari membaca terdapat galakan untuknya bersegera kepada mandi, dan menghilangkan perkara yang menghalangnya dari membaca.

Dan diharamkan juga ke atasnya:

4- Solat.

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (216), Ibnu Majah dengan no. (590). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 486).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (877).
[3] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1463). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 144)
[4] Dikeluarkan oleh Malik di dalam *Al-Muwatta'* (468), Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak* (3/485). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 122).
[5] Dirwayatkan oleh Imam Ahmad dengan no. (1014), Ibnu Majah dengan no. (594), At-Tirmidzi dengan no. (594), berkata At-Tirmidzi: Hassan Sahih. Disahihkan oleh Al-Hakim (Al-Mustadrak 3/107). Telah menukilkan Al-Hafiz Ibnu Hajar pensahihannya daripada: Ibnu As-Sakan, Abd Al-Haq, Al-Baghowi, dan bahawaSyu'bah telah menghasankannya. (*At-Talkhis Al-Habiir* 1/139).

5- Tawaf di Bait.

Sebagaimana yang telah lalu penjelasan perkara berkenaan ketika perbincangan mengenai persoalan: (**Apa Yang Wajib Untuknya Wuduk**) pada Bab Kelima.

Bab Kelapan : Hukum-hukum Tayamum

Tayamum dari segi bahasa: Menuju, dan dari segi Syarak: Ia adalah menyapu wajah dan tangan dengan tanah yang bersih, di atas bentuk yang khusus; kerana pengabdian diri kepada Allah -تعالى-.

Persoalan Pertama: Hukum Tayamum dan Dalil Pensyariatannya:

Tayamum adalah disyariatkan. Ia adalah kelonggaran dari Allah Azza wa Jalla kepada hamba-hamba-Nya. Ia adalah di antara kecantikan Syariat ini, dan di antara ciri khas umat ini.

Demi kerana firman-Nya -تعالى-: {*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*} [Al-Maaidah : 6].

Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tanah yang bersih memadai untuk kamu sekalipun kamu tidak dapati air selama sepuluh tahun. Apabila kamu dapati air, maka kenakanlah ia kulit kamu**)[1]. Serta kerana sabda Baginda ﷺ: (**dijadikan untukku Bumi sebagai masjid dan alat bersuci**)[2].

Telah bersepakat Ahli Ilmu terhadap kesahan Tayamum apabila cukup syarat-syaratnya, dan bahawa ia melaksanakan kedudukan bersuci dengan air, maka dibolehkan dengannya apa yang dibolehkan bersuci menggunakan air; seperti solat, tawaf, membaca Al-Quran dan selainnya.

Persoalan Kedua: Syarat-syarat Tayamum, Serta Sebab-sebab Yang Membolehkannya:

Dibolehkan tayamum ketika lemah daripada menggunakan air: sama ada kerana ketiadaannya atau kerana bimbangkan bahaya dari menggunakannya kerana kesakitan pada tubuh badan atau kesejukan melampau; kerana hadith Imran bin Husoin: (**Hendaklah kamu dapatkan tanah yang bersih, sesungguhnya ia memadai untuk kamu**)[3]. Akan datang tambahan pembentangan untuk itu sebentar lagi.

Akan menjadi sah tayamum dengan syarat-syarat yang berikut:

1- Niat: Iaitu niat untuk membolehkan Solat. Niat adalah satu syarat dalam segala ibadah, dan

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (329) dan At-Tirmidzi dengan no. (124). Disahihkan oleh Al-AlBaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 153).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (335).

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (3344) dan Muslim dengan no. (682).

tayamum adalah satu ibadah.

2- Islam: Maka ia tidak sah dari seorang yang kafir, kerana ia adalah ibadah.

3- Akal: Maka ia tidak sah dari yang tidak berakal, seperti orang yang gila dan pengsan.

4- Tamyiz Maka ia tidak sah dari yang tidak mumaiyiz, iaitu sesiapa yang kurang tujuh tahun.

5- Teruzur dari menggunakan air: Sama ada kerana ketiadaannya; kerana firman-Nya -تعالى-: { *sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih,*} [Al-Maaidah : 6], dan sabda Baginda ﷺ: (**Sesungguhnya tanah yang bersih adalah alat bersuci seorang Muslim sekalipun dia tidak temui air selama sepuluh tahun. Apabila dia dapati air, maka hendaklah dia mengenakannya kulitnya, kerana itu adalah lebih baik**)[1]. Ataupun kerana bimbangkan bahaya dengan menggunakannya, sama ada kerana penyakit yang dibimbangkan penambahannya atau menjadi lewat penyembuhannya dengan penggunaan air, kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air),*}, dan kerana hadith orang yang terluka, dan di dalamnya Baginda bersabda: (**Mereka membunuhnya, semoga Allah mematikan mereka, mengapakah tidak mereka bertanya apabila mereka tidak mengetahui. Hanyalah penawar untuk ketidaktahuan itu dengan bertanya**)[2], ataupun kerana kesejukan melampau yang dibimbangkan bersamanya kemudharatan atau kebinasaan dengan sebab penggunaan air; kerana hadith Amru bin Al-Aa's bahawa beliau apabila beliau diutus di dalam peperangan Dzat As-Salasil, beliau berkata: (Aku telah bermimpi pada suatu malam yang sejuk, bersangatan sejuk, maka aku berasa lemah jika aku mandi aku akan binasa, lalu aku bertayamum dan aku solat bersama sahabat-sahabatku solat Subuh)[3].

6- Hendaklah tayamum berkenaan dengan tanah yang suci tidak najis -seperti tanah yang terkena air kencing dan belum suci daripadanya- yang mempunyai debu yang akan melekat pada tangan, jika dia menemuinya, kerana firman-Nya -تعالى-: {*maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu.*} [Al-Maaidah : 6]. Berkata Ibnu Abbas: (*So'eid* : tanah tanaman, *Toyyib* : suci). Jika dia tidak dapati tanah, dia boleh bertayamum dengan apa terdaya untuknya, seperti pasir atau batu, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu;*} [At-Taghoobun : 16]. Berkata Al-Auzaa'ei: Pasir adalah dari *so'eid*.

Persoalan Ketiga: Pembatal-pembatal Tayamum:

Ia adalah perkara-perkara yang merosakkannya, dan pembatal-pembatalnya ada tiga:

1- Akan dibatalkan tayamum dari hadas yang kecil dengan pembatal-pembatal wuduk, dan dari hadas yang besar dengan perkara-perkara yang mewajibkan mandi, yang berupa junub, haid dan nifas. Apabila dia bertayamum dari hadas yang kecil, kemudian dia membuang air kecil atau air

---

[1] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan beliau mensahihkannya dengan no. (124), telah berlalu di dalam muka surat yang lalu.

[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (337) dan Ibnu Majah dengan no. (572). Disahihkan oleh Syeikh Ahmad Syakir (nota kaki *Al-Musnad* 5/22-23). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* no. 464).

[3] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/203), Abu Daud dengan no (334) dan Ad-Daarqutni. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 154)

besar, batallah tayamumnya; kerana tayamum adalah gantian wuduk, gantian memiliki hukum yang digantikan. Demikianlah juga tayamum dari hadas yang besar.

2- Wujudnya air, sekiranya dia bertayamum sebab ketiadaannya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila kamu dapati air, maka kenakanlah ia kulit kamu**) dan ia telah berlalu.

3- Hilangnya keuzuran yang dari kerananya disahkan tayamum, seperti penyakit dan sebagainya.

Persoalan Keempat: Sifat Tayamum:

Caranya: Bahawa dia berniat, kemudian dia menyebut nama Allah, dan dia menepuk tanah dengan dua tangannya sekali tepukan. Kemudian dia meniup kedua-duanya -atau menggoncangkan kedua-duanya-. Kemudian dia menyapu dengan kedua-duanya pada wajahnya dan dua telapak tangannya hingga ke pergelangan; kerana hadith Ammar, dan di dalamnya: (**Tayamum adalah satu tepukan untuk wajah dan dua telapak tangan**)[1], dan hadith Ammar, bahawa Nabi ﷺ bersabda kepada beliau: (**Hanyalah memadai untuk dikau, bahawa engkau lakukan sebegini**) lalu Baginda menepuk dengan tapak tangan Baginda satu tepukan ke tanah, kemudian Nabi menggoncangkannya, kemudian Baginda menyapu dengan keduanya; belakang tapak tangannya dengan tangan kirinya, atau belakang tangan kirnya dengan tapak tangannya. Kemudian Baginda menyapu dengan kedua-duanya pada wajahnya[2].

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/263), Abu Daud dengan no. (327). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 161).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (347) dan Muslim dengan no. (368), dan lafaz ini oleh Al-Bukhari.

Bab Kesembilan : Mengenai Hukum Najis-najis dan Cara Pembersihannya

Persoalan Pertama: Pengenalan Najis, dan Dua Bentuknya:

Najis: Ia adalah setiap bahan yang dipandang kotor, yang perintahkan oleh Syarak untuk menjauhinya.

Dan ia ada dua jenis:

1- Najis bersifat sejati atau hakiki: dan ia adalah yang tidak akan dapat disucikan dengan apa keadaan sekalipun; kerana ia sendiri adalah najis, seperti najis keldai, darah dan air kencing.

2- Najis bersifat hukum: Dan ia adalah perkara namaan yang tertegak pada anggota badan, dan akan menghalang kesahihan Solat. Ia merangkumi hadas kecil yang akan dihilangkan dengan wuduk, seperti membuang air besar, dan hadas besar yang akan dihilangkan dengan mandi, seperti junub.

Bahan asal yang dihilangkan dengannya najis adalah air, dan ia adalah asal dalam penyucian, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Dan Dia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya*} [Al-Anfaal : 11].

Ia terbahagi kepada tiga bahagian:

Najis yang berat: iaitu najis anjing, dan apa-apa yang lahir darinya.

Najis yang ringan: iaitu najis air kencing budak lelaki yang belum makan makanan.

Najis yang pertengahan: iaitu najis-najis yang selebihnya, seperti air kencing, tahi dan bangkai.

Persoalan Kedua: Benda-benda Yang Tertegak Dalil Terhadap Kenajisannya:

1- Air kencing anak Adam, tahinya, dan muntahnya: melainkan air kencing budak lelaki yang belum makan makanan, maka memadai dengan merenjis padanya; kerana hadith Ummu Qais bin Mihsan: (**Bahawa dia telah datang dengan anak lelakinya yang kecil belum memakan makanan kepada Rasulullah ﷺ. Maka baginda telah mendudukkannya di ribaan Baginda, lalu dia telah kencing di atas pakaian Baginda. Maka Baginda telah meminta air, lalu Baginda merenjis-renjiskannya dan tidak membasuhnya**)[1]. Adapun air kencing budak lelaki yang memakan makanan dan begitu juga air kencing budak perempuan, maka ia dibasuh seperti air kencing orang dewasa.

2- Darah yang memancut dari haiwan-haiwan yang dimakan. Adapun darah yang tertinggal di dalam daging dan urat-urat, ia adalah suci, kerana firman-Nya -تعالى-: {*atau darah yang mengalir*} [Al-An'aam : 145] dan ia adalah yang ditumpahkan dan dicurahkan.

3- Air kencing dan tahi setiap binatang yang tidak dimakan dagingnya, seperti kucing dan tikus.

4- Bangkai: Ia adalah apa-apa yang mati dengan sendiri dengan tanpa penyembelihan yang sah, kerana firman-Nya -تعالى-: {*melainkan ia adalah bangkai*} [Al-An'aam : 145] .. dan dikecualikan dari itu bangkai ikan, belalang dan apa-apa yang tiada nyawa yang mengalir, maka ia adalah suci.

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (223).

5- Mazi: Ia adalah air berwarna putih, cair, kenyal, yang keluar ketika gurauan atau mengingati persetubuhan, tidak dengan syahwat dan tidak dengan pancutan, tidak diiringi oleh keletihan, bahkan barangkali dia tidak merasakan keluarnya. Ia adalah najis, kerana sabda Baginda ﷺ di dalam hadith Ali bin Abi Tolib d : (**Berwuduklah dan basuhlah zakarmu**)[1], yakni daripada mazi. Tidak diperintahkan padanya mandi bagi meringankan dan mengangkat penyempitan; kerana ia adalah di antara perkara yang payah untuk berjaga-jaga daripadanya.

6- Wadi: Ia adalah air berwarna putih, pekat, yang keluar setelah kencing. Sesiapa yang terkena akannya maka dia hendaklah membasuh kemaluannya dan berwuduk, namun tidak perlu mandi.

7- Darah haid: Sebagaimana yang di dalam hadith Asma' binti Abi Bakr g , dia berkata: Telah datang seorang wanita kepada Nabi ﷺ, lalu dia berkata: Salah seorang dari kalangan kami terkena pakaiannya darah haid. Bagaimanakah perlu dia lakukan? Baginda pun bersabda: (**Dia perlu mengikisnya, kemudian menggonyohnya dengan air, kemudian merenjiskannya, kemudian dia solatlah di dalamnya**)[2].

Persoalan Ketiga: Cara Pembersihan Najis:

1- Sekiranya najis berkenaan adalah di tanah dan tempat: maka ini memadai dalam menyucikannya satu basuhan, yang menghilangkan bahan najis berkenan; lantas dia mencurahkan ke atasnya air sekali sahaja; kerana perintah Baginda ﷺ untuk mencurahkan air ke atas air kencing orang Aa'rab yang telah kencing di dalam masjid[3].

2- Sekiranya najis berkenaan bukan di atas tanah: sebagai contoh ia berada pada pakaian atau pada bekas. Jika ia adalah dari anjing yang menjilat ke dalam bekas berkenaan, maka tiada pilihan dari membasuhnya tujuh basuhan dan salah satunya dengan tanah; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila menjilat anjing pada bekas seseorang kamu, maka basuhlah ia tujuh kali, yang pertamanya dengan tanah**)[4]. Hukum ini adalah umum pada bekas dan selainnya, seperti pakaian dan perabot.

Adapun najis khinzir: Yang sebetulnya ia adalah seperti keseluruhan najis-najis yang lain, yang memadai pembasuhannya satu kali, yang menghilangkan bahan najis, dan tidak disyaratkan membasuhnya sebanyak tujuh kali.

Jika najis berkenaan adalah dari air kencing, tahi, darah dan sebagainya: Maka ia dibasuh dengan air berserta gonyohan dan perahan sehingga ia lenyap dan hilang, serta tidak tertinggal untuknya sebarang kesan, dan memadai pada pembasuhannya walau satu kali.

Memadai dalam penyucian air kencing budak yang belum makan makanan dengan renjisan, iaitu memercikkannya dengan air; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Dibasuh dari kerana air kencing budak**

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (269).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (227) dan Muslim dengan no. (291) dan lafaz ini oleh Muslim.
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (220) dan Muslim dengan no. (284).
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (279) dan lafaz beliau: (**Penyucian bekas seseorang kamu apabila menjilat padanya anjing, bahawa dia membasuhnya tujuh kali dan permulaannya dengan tanah**).

perempuan, dan direnjis dari kerana air kencing budak lelaki)[1], dan kerana hadith Ummu Qais binti Mihsan yang telah lalu.

Manakala kulit bangkai yang dimakan dagingnya: Ia dapat disucikan dengan penyamakan, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Mana-mana kulit yang disamak maka ia telah suci**)[2].

Darah haid dibasuh orang seorang wanita dari pakaiannya dengan air, kemudian dia merenjisnya, kemudian dia solat di dalamnya.

Maka wajib ke atas seorang Muslim agar prihatin berkenaan penyucian dari najis-najis pada badannya, tempatnya, dan pakaiannya yang dia solat di dalamnya, kerana ia adalah syarat bagi kesahihan Solat.

[1] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (376), An-Nasaa'ie dengan no. (303), dan Ibnu Majah dengan no. (526). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih An-Nasaa'ie* dengan no. 293).

[2] Diriwayatkan oleh An-Nasaa'ie dengan no. (4252), At-Tirmidzi dengan no. (1728), Ibnu Majah dengan no. (3609). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Irwaa' Al-Ghaliil* (1/79). Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Sahih* beliau dengan no. (366) dengan lafaz: (**Apabila disamak kulit, maka ia telah suci**).

Bab Kesepuluh : Mengenai Haid dan Nifas

Haid dari segi bahasa: Aliran, dan dari segi Syarak: Darah tabii dan semulajadi, yang keluar dari dasar rahim pada waktu-waktu yang tertentu, ketika sihatnya seorang wanita, bukan dari sebab kelahiran.

Nifas: Darah yang keluar dari wanita ketika kelahiran.

Persoalan Pertama: Permulaan Waktu Haid dan Penamatnya:

Tiada haid sebelum sempurna sembilan tahun; kerana tidak sabit di dalam kewujudan ini untuk seorang perempuan haid sebelum itu. Sesungguhnya telah diriwayatkan daripada Aisyah g bahawa beliau berkata: (Apabila mencecah seorang kanak-kanak perempuan sembilan tahun, maka dia adalah seorang wanita)[1].

Dan tiada haid selepas lima puluh tahun, pada kebiasaan mengikut pendapat yang sahih. Telah diriwayatkan daripada Aisyah g, bahawa beliau berkata: (Apabila mencecah seorang wanita lima puluh tahun, keluarlah dia dari batasan haid)[2].

Persoalan Kedua: Tempoh Haid Terpendek dan Terpanjang:

Yang sahihnya: Bahawa tiada batasan terpendeknya dan tidak pula terpanjangnya, ia hanya dirujuk mengenainya kepada adat dan kebiasaan.

Persoalan Ketiga: Kebiasaan Haid:

Kebiasaannya adalah enam atau tujuh hari, kerana sabda Baginda ﷺ kepada Hamnah binti Jahsy: (**Engkau akan haid pada ilmu Allah, enam hari atau tujuh, kemudian mandilah dan solatlah selama dua puluh empat hari, atau dua puluh tiga hari, sebagaimana datang haid golongan dan menjadi suci golongan wanita, mengikut tempoh-tempoh haid mereka dan suci mereka**)[3].

Persoalan Keempat: Apa Yang Diharamkan Dengan Sebab Haid dan Nifas:

Akan diharamkan dengan sebab haid dan nifas, beberapa perkara:

1- Persetubuhan pada faraj: Kerana firman-Nya -تعالى-: {*Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka sebelum mereka suci.*} [Al-Baqarah : 222]. Lalu bersabda Nabi ﷺ ketika ia turun: (**Buatlah semua**

[1] Disebut oleh At-Tirmidzi (3/418) dan Al-Baihaqi di dalam *As-Sunan Al-Kubra* (1/320) dengan tanpa isnad.
[2] *Al-Mughni* 1/406.
[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (287) dan At-Tirmidzi dengan no. (128) serta beliau berkata: Hassan Sahih. Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 110).

perkara kecuali nikah)[1].

2- Talak: Kerana firman-Nya -تعالى-: {*maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya,*} [At-Talaaq : 1], dan sabda Baginda ﷺ kepada Umar apabila anaknya Abdullah menceraikan isterinya dalam keadaan haid: (**Arahkan dia, hendaklah dia merujuknya**)[2] hadith.

3- Solat: Kerana sabda Baginda ﷺ kepada Fatimah binti Abi Hubaisy: (**Apabila datang haid, maka tinggalkanlah Solat**)[3].

4- Berpuasa: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Bukankah seseorang kamu, apabila dia haid, dia tidak berpuasa dan tidak solat?**)[4].

5- Tawaf: kerana sabda Baginda ﷺ kepada Aisyah g, apabila dia haid: (**Lakukanlah semua yang dilakukan oleh orang yang menunaikan haji, melainkan janganlah engkau bertawaf di Bait sehingga engkau suci**)[5].

6- Membaca Al-Quran: Dan ia adalah pendapat ramai dari kalangan Ahli Ilmu dari kalangan para Sahabat dan pada Tabiin, serta orang-orang selepas mereka. Akan tetapi apabila dia perlu untuk membaca - sebagai contoh dia perlu mengulang kaji hafalannya supaya dia tidak lupa, atau mengajarkan pelajar-pelajar perempuan di sekolah-sekolah, atau membaca wiridnya - dibolehkan untuknya perkara berkenaan. Jika dia tidak perlu maka janganlah dia membaca, sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian Ahli Ilmu[6].

7- Menyentuh mashaf: kerana dalil-dalil yang telah lalu

8- Memasuki masjid dan diam di dalamnya: Kerana sabda Baginda ﷺ: (**Aku tidak halalkan masjid untuk orang yang junub dan juga orang yang haid**)[7], dan kerana baginda ﷺ dahulunya mendekatkan kepada Baginda kepada Aisyah, sedangkan dia berada di dalam biliknya, lalu dia membasuh rambut Baginda dalam keadaan dia haid, dan ia ketika itu bersebelahan masjid[8]. Begitu juga diharamkan ke atasnya melintas di dalam masjid jika dia bimbang akan mengotorkannya, dan jika dia rasa selamat dari mengotorkannya ia tidak diharamkan.

Persoalan Kelima: Apa Yang Diwajibkan Oleh Haid:

1- Diwajibkan mandi: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tinggalkanlah solat mengikut kadar hari-hari yang dahulu engkau haid di dalamnya, kemudian mandilah dan solat**)[9].

---

[1] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (302).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (5251) dan Muslim dengan no. (1471).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (320) dan Muslim dengan no. (333).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (304).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (305) dan Muslim dengan no. (1211) (119).
[6] Lihat *As-Syarh Al-Mumtie'* (1/291-292).
[7] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (232), disahihkan oleh Ibnu Khuzaimah, dihasankan oleh Ibnu Al-Qattan dan Ibnu Saiyid An-Naas. Lihat Nail Al-Awtaar (1/288) hadith no. (305).
[8] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (296). Berkata Ibnu Hajar: "Di dalam hadith ini terhadap petunjuk .. bahawa seorang yang haid tidak memasuki masjid" (Fath Al-Bari 1/401).
[9] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (306) dan Muslim dengan no. (334).

2- Baligh: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah solat perempuan yang telah datang haid melainkan dengan tudung kepala**)[1]. Sesungguhnya telah diwajibkan ke atasnya menutup dengan terjadinya haid. Maka ia menunjukkan bahawa taklif terhasil dengannya, dan itu hanya terhasil dengan kebalighan.

3- Beridah dengannya: Akan tamat idah pada hak wanita yang dicerai dan sebagainya dengan haid, bagi sesiapa yang datang haid, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka selama tiga kali quru'.*} [Al-Baqarah : 228]. Yakni: tiga kali haid.

4- Hukum terhadap bersihnya rahim di dalam beridah adalah dengan haid.

Peringatan: Apabila bersih seorang yang haid atau nifas sebelum terbenamnya matahari; maka lazim ke atasnya untuk solat Zohor dan Asar dari hari berkenaan. Sesiapa yang suci dari kalangan dua kumpulan berkenaan sebelum terbitnya fajar, maka dimestikan ke atasnya untuk solat Maghrib dan Isyak dari malam berkenaan; kerana waktu solat yang kedua adalah waktu solat yang pertama di dalam keadaan keuzuran. Telah berpendapat dengannya Jumhur: Malik, As-Syafie dan Ahmad[2].

Persoalan Keenam: Nifas Terpendek dan Terpanjang:

Tiada had bagi nifas terpendek; kerana tidak datang mengenai sebarang penentuan, maka dirujuk mengenainya kepada kewujudan, dan telah didapati yang sedikit dan yang banyak. Yang terpanjang adalah empat puluh hari. Telah berkata At-Tirmizi: Telah bersepakat Ahli Ilmu dari para Sahabat Nabi ﷺ dan sesiapa sesudah mereka, bahawa wanita-wanita yang nifas akan meninggalkan solat selama empat puluh hari, melainkan dia melihat kesucian sebelum itu, maka dia perlu mandi dan solat, kerana hadith Ummu Salamah: (Dahulunya wanita-wanita yang nifas pada zaman Nabi ﷺ akan duduk selama empat puluh hari)[3].

Persoalan Ketujuh: Mengenai Darah Istihadah:

Istihadah: Aliran darah bukan pada waktunya di atas bentuk pendarahan, dari satu urat yang dinamakan *aadzil*.

Darah istihadah tidak menyamai darah pada hukum-hukumnya dan pada sifatnya. Ia adalah urat yang terpecah di dalam rahim, tak kira sama ada pada waktu-waktu haid atau selainnya. Ia tidak akan menghalang solat, tidak pula puasa, dan tidak juga persetubuhan; kerana ia adalah pada hukum orang-orang yang suci. Dalilnya adalah hadith Fatimah binti Abi Hubaisy: Dia berkata: Aku telah berkata: Wahai Rasulallah! Sesungguhnya aku istihadah, maka aku tidak suci, adakah aku perlu meninggalkan solat? Baginda bersabda: (**Tidak, sesungguhnya ia adalah urat dan bukannya haid.**

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (641), At-Tirmidzi dengan no. (377) dan Ibnu Majah dengan no. (655). Disahihkan oleh Al-Albaan di dalam Al-Irwaa' (1/215).

[2] Lihat *Al-Mulakh'khas Al-Fiqhiy* (1/59-60).

[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (312), At-Tirmidzi dengan no. (139) dan Ibnu Majah dengan no. (648). Berkata Al-Albaan: Mauquf Dhoif (Al-Irwaa' 1/226).

Apabila datang haid, maka tinggalkanlah solat, dan apabila ia pergi maka basuhlah dari dirimu darah berkenaan dan solatlah)[1]. Maka wajib ke atasnya untuk mandi pada penamat haidnya yang muktabar, dan ketika istihadah dia perlu membasuh kemaluannya, dan menjadikan pada tempat keluar berkenaan kapas dan sebagainya yang akan menghalang yang keluar, dan hendaklah dia mengetatkan apa yang akan menahannya daripada jatuh, dan memadai bagi semua itu tuala-tuala kesihatan pada masa sekarang. Kemudian dia berwuduk ketika masuk waktu setiap solat.

Wanita-wanita Yang Istihadah Mempunyai Tiga Keadaan:

Keadaan Pertama: Bahawa dia mempunyai kebiasaan yang diketahui, dengan bahawa tempoh haid adalah sedia maklum di sisinya sebelum Istihadah. Wanita ini akan duduk mengikut kadar kebiasaannya, dia meninggalkan solat dan puasa, dan dia dikira sebagai seorang yang haid. Apabila tamat kebiasaannya, dia mandi dan solat, dan dikira darah yang keluar sebagai darah istihadah; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Ummu Habibah: (**Diamlah mengikut kadar apa yang kamu dahulu disekat oleh haidmu, kemudian mandilah dan solatlah**)[2].

Keadaan Kedua: Sekiranya dia tidak memiliki kebiasaan yang diketahui, tetapi darahnya dapat berbeza, sebahagiannya membawa sifat haid; dengan bahawa ia adalah hitam atau pekat atau mempunyai bau, sedangkan selebihnya membawa sifat istihadah; darah berwarna merah yang tidak mempunyai bau. Maka di dalam keadaan ini, dia akan kembali kepada beramal dengan membeza; kerana sabda Nabi ﷺ kepada Fatimah binti Abi Hubaisy: (**Sekiranya ia adalah darah haid, ia adalah berwarna hitam dikenali, maka tahanlah daripada solat. Sekiranya ia adalah yang satu lagi, maka berwuduklah dan solatlah, ia hanya urat**)[3].

Keadaan Ketiga: Sekiranya dia tidak mempunyai kebiasaan atau sifat yang boleh dibezakan dengannya haid dari yang lain, maka wanita ini akan duduk mengikut kebiasaan haid enam atau tujuh hari; kerana ia adalah kebiasaan kebanyakan wanita. Darah yang sesusah hari-hari ini adalah darah istihadah dia perlu basuh, kemudian solat, dan berpuasa; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Hamnah binti Jahsy: (**Ia hanyalah tolakan dari syaitan. Maka kamu akan haid selama enam hari atau tujuh hari, kemudian mandilah. Apabila ia telah bersih, maka solatlah dan berpuasalah, kerana sesungguhnya itu memadai untukmu**)[4]. Makna (**tolakan dari syaitan**) yakni: dorongan, iaitu: Bahawa Syaitanlah yang menggerakkan darah berkenaan.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (306) dan Muslim dengan no. (334).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (334) (65).
[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (286), disahihkan oleh Ibnu Hibban (Al-Ihsan 2/458) dan Al-Hakim (1/174). Disahihkan oleh Al-AlBaani (Al-Irwaa' dengan no. 204).
[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (287) dan At-Tirmidzi dengan no. (128) dan beliau berkata: Hassan Sahih. Disahihkan oleh Al-AlBaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 205).

Kitab Solat

Bab Pertama : Pengenalan Solat, Kelebihannya dan Kewajipan Solat Lima Waktu

1- Pengenalannya: Solat [الصلاة] dari segi bahasa: Doa [الدعاء].

Dari segi Syarak: Satu ibadah yang mempunyai kata-kata dan perlakuan-perlakuan yang khas, yang dibuka dengan takbir, yang diakhiri dengan salam.

Akan datang perinciannya di dalam bab-bab yang berikut, -إن شاء الله-.

2- Kelebihannya: Solat adalah antara rukun Islam yang paling ditekankan setelah 'Dua Kalimah Syahadah', bahkan ia adalah tiang-tiang Islam. Allah telah memfardukannya ke atas Nabi-Nya Muhammad ﷺ pada malam Mikraj di atas tujuh langit. Itu adalah bukti terhadap kepentingannya di dalam kehidupan seorang Muslim. Dahulunya Baginda ﷺ apabila Baginda ditimpa oleh satu perkara, Baginda akan pergi kepada Solat. Telah datang mengenai kelebihannya dan galakkan kepadanya banyak hadith-hadith, di antaranya:

Sabda Baginda ﷺ: (**Solat-solat yang lima, Jumaat ke Jumaat, Ramadhan ke Ramadhan, adalah penghapus-penghapus dosa bagi apa yang di antaranya, selama dijauhi dosa-dosa besar**)[1].

Sabda Baginda ﷺ: (**Apakah pendapat kamu, jika sebatang sungai berada di hadapan pintu seseorang kamu, yang dia mandi darinya setiap hari sebanyak lima kali, adakah akan tertinggal dari dakinya sesuatu pun?**). Mereka bersabda: Tidak akan tertinggal dari dakinya sesuatu pun. Baginda bersabda: (**Demikianlah perumpamaan Solat-solat yang lima, Allah padamkan dengannya kesalahan-kesalahan**)[2]. Daki: Kotoran.

3- Kewajipannya: Kefardhuannya adalah sedia maklum melalui Kitab, Sunnah dan Ijmak, yang sedia maklum secara pasti. Berfirman -تعالى-: {*Dirikanlah Solat*} [Al-Baqarah : 43] di dalam banyak ayat-ayat dari Kitab Allah, dan Dia -تعالى- berfirman: {*Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman, hendaklah mereka mendirikan Solat*} [Ibrahim : 31].

Daripada Sunnah: Hadith Mikraj dan di dalamnya: (**Ia adalah lima dan ia adalah lima puluh**)[3]. Di dalam 'Dua Kitab Sahih' sabda Baginda ﷺ kepada orang yang menanyakan Baginda mengenai Syariat-syariat Islam: (**Lima Solat di dalam sehari semalam**). Berkata orang yang bertanya: Adakah wajib ke atasku selainnya? Baginda bersabda: (**Tidak, melainkan engkau mahu sukarela**)[4].

Wajib Solat ke atas seorang Muslim yang baligh lagi berakal, oleh itu ia tidak wajib ke atas seorang Kafir, tidak juga seorang anak kecil, dan tidak pula seorang yang gila, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Diangkat pena daripada tiga golongan: daripada seorang yang tidur sehingga dia terjaga, daripada seorang yang gila sehingga dia sedar, dan daripada seorang anak kecil sehingga dia baligh**). Namun ia diperintahkan terhadap anak-anak pada sempurna umur tujuh tahun, dan mereka akan dipukul demi kerana meninggalkannya pada umur sepuluh tahun. Sesiapa yang menentang atau

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (233) (16).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (528) dan Muslim dengan no. (667).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (349).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (46) dan Muslim dengan no. (11).

meninggalkannya maka dia telah kafir dan murtad dari agama Islam, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Perjanjian yang di antara kita dan mereka adalah Solat. Maka sesiapa yang meninggalkannya, maka dia telah Kafir**)[1].

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (134).

Bab Kedua : Mengenai Azan dan Iqamah

Persoalan Pertama: Pengenalan Azan dan Iqamah, serta Hukumnya:

a- Pengenalan Azan dan Iqamah:

Azan [الآذان] dari segi bahasa: Pemberitahuan. Berfirman -تعالى-: {*Dan pemberitahuan dari Allah dan Rasul-Nya*} [At-Taubah : 3]. Iaitu pemberitahuan.

Ia dari segi Syarak: Pemberitahuan mengenai masuknya waktu Solat dengan sebutan yang khas.

Iqamah [الإقامة] pula, dari segi bahasa ialah: kata nama terbitan أَقَامَ (mendirikan), dan hakikatnya adalah mendirikan tiang.

Dan ia dari segi Syarak: Pemberitahuan berkenaan berdiri kepada Solat dengan sebutan khas yang didatangkan oleh Yang Mensyariatkan.

b- Hukum kedua-duanya: Azan dan Iqamah adalah disyariatkan pada hak golongan lelaki untuk Solat-solat yang lima dan bukan selainnya. Kedua-duanya adalah dari Fardhu-fardhu Kifayah; apabila kedua-duanya dilakukan oleh sesiapa yang layak, gugurlah dosa daripada orang-orang yang lain; kerana kedua-duanya adalah dari Syariat-syariat Islam yang nyata, maka tidak harus kedua-duanya diabaikan.

Persoalan Kedua: Syarat-syarat Sah Kedua-duanya:

1- Islam : Maka kedua-duanya tidak sah dari seorang Kafir.

2- Akal : Maka kedua-duanya tidak sah dari seorang yang gila, seorang yang mabuk, dan seorang yang tidak mumaiyiz, sebagaimana semua Ibadat.

3- Kelelakian : Maka kedua-duanya tidak sah dari seorang wanita kerana fitnah pada suaranya, tidak juga dari seorang khunsa kerana ketidaktahuan berkenaan keadaannya lelaki.

4- Hendaklah azan itu terjadi pada waktu Solat: Maka ia tidak sah sebelum masuk waktunya, selain azan pertama bagi Fajar dan Jumaat, kerana ia dibolehkan sebelum waktu. Serta hendaklah Iqamah terjadi ketika ingin berdiri untuk Solat.

5- Hendaklah Azan itu tersusun dan berturutan: sebagaimana didatangkan sedemikian oleh Sunnah, begitu juga Iqamah. Akan datang penjelasannya di dalam perbincangan mengenai sifat Azan dan Iqamah.

6- Hendaklah Azan, begitu juga Iqamah terjadi dengan bahawa Arab dan lafaz-lafaz yang didatangkan oleh Sunnah.

Persoalan Ketiga: Mengenai Sifat-sifat Yang Digalakkan Pada Muazzin:

1- Hendaklah dia seorang yang saksama lagi jujur; kerana orang yang diamanahkan itu akan dirujuk kepadanya dalam Solat dan Puasa, maka dirasakan selamat bahawa dia memperdaya mereka dengan seruan azannya apabila ia bukannya sebegitu.

2- Hendaklah dia seorang yang baligh lagi berakal, namun sah azan seorang kanak-kanak yang mumaiyiz.

3- Hendaklah dia seorang yang mengetahui tentang waktu-waktu agar dia mencari-carinya lalu dia akan melaungkan azan pada awalnya. Kerana jika dia bukan seorang yang berpengetahuan barangkali dia akan tersilap atau tersalah.

4- Hendaklah dia bersuara nyaring agar dia didengari oleh orang ramai.

5- Hendaklah dia bersih dari hadas yang kecil dan yang besar.

6- Hendaklah dia azan dalam keadaan berdiri menghadap kiblat.

7- Hendaklah menjadikan dua jarinya pada dua telinganya, serta hendaklah dia memusingkan wajahnya ke kanannya apabila dia mengatakan: Marilah mendirikan Solat, dan ke kirinya apabila dia mengatakan: Marilah menuju kejayaan.

8- Hendaklah dia melanjutkan di dalam Azan -iaitu perlahan-lahan- dan melajukan Iqamah -iaitu mencepatkan di dalamnya-.

Persoalan Keempat: Mengenai Sifat Azan dan Iqamah:

Cara Azan dan Iqamah: Dan kedua-duanya mempunyai cara-cara yang didatangkan oleh Nas-nas Nabawiah. Di antaranya apa yang datang di dalam hadith Abi Mahdzurah, bahawa Nabi ﷺ sendiri mengajarkannya Azan, lalu Baginda bersabda: (**Kamu katakan:**

اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ.

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah, Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah, Marilah menunaikan Solat, Marilah menunaikan Solat, Marilah menuju kejayaan, Marilah menuju kejayaan, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Tiada tuhan melainkan Allah)[1].

Manakala sifat Iqamah pula:

[1] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (503) dan Ibnu Majah dengan no. (708). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan Ibnu Majah* dengan no. 581)

اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، قَدْ قَامَتْ الصَّلَاةُ قَدْ قَامَتْ الصَّلَاةُ، اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ.

(**Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah, Marilah menunaikan Solat, Marilah menuju kejayaan, Telah hampir didirikan Solat, Telah hampir didirikan Solat, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Tiada tuhan melainkan Allah**); kerana hadith Anas d, beliau berkata: (**Baginda memerintahkan Bilal agar menggenapkan bilangan Azan, dan agar beliau mengganjilkan bilangan Iqamah melainkan lafaz Iqamah**)[1]. Maka kalimah-kalimah Azan adalah dua kali dua kali, dan kalimah-kalimah Iqamah adalah satu kali satu kali, melainkan pada kata-kata: (**Telah hampir dirikan Solat**) kerana ia adalah dua kali; kerana hadith yang telah lalu.

Ini adalah sifat Azan dan Iqamah yang digalakkan; kerana Bilal dahulu melaungkan Azan dengannya ketika hadir dan ketika musafir bersama Rasulullah ﷺ sehingga Baginda wafat. Jika ditarjie'kan[2] di dalam Azan, atau didua-duakan bilangan Iqamah, maka tidak mengapa; kerana ia adalah dari ikhtilaf yang dibolehkan.

Digalakkan juga dia mengatakan di dalam azan Subuh sesudah 'Marilah menuju kejayaan': 'Solat adalah lebih baik berbanding tidur' sebanyak dua kali; kerana apa yang diriwayatkan oleh Abu Mahdzurah, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda kepada beliau:

فَإِنْ كَانَ صَلَاةُ الصُّبْحِ، قُلْتَ: **الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنْ النَّوْمِ، الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنْ النَّوْمِ**.

(**Jika ia adalah di dalam azan Subuh, kamu katakan: Solat adalah lebih baik berbanding tidur**)[3].

Persoalan Kelima: Apa Yang Dikatakan Oleh Orang Yang Mendengar Azan dan Apakah Dia Perlu Doakan Sesudahnya:

Digalakkan bagi sesiapa yang mendengar Azan untuk mengatakan seperti yang dikatakan oleh muazzin; kerana hadith Abi Sa'eid, bahawa Nabi ﷺ telah bersabda: (**Apabila kamu mendengar seruan, maka katakanlah seperti yang dikatakan oleh muazzin**)[4], kecuali pada 'dua seruan Marilah', maka disyariatkan untuk orang yang mendengar Azan untuk mengatakan: [لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ] 'Tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan Allah' sebaik sahaja kata-kata muazzin: 'Marilah menunaikan Solat', dan demikian juga sebaik sahaja kata-katanya: 'Marilah menuju kejayaan'; kerana hadith Umar bin Al-Khattab d mengenai perkara itu[5].

Apabila mengatakan muazzin pada solat Subuh: 'Solat lebih baik berbanding tidur', orang yang mendengar hendaklah mengatakan sepertinya, dan itu tidak disunatkan ketika Iqamah.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (605) dan Muslim dengan no. (378). Lafaz oleh Al-Bukhari.
[2] Tarjie' : Mengulang-ulang, dengan makna bahawa dia merendahkan suaranya pada dua kalimah syahadah, dan kemudian dia mengulangnya dengan meninggikan suara, sebagaimana yang dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (503).
[3] Dikeluarkan oleh An-Nasaa'ie (2/7, 8). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 628).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (621) dan Muslim dengan no. (1093).
[5] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (385).

Kemudian hendaklah dia berselawat ke atas Nabi ﷺ, dan kemudian dia mengatakan:

اللهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ

'Ya Allah! Tuhan seruan yang sempurna ini dan solat yang akan didirikan. Kurniakanlah Muhammad wasilah dan fadhilah, serta utuskanlah Baginda kedudukan terpuji yang telah Engkau janjikan'[1].

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (614), dan di dalamnya: Bahawa sesiapa yang mengatakannya, dapat kepadanya syafaat Nabi ﷺ pada hari Kiamat.

Bab Ketiga : Mengenai Waktu-waktu Solat

Solat-solat yang difardukan adalah lima di dalam sehari semalam. Untuk setiap solat darinya ada waktu tertentu yang ditentukan oleh Syarak. Berfirman -تعالى-: {*Sesungguhnya Solat ke atas orang-orang yang beriman adalah ketetapan yang berwaktu-waktu*} [An-Nisaa' : 103]. Yakni: difardukan pada waktu-waktu yang tertentu, maka tidak mencukupi Solat sebelum masuk waktunya.

Waktu-waktu ini, asal padanya adalah hadith Ibnu Amru d : Bahawa Nabi ﷺ telah bersabda: (**Waktu Zohor adalah apabila tergelincir Matahari, dan bayangan seseorang itu adalah seperti ketinggiannya selama mana tidak hadir Asar. Waktu Asar adalah selama tidak menjadi kuning Matahari. Waktu solat Maghrib adalah selama tidak hilang syafak. Waktu solat Isyak adalah sehingga separuh malam yang pertengahan. Waktu solat Subuh adalah dari terbit Fajar selama tidak terbit Matahari**)[1].

Solat Zohor bermula waktunya dengan gelincirnya Matahari, iaitu: condongnya dari tengah langit ke arah Maghrib, dan mengunjur waktunya sehingga menjadi bayang setiap benda menjadi sepertinya dari segi panjang. Digalakkan penyegeraannya pada awal waktunya, melainkan apabila bersangatan panas, maka digalakkan melewatkannya sehingga keadaan menjadi sejuk; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila terlalu panas, maka tunggulah sejuk untuk Solat, kerana keterlaluan panas itu adalah dari bahang Jahannam**)[2].

Solat Asar bermula waktunya dari akhir waktu Zohor -iaitu menjadi bayang sesuatu itu sepertinya- dan ia berakhir dengan terbenamnya Matahari, iaitu ketika akhir kekuningan. Namun disunatkan penyegeraannya di awal waktu. Ia adalah Solat Pertengahan [Al-Wusta] yang dinaskan oleh Allah terhadapnya di dalam firman-Nya -تعالى-: {*Peliharalah Solat-solat dan Solat Wusta, dan berdirilah kamu kepada Allah dalam keadaan diam*} [Al-Baqarah : 238].

Sesungguhnya Nabi ﷺ memerintahkan agar ia dipelihara, lalu Baginda bersabda: (**Sesiapa yang terlepas solat Asar, maka seolah-olah dia telah keluarganya dan hartanya**)[3]. Baginda bersabda juga: (**Sesiapa yang meninggalkan solat Asar, maka telah gugurlah amalannya**)[4].

Waktu solat Maghrib adalah dari terbenamnya Matahari sehingga hilangnya mega merah; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Waktu solat Maghrib adalah selama tidak hilang syafak**)[5]. Disunatkan penyegeraannya di awal waktunya kerana sabda Baginda ﷺ: (**Akan berterusan umatku dalam kebaikan, selama mereka tidak menangguhkan Maghrib sehingga berceranggah bintang-bintang**)[6], melainkan pada malam Muzdalifah bagi orang yang berihram untuk Haji, maka disunatkan mereka menangguhkan Maghrib sehingga ia disolatkan bersama Isyak dengan jamak ta'khir .

Adapun solat Isyak, akan bermula waktunya dari hilangnya mega merah sehingga separuh malam;

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (612)
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (615) dan Al-Bukhari dengan no. (533-534).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (552) dan Muslim dengan no. (626) (201). Lafaz oleh Muslim.
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (553).
[5] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (173) (1/427) dan ia adalah sebahagian dari Mawaqqit yang panjang.
[6] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/174), Abu Daud dengan no. (418), Al-Hakim (1/190-191) dan beliau mensahihkannya mengikut syarat Muslim, dan disepakati oleh Ad-Dzahabi.

kerana sabda Baginda ﷺ: (**Waktu solat Isyak adalah sehingga separuh malam pertengahan**)[1]. Digalakkan melewatkannya sehingga akhir waktu yang terpilih selama tidak menjadi sebarang kepayahan, dimakruhkan tidur sebelumnya, dan perbualan sesudahnya untuk tanpa maslahat; kerana hadith Abi Bazrah d : (**Bahawa Rasulullah ﷺ, dahulu tidak suka tidur sebelum Isyak, serta berbual sesudahnya**)[2].

Waktu solat Fajar adalah dari terbitnya fajar kedua sehingga terbitnya Matahari. Digalakkan penyegeraannya apabila telah pasti terbitnya fajar.

Ini adalah waktu-waktu yang disyariatkan penunaian Solat-solat yang lima di dalamnya, maka wajib ke atas orang-orang Islam terikat dengan itu, memeliharanya terhadapnya pada waktunya, dan meninggalkan melewatkannya; kerana Allah menjanjikan orang-orang yang menangguhkannya dari waktunya, lalu berfirman -تعالى-: {*maka kecelakaan besar bagi orang-orang Ahli Sembahyang - (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya;*} [Al-Maa'uun : 4-5]. Berfirman -تعالى-: {*Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu; maka mereka akan menghadapi ghaiy,*} [Maryam : 59]. *Ghaiy*: iaitu azab yang bersangatan, berganda, buruk, dan menghampakan di dalam Jahannam, -semoga dilindungi oleh Allah-.

Menunaikan Solat pada waktunya adalah di antara amalan yang paling disukai di sisi Allah, dan yang paling afdhal; Telah ditanya Nabi ﷺ: Manakah paling disukai di sisi Allah? Baginda bersabda: (**Solat pada waktunya**)[3].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (174) dan ia adalah sebahagian dari Mawaqqit yang panjang (1/427).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (568) dan Muslim dengan no. (647).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (527) dan Muslim dengan no. (85) (139).

Bab Keempat : Mengenai Syaratnya, Rukunnya, Pembatalnya, Sunat-sunatnya, Perkara Makruhnya dan Hukum Orang Yang Meninggalkannya

Persoalan Pertama: Mengenai Bilangan Solat-solat Fardhu:

Bilangan Solat-solat yang wajib adalah lima, dan ia adalah Fajar, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak, dan ia adalah disepakati di atasnya. Telah menunjukkan kepada itu, hadith Talhah bin Ubaidillah, bahawa seorang Aa'rab telah berkata: Wahai Rasulullah! Apakah yang difardukan oleh Allah ke atas daku dari solat? Baginda bersabda: (**Lima solat dalam sehari semalam ..** hadith)[1], serta hadith Anas d di dalam kisah seorang lelaki dari kalangan penduduk pendalaman, dan kata-katanya kepada Nabi ﷺ: Dan mendakwa utusanmu bahawa wajib ke atas kami lima solat dalam sehari semalam kami. Baginda ﷺ bersabda: (**Benar**) ... hadith[2].

Persoalan Kedua: Ke Atas Siapa Ia Diwajibkan?

Ia wajib ke atas seorang Muslim yang baligh lagi berakal, bukan seorang yang haid atau nifas. Seorang kanak-kanak diperintahkan melakukannya apabila dia mencecah umur tujuh tahun, dan dia akan dipukul demi kerananya pada umur sepuluh tahun; kerana hadith: (**Diangkat pena daripada tiga golongan**), lalu Baginda menyebut di antaranya: (**daripada seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi**), dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Suruhlah anak-anak kamu untuk bersolat pada umur tujuh, dan pukullah mereka demi kerananya pada umur sepuluh, serta asingkanlah di antara mereka pada tempat tidur**)[3].

Persoalan Ketiga: Mengenai Syarat-syaratnya:

Syarat-syaratnya ada sembilan:

1- Islam: maka ia tidak sah dari seorang Kafir; kerana batalnya amalannya.

2- Akal: maka ia tidak sah dari seorang yang gila; kerana ketiadaan pentaklifannya.

3- Baligh: maka ia tidak wajib ke atas kanak-kanak sehingga dia baligh, tetapi dia disuruh melakukannya pada umur tujuh, dan dia akan dipukul demi kerananya pada umur sepuluh; kerana hadith: (**Suruhlah anak-anak kamu bersolat pada umur tujuh ...**) hadith.

4- Suci dari dua hadas berserta kemampuan; kerana sabda Baginda ﷺ di dalam hadith Ibnu Umar: (**Tidak menerima Allah sebarang solat dengan tanpa penyucian**)[4].

5- Masuknya waktu bagi solat yang berwaktu: kerana firman-Nya -تعالى-: {*Sesungguhnya Solat ke atas*

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (11).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (12).
[3] Diriwayatkan oleh Ahmad (3/201), Abu Daud dengan no. (494) dan At-Tirmidzi dengan no. (407). Beliau berkata: Sebuah hadith yang hasan. Disahihkan oleh Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak* (1/201). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 247).
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (224).

orang-orang yang beriman adalah ketetapan yang berwaktu-waktu} [An-Nisaa : 103], dan kerana hadith Jibrail ketika Nabi ﷺ mengimamkan solat-solat yang lima, kemudian Baginda bersabda: (**Apa yang di antara dua waktu ini adalah waktu**)[1]. Maka tidak sah solat sebelum masuk waktunya, dan tidak pula sesudah keluar waktu berkenaan melainkan kerana keuzuran.

6- Menutup aurat berserta kemampuan dengan sesuatu yang tidak akan membayangkan kulit: kerana firman-Nya -تعالى-: {*Wahai anak-anak Adam! Bawalah perhiasan kamu ke setiap masjid*} [Al-Aa'raaf : 31], dan sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah solat seorang wanita yang telah datang haid melainkan dengan tudung kepala**)[2]. Sementara aurat seorang lelaki yang telah baligh adalah apa yang di antara pusat dan lutut; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Jabir d : (**Apabila kamu bersolat di dalam satu pakaian, sekiranya ia adalah besar maka berselimutlah kamu dengannya, dan sekiranya adalah kecil maka berkainlah kamu dengannya**)[3]. Yang lebih patut dan lebih afdhal adalah dia menjadikan pada bahunya sesuatu pakaian; kerana Nabi ﷺ melarang seorang lelaki untuk solat di dalam pakaian yang tiada di atas bahunya sesuatu darinya. Wanita pula seluruhnya adalah aurat melainkan wajah dan dua telapak tangannya, kecuali apabila dia solat di hadapan orang-orang asing -iaitu orang-orang bukan mahram- maka dia boleh menutup semua benda; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Wanita adalah aurat**)[4], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tidak menerima Allah solat seorang wanita yang telah datang haid melainkan dengan tudung kepala**).

7- Membersihkan najis pada badannya, pakaiannya, dan tempatnya -iaitu tempat solatnya- berserta kemampuan: kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan pakaian kamu, hendaklah kamu sucikan*} [Al-Mudaththir : 4], juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Bersihkanlah daripada kencing; kerana keseluruhan azab kubur adalah darinya**)[5], dan kerana sabda Baginda ﷺ kepada Asma' mengenai darah haid yang terkena pakaian: (**Dia perlu mengikisnya, menggonyohnya dengan air, seterusnya dia mengibasnya, dan kemudian dia boleh solat di dalamnya**)[6], serta kerana sabda Baginda ﷺ kepada para Sahabat Baginda sedangkan telah kencing seorang Aa'rab di dalam masjid: (**Tuangkan ke atas kencingnya sebaldi air**)[7].

8- Menghadap Kiblat berserta kemampuan: kerana firman-Nya -تعالى-: {*maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjid Al-Haram*} [Al-Baqarah : 144], dan kerana hadith: (**Apabila kamu bangun mendirikan Solat, maka ratakanlah wuduk, kemudian menghadaplah Kiblat**)[8].

9- Niat: dan ia tidak akan gugur walau apa keadaan; kerana hadith Umar: (**Amalan-amalan hanyalah dengan niat-niat**). Tempatnya adalah hati, dan hakikatnya adalah berazam untuk sesuatu. Tidak disyariatkan untuk melafazkannya; kerana Nabi ﷺ tidak pernah melafazkannya, dan tidak pernah datang bahawa seseorang dari kalangan Sahabat melakukan demikian.

---

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (3/330), An-Nasaa'ie (1/91) dan At-Tirmidzi dengan no. (150). Ia adalah sebuah hadith yang sahih (Irwaa' Al-Ghaliil dengan no. 250).
[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (627), At-Tirmidzi dengan no. (375) dan Ibnu Majah dengan no. (655). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 196)
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (361) dan Muslim dengan no. (3010).
[4] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (397). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 273).
[5] Diriwayatkan oleh Ad-Daarqutni (1/97) dengan no. (453). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 280).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (227) dan Muslim dengan no. (291).
[7] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (220).
[8] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (6251) dan Muslim dengan no. (397).

Persoalan Keempat: Mengenai Rukun-rukunnya:

Rukun-rukun: adalah apa yang akan terbentuk darinya ibadah-ibadah, dan tidak akan sah sesuatu ibadah melainkan dengannya. Perbezaan di antaranya dengan syarat-syarat adalah: Bahawa syarat mendahului ibadat, dan berterusan bersamanya, sedangkan rukun-rukun: Ia adalah yang terangkum padanya ibadah dari perkataan dan perbuatan.

Rukun-rukunnya ada empat belas rukun. Ia tidak akan gugur dengan sengaja, atau dengan kelalaian, atau dengan kejahilan. Penjelasannya adalah seperti yang berikut:

1- Berdiri: di dalam yang fardhu ke atas yang mampu tegak lurus; kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan berdirilah kamu kepada Allah dalam keadaan diam*} [Al-Baqarah : 238], serta kerana sabda Baginda ﷺ kepada Imran bin Husoin: (**Solatlah dalam keadaan berdiri, jika kamu tidak mampu maka dalam keadaan duduk, jika kamu tidak mampu maka di atas bahagian tepi badan**)[1]. Jika dia meninggalkan berdiri di dalam yang fardhu kerana keuzuran, seperti sakit, takut dan selainnya, maka dia dibenarkan untuk itu, dan dia solat mengikut keadaannya secara berdiri atau di atas bahagian tepi badan.

Manakala solat yang nafilah: Sesungguhnya berdiri di dalamnya adalah sunat dan bukanlah rukun. Tetapi solat orang yang berdiri di dalamnya adalah lebih afdhal berbanding solat orang yang duduk; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Solat orang yang duduk berada pada separuh dari solat orang yang berdiri**)[2].

2- Takbiratulihram pada permulaannya: Iaitu kata-kata (Allahu Akbar). Tidak akan menggantikannya selainnya; kerana sabda Baginda ﷺ kepada orang yang teruk solatnya: (**Apabila kamu berdiri untuk solat maka bertakbirlah**)[3], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Pengharamannya adalah mengucapkan takbir dan penghalalannya adalah mengucapkan salam**)[4]. Maka tidak akan terikat Solat dengan tanpa Takbir.

3- Membaca Al-Fatihah secara teratur pada setiap rakaat: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca dengan Fatihah Al-Kitab**)[5]. Dikecualikan dari yang demikian orang yang masbuk: Apabila dia sempat dengan imam dalam keadaan ruku', atau dia sempat pada qiyamnya dengan kadar yang tidak membolehkannya membaca Al-Fatihah. Demikian ma'mum pada solat yang bacaan nyaring, juga dikecualikan dari membacanya, namun jika dia membacanya ketika waktu-waktu diamnya imam, maka itu lebih utama; bagi mengambil dengan pendapat yang paling meliputi.

4- Ruku' pada setiap rakaat: kerana firman-Nya -تعالى-: {*Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah dan sujudlah*} [Al-Hajj : 77], juga kerana sabda Baginda ﷺ kepada orang yang teruk solatnya: (**kemudian ruku'lah sehingga engkau tenang berkenaan ruku'**)[6].

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1117).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (735).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (793) dan Muslim dengan no. (397).
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (61), Ibnu Majah dengan no. (275) dan At-Tirmidzi dengan no. (3). Berkata Al-Albaani: Hasan Sahih (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 224).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (756) dan Muslim dengan no. (394).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (6251) dan Muslim dengan no. (397).

5, 6- Bangkit dari ruku' dan lurus darinya berdiri: kerana sabda Baginda ﷺ di dalam orang yang teruk solatnya: (**dan ruku'lah sehingga engkau tenang ruku', kemudian bangkitlah sehingga engkau luruh berdiri**).

7- Sujud: kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan sujudlah kamu*} [Al-Hajj : 77], dan kerana sabda Baginda ﷺ di dalam hadith orang yang terus solatnya: (**kemudian sujudlah sehingga engkau tenang dalam keadaan sujud**). Sujud pada setiap rakaat adalah dua kali pada tujuh anggota yang disebut di dalam hadith Ibnu Abbas, dan di dalamnya: (**Aku diperintahkan untuk sujud di atas tujuh tulang: dahi -dan Baginda menunjukkan dengan tangannya kepada hidungnya-, dua tangan, dua lutut, dan hujung dua kaki**)[1].

8 , 9- Bangkit dari sujud dan duduk di antara dua sujud: kerana sabda Baginda ﷺ kepada orang yang teruk solatnya: (**kemudian bangkitlah sehingga engkau tenang dalam keadaan duduk**).

10- Tenang [*Tama'ninah*] pada semua rujun-rukun: Iaitu berhenti, dan ia terjadi dengan kadar kata-kata yang wajib pada setiap rukun; kerana arahan Baginda ﷺ kepada orang teruk solatnya untuk tenang pada semua rukun-rukun, serta kerana arahan Baginda kepadanya agar dia mengulang solat kerana dia meninggalkan tenang di dalamnya.

11- Tasyahud Akhir: kerana kata-kata Ibnu Mas'ud d : "Kami dahulu mengatakan sebelum difardukan ke atas kami tasyahud: Kesejahteraan ke atas Allah dari hamba-hambanya. Lalu Nabi ﷺ bersabda: (**Jangan kamu katakan: Kesejahteraan ke atas Allah, tetapi katakanlah: Ucapan-ucapan tahiyat milik Allah**)[2]. Menunjukkan kata-kata beliau d : "sebelum difardukan" bahawa ia adalah fardhu.

12- Duduk untuk Tasyahud Akhir: kerana Baginda ﷺ melakukannya dan berterusan di atasnya, serta Baginda bersabda: (**Solatlah kamu sepertimana kamu melihat daku bersolat**)[3].

13- Mengucapkan salam: kerana sabda Baginda ﷺ: (**penghalalannya adalah mengucapkan salam**)[4], maka dia mengatakan pada arah kanannya: Assalamualaikum Warahmatullah, dan pada arah kirinya: Assalamualaikum Warahmatullah.

14- Tertib rukun-rukun mengikut apa yang telah berlalu penjelasannya: kerana Nabi ﷺ melakukannya secara berurutan, dan Baginda bersabda: (**Solatlah kamu sepertimana kamu melihat daku bersolat**), serta Baginda mengajarkannya kepada orang yang teruk solatnya dengan sabda Baginda: (**kemudian**) yang menunjukkan kepada tertib.

Persoalan Kelima: Mengenai Perkara-perkara Wajibnya:

Perkara-perkara wajibnya ada lapan. Akan terbatal solat dengan meninggalkan secara sengaja, dan ia gugur dengan kelupaan dan kejahilan. Wajib bagi yang lupa dari melakukannya untuk sujud sahwi.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (809) dan Muslim dengan no. (490) - 230. Lafaz oleh Muslim.
[2] Dikeluarkan oleh An-Nasaa'ie (2/240). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 319).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (631).
[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (61), At-Tirmidzi dengan no. (3) dan Ibnu Majah dengan no. (275).

Perbezaan di antaranya dengan rukun-rukun: Bahawa sesiapa yang terlupa satu rukun, tidak akan sah solatnya melainkan dia melakukannya, sedangkan sesiapa yang terlupa satu yang wajib, memadai menggantikannya sujud sahwi. Kerana rukun-rukun adalah lebih ditekankan berbanding perkara-perkara wajib, dan penjelasannya adakan mengikut bentuk yang berikut:

1- Kesemua ucapan-ucapan takbir selain takbiratulihram, iaitu yang dinamakan sebagai takbir peralihan [*intiqal*]; kerana kata-kata Ibnu Mas'ud: (**Aku melihat Nabi ﷺ bertakbir pada setiap naik dan turun, berdiri dan duduk**)[1]. Sesungguhnya Nabi ﷺ telah berterusan padanya sehingga Baginda wafat, dan Baginda ﷺ telah bersabda: (**Solatlah kamu sepertimana kamu melihat daku bersolat**).

2- Kata-kata: "Allah mendengar sesiapa yang memuji-Nya [سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ]" bagi imam dan orang yang berseorangan; kerana hadith Abu Hurairah: (**Dahulunya Rasulullah ﷺ akan bertakbir ketika mula mendirikan solat, kemudian Baginda akan bertakbir ketika ingin ruku', kemudian Baginda akan berkata: "Allah mendengar sesiapa yang memuji-Nya" ketika menaikkan tulang belakang Baginda dari ruku', kemudian Baginda akan berkata dalam keadaan Baginda berdiri: "Wahai Tuhan kamu, dan milik-Mu segala pujian"**)[2].

3- Kata-kata: "Wahai Tuhan kami, dan milik-Mu segala pujian [رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ]" bagi ma'mum sahaja. Adapun imam dan orang yang berseorangan, disunatkan untuk kedua-dua mereka menghimpunkan di antara kedua-duanya; kerana hadith yang telah lalu, serta kerana hadith Abu Musa dan di dalamnya: (**apabila dia mengatakan: "Allah mendengar sesiapa yang memuji-Nya", maka kamu katakanlah: "Wahai Tuhan kami, dan milik-Mu segala pujian"**)[3].

4- Kata-kata: "Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung [سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ]" sekali di dalam ruku'.

5- Kata-kata: "Maha suci Tuhanku Yang Maha Tinggi [سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى]" sekali di dalam sujud; kerana kata-kata Hudzaifah di dalam hadith beliau: (**Dahulunya -yakni Nabi ﷺ mengatakan di dalam ruku' Baginda: "Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung", dan di dalam sujud Baginda: "Maha suci Tuhanku Yang Maha Tinggi"**)[4]. Disunatkan berlebihan pada tasbih di dalam sujud dan ruku' sehingga tiga kali.

6- Kata-kata: "Tuhanku ampunkan daku [رَبِّ اغْفِرْ لِي]" di antara dua sujud; kerana hadith Hudzaifah: Bahawa Nabi ﷺ dahulu mengatakan di antara dua sujud: (**Tuhanku ampun daku, Tuhanku ampunkan daku**)[5].

7- Tasyahud Awal ke atas selain sesiapa yang bangkit imamnya secara terlupa, kerana ia tidak wajib ke atasnya kerana wajib dia mengikuti imamnya; kerana Nabi ﷺ apabila terlupa Tasyahud Awal, Baginda tidak kembali kepadanya, dan Baginda menampungnya dengan sujud sahwi[6]. Tasyahud Awal adalah:

---

[1] Diriwayatkan oleh An-Nasaa'ie (2/205) dan At-Tirmidzi dengan no. 253), dan beliau berkata Hasan Sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 208).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim (1/293) dengan no. (28).
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (404) dan Ahmad (4/399).
[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (874), At-Tirmidzi dengan no. (262), An-Nasaa'ie (1/172) dan Ibnu Majah dengan no. (897). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih An-Nasaa'ie* dengan no. 1097).
[5] Diriwayatkan oleh An-Nasaa'ie (1/172) dan Ibnu Majah dengan no. (897). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 335).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1230) dan Muslim dengan no. (570).

[التَّحِيَّاتُ لِلهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ]

(**Ucapan-ucapan tahiyat milik Allah, juga selawat-selawat dan kebaikan-kebaikan. Kesejahteraan ke atas dikau wahai Nabi, serta rahmat Allah dan keberkatan-keberkatan-Nya. Kesejahteraan ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan utusan-Nya**).

8- Duduk untuknya -iaitu Tasyahud Awal- kerana hadith Ibnu Mas'ud secara marfu': (**Apabila kamu duduk pada setiap dua rakaat, maka katakanlah: Ucapan-ucapan tahiyat milik Allah**)[1]. Juga kerana hadith Rifaa'ah bin Raafie': (**Apabila engkau duduk di pertengahan solat, maka tenanglah dan bentangkanlah pehamu yang kiri, kemudian bertasyahudlah**)[2].

Persoalan Keenam: Mengenai Perkara-perkara Sunatnya:

Ia ada dua bentuk: Sunat-sunat Perbuatan dan Sunat-sunat Percakapan.

Adapun Sunat-sunat Perbuatan: Ia adalah seperti mengangkat dua tangan bersama takbiratulihram, ketika ruku', ketika bangkit darinya, menjatuhkan kedua-duanya sesudah itu; kerana Malik bin Al-Huwairith dahulu apabila dia solat, dia bertakbir dan mengangkat dua tangannya, apabila dia mahu ruku' dia mengangkat dua tangannya, apabila dia mengangkat kepalanya dari ruku' dia mengangkat dua tangannya, dan beliau menceritakan bahawa Rasulullah ﷺ melakukan sedemikian[3]. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dan menjadikan kedua-duanya di atas dada ketika qiyamnya. Memandang kepada tempat sujudnya. Menjarakkan di antara dua kakinya ketika berdiri. Menggenggam dua lututnya dengan dua tangannya sambil membuka jari-jarinya ketika ruku'nya, memanjangkan belakang badanya di dalam ruku', serta menjadikan kepalanya sebaris badannya.

Manakala Sunat-sunat Perkataan: Ia adalah seperti doa istiftah, membaca bismillah, membaca auzubillah, mengatakan 'Aamin', menambah di atas bacaan Al-Fatihah, menambah di atas tasbih ruku' dan sujud, berdoa sesudah tasyahud sebelum salam.

Persoalan Ketujuh: Perkara-perkara Yang Membatalkannya:

Akan membatalkan Solat beberapa perkara, kita menyimpulkannya di dalam apa yang berikut:

1- Akan membatalkan Solat apa yang membatalkan Taharah; kerana Taharah adalah syarat bagi kesahihannya. Apabila terbatal Taharah terbatallah Solat.

2- Gelak dengan suara: iaitu gelak berdekah-dekah, dan ia membatalkannya secara kesepakatan; kerana ia adalah seperti berkata-kata bahkan lebih dahsyat, kerana sifat meringan-ringankan dan

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (1/437) dan An-Nasaa'ie (1/174). Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 336).
[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (856). Dihasankan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 337).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (391).

mempermain-mainkan yang terdapat di dalamnya yang bertentangan dengan matlamat Solat. Adapun tersenyum dengan tanpa berdekah-dekah, ia tidak membatalkannya, sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibnu Al-Munzir dan lain-lain.

3- Berkata-kata dengan sengaja untuk bukan maslahat Solat: Daripada Zaid bin Arqam d, beliau berkata: Kami dahulu berkata-kata di dalam Solat. Berkata-kata seorang lelaki dari kalangan kami kepada sahabatnya, sedangkan dia berada di sebelahnya di dalam Solat, sehinggalah turun: {*dan berdirilah kamu kepada Allah dalam keadaan diam*} [Al-Baqarah : 238]. Maka kami diperintahkan untuk diam dan kami dilarang daripada berkata-kata[1]. Jika berkata-kata dalam keadaan jahil atau terlupa, tidak akan terbatal solatnya.

4- Melintasnya seorang wanita yang baligh, atau keldai, atau anjing berwarna hitam di hadapan orang yang solat kurang dari tempat sujudnya; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila bangun seseorang dari kalangan kamu bersolat, maka akan melindunginya apabila ada di hadapannya sesuatu seperti hujung rahl. Apabila tiada di hadapannya seperti hujung rahl, maka akan memutuskan solatnya keldai, wanita dan anjing hitam**)[2]. Ar-Rahl: ia adalah apa yang ditunggang di atasnya di atas unta, ia seperti pelana untuk kuda, dan bahagian hujung rahl kadarnya adalah sejengkal. Oleh itu kadar ini adalah yang memadai di dalam pelindung [sutrah].

5- Menyelak aurat dengan sengaja: kerana apa yang telah lalu di dalam Syarat-syarat.

6- Membelakangkan Kiblat: kerana menghadapnya adalah satu syarat bagi kesahihan Solat.

7- Terhubungnya najis dengan orang yang solat, berserta pengetahuan mengenainya, dan kesedaran tentangnya, apabila ia tidak dihilangkan dengan segera.

8- Meninggalkan satu rukun dari rukun-rukunnya atau satu syarat dari syarat-syaratnya dengan sengaja tanpa sebarang alasan.

9- Kerja yang banyak selain dari jenisnya tanpa sebarang desakan, seperti makan dan minum dengan sengaja.

10- Bersandar dengan tanpa sebarang alasan, kerana berdiri adalah satu syarat bagi kesahihannya.

11- Sengaja menambah rukun pergerakan, seperti menambah ruku' dan sujud; kerana ia merosakkan bentuk rupanya, maka ia terbatal secara Ijmak.

12- Sengaja mendahulukan sebahagian rukun ke atas sebahagian yang lain; kerana ketertibannya adalah satu rukun, sebagaimana yang telah lalu.

13- Sengaja mengucapkan salam sebelum penyempurnaannya.

14- Sengaja mengalihkan makna di dalam pembacaan, iaitu pembacaan Al-Fatihah; kerana ia adalah satu rukun.

15- Memfasakhkan niat dengan teragak-agak untuk fasakh, dan dengan berazam untuknya; kerana penerusan niat adalah satu syarat.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1200) dan Muslim dengan no. (539).

[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (510).

Persoalan Kelapan: Apa Yang Dimakruhkan Di Dalam Solat:

Dimakruhkan di dalam Solat perkara-perkara yang berikut:

1- Meringkaskan hanya pada pembacaan Al-Fatihah di dalam dua rakaat permulaan, kerana itu bertentangan dengan sunnah Nabi ﷺ dan petunjuk Baginda di dalam Solat.

2- Mengulang Al-Fatihah: kerana itu -juga- bercanggahan dengan sunnah Nabi ﷺ, namun jika dia mengulangnya kerana keperluan; sebagai contoh terlepas darinya khusyuk dan kehadiran hari ketika membacanya, lalu dia mahu mengulangnya untuk menghadirkan hatinya. Maka itu tidak mengapa, tetapi dengan syarat itu tidak mengheretnya kepada waswas.

3- Dimakruhkan gerakan-gerakan berpaling yang kecil di dalam Solat dengan tanpa keperluan; kerana sabda Baginda ﷺ ketika ditanya mengenai berpaling di dalam Solat: (**Ia adalah penggelapan yang digelapkan oleh syaitan dari solat seseorang hamba**)[1]. Penggelapan: pencurian dan perampasan.

Adapun apabila gerakan-gerakan berpaling kerana keperluan, maka ia tidak mengapa; seperti seorang yang perlu untuk meludah ke sebelah kirinya di dalam solat sebanyak tiga kali apabila ditimpa rasa waswas. Perbuatan berpaling ini adalah kerana keperluan, ia diperintahkan oleh Nabi ﷺ. Juga seperti orang yang bimbang anak kecilnya hilang, lalu dia menjadi berpaling-paling di dalam solat; bagi memerhatikannya.

Ini semuanya adalah pada perbuatan berpaling-paling yang kecil. Adapun apabila berpaling seseorang individu secara keseluruhan atau dia membelakangkan kiblat, maka batallah solatnya, sekiranya itu adalah bukan dengan alasan yang berupa bersangatan ketakutan dan yang seumpamanya.

4- Memejamkan dua mata di dalam Solat: kerana itu menyerupai perbuatan Majusi ketika penyembahan mereka kepada api. Dikatakan juga: ia menyerupai perbuatan Yahudi, dan kita telah pun ditegah daripada menyerupai mereka golongan Kafir.

5- Membentangkan dua lengan ketika sujud; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tegaklah kamu di dalam sujud, dan janganlah seseorang dari kalangan kamu mendepakan dua lengannya seperti mendepa seekor anjing**)[2]. Maka haruslah seseorang yang solat menjarakkan di antara dua lengannya, mengangkatnya dari tanah, dan jangan menyerupai binatang.

6- Banyak perbuatan sia-sia di dalam Solat; kerana penyibukan hati di dalamnya yang bertentangan dengan khusyuk yang dituntut di dalam Solat.

7- Takhassur: kerana hadith Abu Hurairah d : (**Dilarang untuk solat seseorang lelaki dalam keadaan takhassur**)[3]. Takhassur dan Ikhtisar di dalam Solat: Seseorang itu meletakkan tangannya pada

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (751).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (822).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1220).

pinggang. Aisyah g telah mengalasankan kemakruhan: Bahawa Yahudi melakukannya[1].

8- Berkelubung dan menutup mulut di dalam Solat: kerana hadith Abu Hurairah d, beliau berkata: (**Telah melarang Rasulullah ﷺ daripada berkelubung di dalam Solat dan dari menutup seseorang lelaki akan mulutnya**)[2]. Berkelubung: Bahawa seorang yang solat melepaskan pakai pada bahunya, dan dia tidak mengembalikan dua hujungnya kepada dua bahunya. Dikatakan juga: Melepaskan pakaian sehingga ia mengenai tanah, lalu ia menjadi dengan makna isbal.

9- Mendahului Imam: Kerana sabda Baginda ﷺ: (**Adakah tidak bimbang seseorang dari kalangan kamu, apabila di mengangkat kepalanya sebelum imam, akan dijadikan oleh Allah kepalanya menjadi kepala keldai, atau Dia menjadikan rupanya menjadi rupa keldai**)[3].

10- Menyilangkan jari-jemari: kerana larangan Baginda ﷺ terhadap sesiapa yang datang ke masjid daripada melakukannya[4], maka kemakruhannya di dalam Solat adalah lebih patut. Menyilangkan di antara jari-jemari: Memasukkan sebahagiannya pada sebahagian yang lain. Adapun penyilangan di luar Solat, tiada kemakruhan padanya, sekalipun di dalam masjid, kerana Baginda ﷺ melakukannya di dalam kisah Dzul Yadain.

11- Menggenggam rambut dan pakaian: kerana hadith Ibnu Abbas d, beliau berkata: (**Diperintahkan Nabi ﷺ agar sujud di atas tujuh tulang, dan jangan digenggam pakai Baginda dan tidak juga rambut Baginda**)[5]. Menggenggam: Boleh jadi dengan makna menghimpunkan, iaitu: Janganlah dia menghimpunkan dan merangkumkannya. Boleh jadi dengan makna menghalang, iaitu: Janganlah dia menghalang kedua-dua dari berjurai ketika sujud. Kesemuanya termasuk dari perbuatan sia-sia yang bertentangan dengan khusyuk di dalam Solat.

12- Solat ketika makanan dihidangkan, atau dalam keadaan didesak oleh dua kotoran; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada solat ketika dihidangkan makanan, dan tiada juga dalam keadaan dia didesak oleh dua kotoran**)[6]. Adapun kemakruhan Solat ketika dihidangkan makanan: Itu disyaratkan dengan dirinya mendambakan dan menginginkannya, berserta dia mampu untuk memakannya, dan ia hadir di hadapannya. Jika makanan hadir, tetapi dia berpuasa, atau kenyang tidak mengehendakinya, atau dia tidak mampu memakannya ia terlampau panas, maka di dalam semua keadaan itu tidak dimakruhkan untuk dia solat ketika ia dihidangkan. Manakala dua kotoran pula: Ia adalah kencing dan tahi. Telah dilarang daripada semua itu; kerana kesibukan hati orang yang solat dan kecelaruan fikirannya yang terdapat di dalam, yang menafikan kekhusyukan di dalam Solat, serta kadangkala akan menjadi bahaya menghalang dan menyekat kencing dan tahi.

13- Mengangkat pandangan ke langit: kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hendaklah berhenti kaum-kaum yang mengangkat penglihatan mereka ke langit di dalam Solat, atau akan dihilangkan penglihatan**

[1] Diriwayatkan yang demikian daripada beliau oleh Masruuq. Dikeluarkan oleh Al-Bukhari di dalam *Sahih* beliau dengan no. (3458).

[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (643) dan At-Tirmidzi dengan no. (379). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan At-Tirmidzi* dengan no. 312)

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (691) dan Muslim dengan no. (427).

[4] Dikeluarkan oleh Al-Hakim (1/206) dan beliau mensahihkannya, dan ia disepakati oleh Ad-Dzahabi. Telah menyepakati mereka berdua Al-Albaani (Al-Irwaa' 2/102).

[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (815) dan Muslim dengan no. (490).

[6] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (560).

mereka)[1].

Persoalan Kesembilan: Hukum Orang Yang Meninggalkan Solat:

Sesiapa yang meninggalkan Solat dalam keadaan menentang kewajibannya, maka dia adalah kafir lagi murtad, kerana dia mendustakan Allah, Utusan-Nya, dan kesepakatan Umat Islam.

Adapun sesiapa yang meninggalkannya kerana bermuda-mudah dan bermalas-malas: Yang sahihnya dia adalah seorang kafir, sekiranya dia meninggalkannya secara berterusan dengan menyeluruh; kerana firman-Nya -تعالى- mengenai orang-orang Musyrik: {*Jika mereka bertaubat dan mendirikan Solat dan menunaikan Zakat, maka mereka adalah saudara-saudara kamu di dalam Agama*} [At-Taubah : 11]. Ia menunjukkan bahawa mereka, jika mereka tidak merealisasikan syarat mendirikan Solat maka mereka bukan orang-orang Islam, dan bukan saudara-saudara kita di dalam Agama. Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Perjanjian yang di antara kita dan mereka adalah Solat, maka sesiapa yang meninggalkan maka dia telah kafir**)[2]. Serta sabda Baginda ﷺ: (**Sesungguhnya di antara seorang lelaki dengan kesyirikan dan kekufuran adalah meninggalkan Solat**)[3].

Manakala sesiapa yang bersolat sekali sekala dan meninggalkan sekali sekala, atau dia bersolat satu fardhu atau dua fardhu, yang zahirnya adalah dia tidak dikafirkan; kerana dia tidak meninggalkannya secara keseluruhan, sebagaimana yang dinaskan oleh hadith: (**meninggalkan Solat**). Orang ini meninggalkan satu solat bukan Solat. Yang asalnya adalah kekal keislaman, dan kita tidak akan mengeluarkannya melainkan dengan keyakinan. Apa yang sabit dengan keyakinan, tidak akan terangkat melainkan dengan keyakinan[4].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (429).
[2] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (2126), An-Nasaa'ie (1/231), Ahmad (5/346) dan Al-Hakim (1/6,7). Berkata At-Tirmidzi: Hasan Sahih Gharin. Disahihkan oleh Al-Hakim dan disepakati oleh Ad-Dzahabi. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan At-Tirmidzi* dengan no. 2113)
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (82).
[4] Lihat *Syarah Al-Mumtie'* (2/24-28).

Bab Kelima : Mengenai Solat Sukarela

Yang dikehendaki dengan sukarela: Setiap ketaatan yang bukan wajib.

Persoalan Pertama: Kelebihannya, dan Hikmah Daripada Pensyariatannya:

1- Kelebihannya: Bersukarela pada solat adalah di antara amal kebajikan paling afdhal sesudah berjihad di jalan Allah dan menuntut ilmu; kerana penerusan Nabi ﷺ pada mendekatkan diri kepada Tuhannya dengan solat-solat nafilah, juga kerana hadith Abi Hurairah d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Sesungguhnya Allah -تعالى- berkata: Sesiapa yang memusuhi seorang wali milik-Ku, maka Aku telah menyerunya untuk berperang. Tidaklah hambaku mendekatkan diri kepada-Ku dengan sesuatu lebih disukai di sisi-Ku berbanding apa yang Aku fardukan ke atasnya. Akan berterusan hamba-Ku mendekatkan diri kepada-Ku dengan perkara-perkara nafilah sehingga Aku akan menyayanginya ...**)[1] hadith.

2- Hikmah dari keabsahannya: Sesungguhnya Dia -سبحانه- telah mensyariatkan 'amal sukarela' sebagai rahmat terhadap hamba-hamba-Nya. Dia menjadikan untuk setiap amal fardu ada amal sukarela dari jenisnya; agar seorang Mu'min bertambah beriman dan meningkat pada darjat-darjat dengan melakukan amalan sukarela ini, juga agar menjadi sempurna amal-amal fardu dan ia ditampung pada hari Kiamat dengan amal sukarela berkenaan. Kerana amal-amal fardu akan didatangi oleh kekurangan, sebagaimana di dalam hadith Abi Hurairah d, daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda: (**Sesungguhnya perkara pertama yang akan dihisab dengannya seseorang hamba muslim pada hari Kiamat adalah Solat, jika dia menyempurnakannya, jika tidak akan dikatakan: Lihatlah adakah dia memiliki sebarang amal sukarela? Jika dia memiliki amal sukarela, akan disempurnakan yang fardu dari amal sukarelanya. Kemudian akan dilakukan terhadap semua amal-amal yang fardu seperti itu**)[2].

Persoalan Kedua: Mengenai Bahagian-bahagiannya:

Solat sukarela di atas dua bentuk:

Bentuk Pertama: Solat-solat yang berwaktu dengan waktu-waktu tertentu, dan ia dinamakan dengan nafilah-nafilah yang terikat. Ini di antaranya apa yang mengikuti solat-solat fardu, seperti sunat-sunat rawatib, ada di antaranya apa yang tidak mengikuti, seperti solat witir, dhuha, dan gerhana.

Bentuk Kedua: Solat-solat yang tidak berwaktu dengan waktu-waktu tertentu, dan ia dinamakan dengan nafilah-nafilah tidak terikat.

Bentuk pertama adalah bentuk-bentuk yang berbilang, sebahagiannya adalah lebih ditekankan berbanding sebahagian yang lain. Bentuknya yang paling ditekankan adalah gerhana, kemudian witir, kemudian solat minta hujan, kemudian solat tarawih. Manakala bentuk kedua pula, ia

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Baghowi di dalam *Syarh As-Sunnah* (5/21 dengan no. 1249). Disahihkan oleh Al-Albaani (As-*Silsilah As-Sahihah* dengan no. 1640).

[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (684), An-Nasaa'ie dengan no. (466, 467) dan Ibnu Majah dengan no. (1425). Berkata Al-Baghowi: Sebuah hadith yang hasan (*Syarh As-Sunnah* 4/159). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 451-453). Lafaz oleh Ibnu Majah.

disyariatkan pada waktu malam seluruhnya, dan pada waktu siang -selain waktu-waktu yang terlarang-, dan solat malam adalah lebih afdhal berbending solat siang.

Persoalan Ketiga: Apa Yang Disunatkan Untuk Berjemaah Dari Solat Sukarela:

Disunatkan solat berjemaah: untuk tarawih, minta hujan, dan gerhana.

Persoalan Keempat: Mengenai Bilangan Rawatib:

Rawatib: Kata ganda bagi *ratibah*, iaitu yang senantiasa lagi berterusan, dan ia adalah yang mengikuti solat-solat Fardu. Faedah Rawatib ini adalah ia menampung kepincangan dan kekurangan yang berlaku di dalam solat-solat Fardu, sebagaimana yang telah lalu penjelasannya.

Bilangan Rawatib ada sepuluh rakaat, dan ia adalah yang disebut di dalam hadith Ibnu Umar (**Aku menghafal daripada Rasulullah ﷺ dua rakaat sebelum Zohor, dua rakaat selepas Zohor, dua rakaat selepas Maghrib, dua rakaat selepas Isyak dan dua rakaat sebelum Subuh, yang ia adalah waktu yang aku tidak masuk menemui Nabi ﷺ di dalamnya. Lalu telah menceritakan kepadaku Hafsah bahawa Baginda apabila terbit fajar dan muazzin telah melaungkan azan, Baginda akan solat dua rakaat**)[1].

Ditekankan untuk seorang Muslim memelihara dua belas rakaat; kerana sabda Nabi ﷺ: (**Tiada seorang pun hamba yang muslim, yang solat kerana Allah -تعالى- pada setiap hari, dua belas rakaat, melainkan dibina oleh Allah untuknya sebuah rumah -atau: melainkan dibina untuknya sebuah rumah- di Syurga**)[2].

Ia adalah sepuluh yang disebutkan tadi, melainkan bahawa sebelum Zohor ada empat rakaat. Telah menambah At-Tirmidzi di dalam riwayat Ummu Habibah yang telah lalu: (**empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sesudahnya, dua rakaat selepas Maghrib, dua rakaat selepas Isyak, dan dua rakaat sebelum solat Fajar**)[3], juga kerana telah sabut di dalam Sahih dari hadith Aisyah g , beliau berkata: (**Dahulunya Nabi ﷺ tidak meninggalkan empat rakaat sebelum Zohor**)[4].

Rawatib ini, yang paling ditekankan: Dua rakaat fajar, -iaitu sunnah qabliah Fajar-; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Dua rakaat fajar lebih baik berbanding Dunia dan apa di dalamnya**)[5], juga kerana kata-kata Aisyah g mengenai dua rakaat berkenaan: (**dan tidak Baginda meninggalkannya sama sekali**)[6].

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1180) dan Muslim dengan no. (729).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (728) dari hadith Ummu Habibah g .
[3] *Jaamie' At-Tirmidzi* dengan no. (415) dan beliau berkata: Hasan Sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan At-Tirmidzi* dengan no. 833, 839)
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1182).
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (725).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1159).

Persoalan Kelima: Hukum Witir, Kelebihannya dan Waktunya:

Hukumnya: Sunat yang ditekankan. Telah menggesa terhadapnya dan menggalakkan kepadanya Rasulullah ﷺ, lalu Baginda ﷺ bersabda: (**Sesungguhnya Allah adalah witir dan Dia sukakan Witir**)[1]. Serta Baginda ﷺ telah bersabda: (**Wahai Ahli Quran, berwitirlah! Sesungguhnya Allah itu witir, sukakan Witir**)[2].

Waktunya: Apa yang di antara solat Isyak dan solat Fajar, dengan kesepakatan para Ulama; kerana perbuatan Baginda ﷺ dan sabda Baginda: (**Sesungguhnya Allah telah memanjangkan kamu dengan satu solat yang ia lebih baik untuk kamu berbanding unta-unta yang merah: Solat Witir, apa yang di antara solat Isyak hingga terbitnya fajar**)[3].

Apabila terbit fajar, maka tiada lagi witir, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Solat malam adalah dua dua, apabila seseorang dari kalangan kamu bimbangkan Subuh, solatlah satu rakaat, ia mewitirkan apa yang dia telah solat**)[4]. Ini adalah dalil terhadap keluarnya waktu witir dengan terbitnya fajar.

Berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar: (Lebih terang berbandingnya -yakni di dalam pendalilan- apa yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan An-Nasaa'ie, serta disahihkan oleh Abu Uwaanah dan lain-lain ... bahawa Ibnu Umar dahulu berkata: Sesiapa yang solat pada waktu malam, jadikanlah akhir solatnya witir; kerana sesungguhnya Rasulullah ﷺ dahulu memerintahkan sedemikian. Apabila telah terjadi Fajar, maka telah pergi semua solat malam dan witir)[5].

Solat witir di akhir malam adalah lebih afdhal berbanding di awalnya. Tetapi digalakkan menyegerakannya pada awal waktu bagi sesiapa yang merasakan dia tidak akan bangun pada akhir malam, dan melewatkannya bagi sesiapa yang merasakan bahawa dia akan bangun pada akhir malam; kerana apa yang diriwayatkan oleh Jabir d, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Sesiapa yang bimbang bahawa dia tidak akan bangun pada akhir malam maka hendaklah dia berwitir pada awalnya, dan sesiapa yang bersungguh ingin bangun akhir malam maka hendaklah dia berwitir pada akhir malam; kerana solat akhir malam adalah disaksikan, dan itu lebih afdhal**)[6].

Persoalan Keenam: Sifat Witir dan Bilangan Rakaatnya:

Witir yang paling sikit bilangannya adalah satu rakaat, kerana hadith Ibnu Umar dan Ibnu Abbas, secara marfu': (**Witir adalah satu rakaat pada akhir malam**)[7]. Juga kerana hadith Ibnu Umar yang telah lalu sebentar tadi: (**solatlah satu rakaat, ia mewitirkan apa yang dia telah solat**).

Dibolehkan berwitir dengan tiga rakaat; kerana hadith Aisyah g : Bahawa Nabi ﷺ dahulu (**bersolat**

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (6310) dan Muslim dengan no. (2677).
[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (1418). Disahihkan oleh Al-Albaani (ulasan pada Ibnu Khuzaimah dengan no. 1067).
[3] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1418), At-Tirmidzi dengan no. (452), Al-Hakim (1/306) dan dia mensahihkannya dan disepakati oleh Ad-Dzahabi. Berkata Al-Albaani: Sahih tanpa kata-katanya: (lebih baik untuk kamu berbanding unta-unta merah) (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 373).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (990).
[5] *Fath Al-Baari* (2/557).
[6] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (755).
[7] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (752, 753).

empat rakaat, maka janganlah engkau tanyakan mengenai keelokannya dan kepanjangannya. Kemudian Baginda bersolat lagi empat rakaat, maka janganlah engkau tanyakan mengenai keelokannya dan kepanjangannya. Kemudian Baginda akan bersolat tiga rakaat)[1].

Dibolehkan tiga rakaat ini dengan dua kali salam; kerana Abdullah bin Umar d : (**Dahulunya memberi salam pada satu rakaat dan dua rakaat, supaya dia dapat menyuruh sebahagian keperluannya**)[2]. Dan dibolehkan secara terus dengan satu tasyahud dan satu salam; kerana hadith Aisyah g : (**Dahulunya Nabi ﷺ berwitir dengan tiga rakaat dan Baginda tidak duduk melainkan pada akhirnya**)[3].

Ia tidak disolatkan dengan dua tasyahud dan satu salam; supaya tidak menyerupai solat Maghrib, dan Baginda ﷺ telah melarang dari yang demikian[4].

Bolehkan berwitir dengan tujuh rakaat dan lima, yang dia tidak duduk melainkan pada akhirnya; kerana hadith Aisyah g : (**Dahulunya Rasulullah ﷺ bersolat pada waktu malam tiga belas rakaat, Baginda berwitir dengan lima daripada itu, Baginda tidak duduk pada sesuatu melainkan pada akhirnya**)[5], dan kerana hadith Ummu Salamah g : (**Dahulunya Rasulullah ﷺ berwitir dengan tujuh atau lima. Baginda tidak memisahkan di antaranya dengan salam atau kalam**)[6].

Persoalan Ketujuh: Waktu-waktu Yang Dilarang Nafilah Di Dalamnya:

Di sana terdapat waktu-waktu yang dilarang daripada solat sukarela di dalamnya melainkan apa yang dikecualikan, dan ia ada lima waktu:

Pertama: Dari solat Subuh sehingga terbit Matahari; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada sebarang solat sesudah solat Fajar sehinggalah terbitnya Matahari**)[7].

Kedua: Dari terbit Matahari sehingga ia naik setinggi anak panah, pada pandangan mata, dan ia adalah setinggi satu meter lebih kurang, serta ia anggarkan dengan waktu lebih kurang suku jam atau sepertiga jam. Apabila naik Matahari selepas terbitnya setinggi anak panah, maka berakhirlah waktu larangan; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Amru bin A'basah: (**Solatlah solat Subuh, kemudian tinggalkanlah solat sehingga terbit Matahari sehingga ia naik ...**)[8], juga kerana hadith Uqbah bin Aa'mir yang akan datang.

Ketiga: Ketika tegaknya Matahari sehingga ia tergelincir ke arah barat dan masuk waktu Zohor,

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (738).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (991).
[3] Dikeluarkan oleh An-Nasaa'ie dengan no. (1698) (3/234), Al-Hakim (1/304), Al-Baihaqi (3/28) -lafaz oleh beliau-. Disahihkan oleh Al-Hakim mengikut syarat Syaikhain dan disepakati oleh Ad-Dzahabi. Berkata An-Nawawi: Dirwayatkan oleh An-Nasaa'ie dengan sanad yang hasan, dan Al-Baihaqi dengan sanad yang sahih. (*Al-Majmu'* 4/17-18)
[4] Dikeluarkan oleh Ad-Daarqutni (2/24-25), Al-Hakim (1/304) dan Al-Baihaqi (3/31). Berkata Ad-Daarqutni mengenai perawi-perawinya: Semua mereka dipercayai. Disahihkan oleh Al-Hakim mengikut syarat Syaikhain, dan beliau disepakati oleh Ad-Dzahabi. Berkata Ibnu Hajar di dalam *Al-Fath* (2/558): Isnadnya adalah mengikut syarat Syaikhain.
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (737).
[6] Dikeluarkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1192). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan Ibnu Majah* dengan no. 980).
[7] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (586) dan Muslim dengan no. (827). Lafaz ini oleh Muslim.
[8] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (832).

kerana hadith Uqbah bin Aa'mir: (**Tiga waktu yang dahulu Nabi ﷺ melarang kami untuk solat di dalamnya dan untuk kami kuburkan di dalamnya mayat-mayat kami: Ketika terbitnya Matahari menyinar sehingga ia naik, ketika lurusnya seorang yang berdiri pada waktu tengah hari sehingga ia tergelincir, dan ketika ia menjengah untuk terbenam sehingga ia terbenam**)[1]. Makna menjengah untuk terbenam: Ia condong untuk terbenam.

Keempat: Dari solat Asar sehingga terbenam Matahari, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada sebarang solat sesudah Fajar sehingga terbitnya Matahari, dan tiada sebarang solat sesudah solat Asar sehingga terbenamnya Matahari**)[2].

Kelima: Apabila ia mula untuk terbenam sehingga ia menghilang, sebagaimana yang telah lalu di dalam hadith tadi;.

Maka inilah lima waktu-waktu yang terangkum pada tiga waktu, iaitu: Dari sesudah solat Fajar sehingga naik Matahari setinggi anak panah, ketika tegaknya orang yang berdiri di tengah hari sehingga tergelincir Matahari, dan dari sesudah solat Asar sehingga sempurna terbenamnya Matahari.

Adapun hikmah larangan daripada solat pada waktu-waktu berkenaan: Sesungguhnya Nabi ﷺ telah menjelaskan bahawa orang-orang Kafir menyembah Matahari ketika terbitnya dan ketika terbenamnya. Maka solat seorang Muslim pada waktu berkenaan jadi menyerupai mereka. Di dalam hadith Amru bin A'basah: (**Sesungguhnya ia -iaitu Matahari- terbit ketika ia terbit di antara dua tanduk syaitan, dan ketika itu akan sujud kepadanya orang-orang Kafir ... Sesungguhnya ia terbenam ketika ia terbenam di antara dua tanduk syaitan, dan ketika itu akan sujud kepadanya orang-orang Kafir**)[3].

Ini berkenaan waktu terbitnya Matahari dan waktu terbenamnya ia, manakala mengenai waktu ia meninggi dan tegaknya seorang yang berdiri tengah hari, sesungguhnya telah menjelaskan Baginda ﷺ punca larangan di dalam hadith sama yang telah lalu, lalu Baginda bersabda: (**maka sesungguhnya ketika itu dinyalakan Jahannam**)[4].

Maka tidak harus solat sukarela pada waktu-waktu ini melainkan apa yang datang dalil dengan pengecualiannya; seperti dua rakaat tawaf, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Wahai Bani Abd Manaf! Janganlah kamu menghalang sesiapa bertawaf di Bait ini dan solat padanya, mana-mana waktu dia inginkan, pada waktu malam atau siang**)[5]. Begitu juga mengqada sunat fajar selepas solat Fajar, dan mengqada sunat Zohor selepas Asar, lebih-lebih lagi apabila digabungkan di antara Zohor dan Asar. Demikian juga melakukan solat-solat yang mempunyai sebab; seperti solat jenazah, tahiyat masjid, solat gerhana. Begitu juga mengqada solat-solat fardu yang terlepas di dalam waktu ini; kerana umum sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang tertidur dari mendirikan solat atau dia terlupa**

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (831).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (586) dan Muslim dengan no. (827).

[3] *Sahih Muslim* dengan no. (832) dan ia telah berlalu.

[4] Ibid.

[5] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1894), At-Tirmidzi dengan no. (868) dan beliau berkata: Hasan Sahih, Ibnu Majah dengan no. (1254), Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak* (1/448) dan beliau telah mensahihkannya, dan ia disepakati oleh Ad-Dzahabi. Disahihkan oleh Al-Albaan (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 1036).

akannya, maka solatkanlah ia apabila dia mengingatnya)[1]. Kerana solat-solat fardu adalah hutang yang wajib ditunaikan, maka ia ditunaikan bila ia diingati oleh insan berkenaan.

[1] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (684).

Bab Keenam : Mengenai Sujud Sahwi, Tilawah dan Syukur

Persoalan Pertama: Mengenai Keabsahan Sujud Sahwi dan Sebab-sebabnya:

Yang dikehendaki dengannya: Sujud yang dituntut pada akhir Solat bagi menampung kekurangan di dalamnya atau penambahan atau keraguan.

Sujud sahwi disyariatkan; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila terlupa seseorang kamu, maka hendaklah dia sujud dua sujud**)[1], dan kerana perbuatan Baginda ﷺ, sebagaimana yang akan datang penjelasannya.

Telah bersepakat Ahli Ilmu di atas keabsahan sujud sahwi.

Punca-puncanya ada tiga: Penambahan, kekurangan dan keraguan.

Persoalan Kedua: Bilakah Ia Wajib?

Wajib sujud sahwi kerana apa-apa yang berikut:

1- Apabila dia tertambah satu perbuatan dari jenis solat, sebagai contoh dia tertambah satu ruku', atau satu sujud, atau satu qiyam, atau satu duduk sekalipun sekadar duduk istirahah; kerana hadith Ibnu Mas'ud: (Telah solat bersama kami Rasul ﷺ lima rakaat. Maka apabila Baginda telah beralih dari solat, bercakap-cakap orang ramai di antara mereka. Lalu Baginda bersabda: **Apa hal kamu semua?** Mereka pun berkata: Wahai Utusan Allah! Adakah telah ditambah sesuatu pada solat? Baginda bersabda: **Tidak.** Mereka pun berkata: Sesungguhnya dikau telah solat lima rakaat. Lantas Baginda beralih, lalu Baginda sujud dua kali, kemudian Baginda memberi salam. Kemudian Baginda bersabda: **Aku hanyalah manusia seperti kamu, aku terlupa sepertimana kamu terlupa. Apabila terlupa seseorang dari kalangan, maka hendaklah dia sujud dua sujud**)[2]. Apabila dia tahu penambahan ketika dia di dalam Solat, wajib ke atasnya duduk ketika dia mengetahui, sekalipun jika dia di tengah-tengah ruku'; kerana jika dia meneruskan dalam penambahan sedangkan dia tahu, nescaya dia telah menambah sesuatu di dalam solat dengan sengaja, dan ini tidak dibolehkan.

2- atau dia memberi salam sebelum sempurna solatnya; kerana hadith Imran bin Husoin, beliau berkata: (**Telah memberi salam Rasulullah ﷺ pada rakaat ketiga dari solat Asar. Kemudian Baginda bangun lalu masuk ke dalam bilik. Lalu telah bangun seorang lelaki yang terdepang dua tangan, lalu dia berkata: Adakah solat telah dipendekkan? Maka Baginda telah keluar, lalu Baginda solat rakaat yang telah tertinggal, kemudian Baginda memberi salam, kemudian Baginda sujud dua sujud sahwi, dan kemudian Baginda memberi salam**)[3].

3- atau dia tersalah bacaan dengan kesalahan yang mengubah makna secara teralpa; kerana menyengajakannya akan membatalkan Solat, maka wajib sujud sahwi.

4- atau dia meninggalkan sesuatu yang wajib; kerana hadith Ibnu Buhainah, beliau berkata: (**Telah**

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (572) - 92.
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (572) - 92.
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (575) (102).

solat untuk kami Rasulullah ﷺ dua rakaat dari sebahagian solat, kemudian Baginda bangun dan tidak duduk. Lalu telah bangun orang ramai bersama Baginda. Lalu apabila Baginda hampir selesai solat Baginda, kami menunggu ucapan salam Baginda, Baginda telah takbir sebelum salam, lalu Baginda sujud dua sujud ketika Baginda duduk, dan kemudian Baginda memberi salam)[1]. Ini sabit dengan perkhabaran dari Rasul berkenaan sesiapa yang tertinggal tasyahud pertengahan, maka dikiaskan kepadanya seluruh perkara-perkara wajib yang lain, seperti meninggalkan tasbih dalam ruku' dan sujud, juga mengatakan di antara dua sujud: 'Tuhanku, ampunkanlah daku [رَبِّي اغْفِرْ لِي]', serta takbir-takbir peralihan.

5- Dan wajib sujud sahwi apabila dia ragu-ragu mengenai bilangan rakaat, lalu dia tidak tahu berapa dia telah solat? dan itu ketika di tengah-tengah solat; kerana dia telah menunaikan satu bahagian dari solatnya dalam keadaan teragak-agak ia adalah darinya atau terlebih padanya, lalu menjadi lemah niat, maka dia perlu untuk menampung dengan sujud; kerana umum hadith Abu Hurairah d, bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Sesungguhnya seseorang dari kalangan kamu, apabila berdiri bersolat, akan mendatanginya syaitan, lalu ia akan mengucar-ngacirkan terhadapnya, sehingga dia tidak tahu berapa dia telah solat. Apabila seseorang dari kalangan kamu dapati yang demikian, maka hendaklah dia sujud dua sujud ketika dia duduk**)[2]. Dia di dalam keadaan ini di antara dua perkara:

Sama ada dia ragu-ragu dengan tanpa penguatan bagi salah satu kebarangkalian. Maka di dalam keadaan ini dia perlu mengambil dengan yang sedikit dan membina di atasnya, dan sujud kerana terlupa; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila ragu-ragu seseorang dari kalangan kamu di dalam solatnya, lalu dia tidak tahu berapa dia telah solat, tiga atau empat. Maka buanglah keraguan dan binalah di atas yang diyakini. Kemudian dia perlu sujud dua kali sebelum dia memberi salam**)[3].

Adapun apabila kuat pada sangkaannya dan kuat salah satu dua kebarangkalian berkenaan, maka dia beramal dengannya, dan membina di atasnya, dan dia perlu sujud dua sujud kerana terlupa; kerana sabda Baginda ﷺ berkenaan sesiapa yang ragu-ragu dan teragak-agak: (**Maka hendaklah dia memilih yang betul, kemudian dia sempurnakan di atasnya -**iaitu di atas yang terpilih**- kemudian hendaklah dia memberi salam, dan seterusnya hendaklah dia sujud dua sujud setelah memberi salam**)[4].

Persoalan Ketiga: Bila Ia Disunatkan?

Disunatkan sujud sahwi apabila dia mendatangkan kata-kata yang disyariatkan pada bukan tempanya kerana terlupa; seperti pembacaan ketika ruku' dan sujud, tasyahud ketika qiyam, berserta mendatangkan kata-kata yang disyariatkan pada kedudukan berkenaan, sebagai contoh dia membaca ketika ruku' berserta mengatakan: Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung [سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ]; kerana hadith Nabi ﷺ: (Apabila terlupa seseorang di kalangan kamu, maka hendaklah dia sujud dua

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1230) dan Muslim dengan no. (570).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1231) dan Muslim dengan no. (389).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (571).
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (572).

sujud)[1].

Persoalan Keempat: Kedudukannya dan Sifatnya:

1- Kedudukannya: Tiada keraguan bahawa hadith-hadith yang datang mengenai kedudukan sujud sahwi di atas dua bahagian:

Satu bahagian menunjukkan ia disyariatkan sebelum salam, dan satu bahagian lagi menunjukkan ia disyariatkan selepas salam; kerana ini berkata sebahagian Ahli Tahkik: Sesungguhnya orang yang solat diberi pilihan , jika dia mahu dia boleh sujud sebelum salam atau sesudahnya; kerana hadith-hadith yang datang dengan kedua-dua perintah. Maka jika dia sujud untuk kesemuanya sebelum atau selepasnya maka ia memadai. Berkata Az-Zuhri: Akhir dua perintah adalah sujud sebelum salam.

2- Sifat Sujud Sahwi: Dua sujud seperti sujud solat. Dia mengucapkan takbir pada setiap sujud untuk sujud dan untuk bangun darinya, kemudian dia memberi salam. Telah berpendapat sebahagian mereka, bahawa dia bertasyahud apabila dia sujud untuk sahwi selepas salam; kerana itu telah datang daripada Nabi ﷺ di dalam tiga hadith yang hasan dengan penggabungannya, seperti yang dikatakan oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar[2].

Persoalan Kelima: Sujud Tilawah:

1- Keabsahannya dan Hukumnya: Ia adalah disyariatkan ketika membaca ayat-ayat yang datang di dalamnya sujud-sujud, serta ketika mendengarnya.

Berkata Ibnu Umar d : (**Dahulunya Nabi ﷺ membacakan kepada kami surah yang di dalamnya sajadah, lalu Baginda sujud dan kami sujud bersama Baginda, sehinggakan seseorang di kalangan kami tidak dapati tempat untuk dahinya**)[3]. Ia adalah sunnah mengikut yang sahih, dan bukannya wajib. Sesungguhnya telah membacakan Zaid bin Tsabit kepada Nabi ﷺ ((*wa An-Najm*')), lalu Baginda tidak sujud padanya[4]. Maka ia menunjukkan kepada tidak wajib.

Disyariatkan sujud tilawah pada hak pembaca dan pendengar, apabila dia membaca ayat sajadah di dalam solat atau di luarnya; kerana Baginda ﷺ melakukan demikian ketika Baginda membaca sajadah, dan kerana sujudnya para sahabat bersama Baginda seperti yang telah lalu di dalam hadith Ibnu Umar: (**lalu Baginda sujud dan kami sujud bersama Baginda**). Manakala dalil terdapat keabsahannya di dalam Solat: Apa yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Abi Raafie', beliau berkata: Aku telah solat bersama Abu Hurairah Al-A'tamah [yakni Isyak], maka beliau telah membaca (إِذَا السَّمَاءُ انْشَقَّتْ), lalu beliau telah sujud. Maka aku pun berkata: Apa ini? Beliau berkata: Aku telah sujud dengannya di belakang Abu Al-Qasim ﷺ, maka aku akan berterusan sujud

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (572) - 92.
[2] Lihat *Fath Al-Baari* (3/119).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1076) dan Muslim dengan no. (575).
[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1073).

padanya sehingga aku bertemunya[1].

Apabila tidak sujud orang yang membaca, tidak sujud orang yang mendengar; kerana orang yang mendengar adalah mengikut di dalamnya kepada orang yang membaca, juga kerana hadith Zaid bin Tsabit yang telah lalu, kerana sesungguhnya Zaid tidak sujud, maka Nabi ﷺ tidak sujud.

2- Kelebihannya: Daripada Abu Hurairah d , daripada Nabi ﷺ, bahawa Baginda bersabda: (Apabila membaca anak Adam sajadah, lalu dia sujud, menjauhkan diri Syaitan dalam keadaan menangis. Dia berkata: Alangkah malangnya! Diperintahkan anak Adam untuk sujud, lalu dia sujud, maka untuknya Syurga. Diperintahkan aku untuk sujud, lalu aku enggan, maka untukku Neraka)[2].

3- Sifatnya dan Caranya: Dia perlu sujud satu sujud, dia mengucapkan takbir apabila dia sujud, dan dia mengatakan di dalam sujudnya: (**Maha suci Tuhanku Yang Maha Tinggi**) sebagaimana yang dikatakan di dalam sujud Solat. Da boleh juga dia mengatakan: (**Maha suci Dikau, wahai Tuhan kami, dan dengan puji-pujian kepada-Mu. Ya Allah ampunkanlah daku**), dan jika dia mengatakan: (**Sujud wajahku kepada Yang menciptakannya, dan membelah pendengarannya dan penglihatannya dengan keupayaan-Nya dan kekuatan-Nya**)[3] maka tidak mengapa.

4- Tempat-tempat Sujud Tilawah di dalam Al-Quran

Tempat-tempat sujud Al-Quran Al-Karim ada lima belas tempat, dan ia mengikut aturan:

1- Akhir surah Al-Aa'raaf (ayat no. 206).

2- Surah Ar-Raa'd (ayat no. 15).

3- Surah An-Nahl (ayat no. 49-50).

4- Surah Al-Israa' (ayat no. 107-109).

5- Surah Maryam (ayat no. 58).

6- Awal surah Al-Hajj (ayat 18).

7- Akhir surah Al-Hajj (ayat 77).

8- Surah Al-Furqan (ayat 73).

9- Surah An-Naml (ayat 25-26).

10- Surah As-Sajadah (ayat 15).

11- Surah Fussilat (ayat 37-38).

12- Akhir surah An-Najm (ayat 62).

13- Surah Al-Insyiqaaq (ayat 20-21).

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1078) dan Muslim dengan no. (578). Dan lafaz ini oleh Al-Bukhari.

[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (81).

[3] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (585), dan beliau berkata: Hasan sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 474).

14- Akhir surah Al-A'laq (ayat 19).

Yang kelima belas: Ia adalah sajadah surah Saad (ص), dan ia adalah sujud syukur. Daripada Ibnu Abbas d, beliau berkata: (Bukanlah (ص) dari yang dimestikan sujud, namun aku melihat Nabi ﷺ sujud di dalamnya)[1].

Persoalan Keenam: Sujud Syukur:

Digalakkan bagi sesiapa yang datang kepadanya nikmat, atau disekat daripadanya bencana, atau dia diberitakan dengan perkara yang menggembirakannya, untuk dia jatuh sujud kepada Allah; kerana mencontohi Nabi ﷺ. Tidak disyaratkan di dalamnya menghadap Kiblat, tetapi jika dia menghadapnya ia adalah lebih afdhal.

Dahulunya Rasulullah ﷺ melakukannya. Daripada Abi Bakrah: (**Bahawa Nabi ﷺ, apabila datang kepada Baginda satu perkara yang menggembirakan Baginda** -atau digembirakan Baginda dengannya- **Baginda akan jatuh sujud kepada Allah Tabaraka wa -تعالى-**)[2], dan demikian dilakukan oleh para Sahabat f.

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1069).

[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (2774), At-Tirmidzi dengan no. (1578) dan Ibnu Majah dengan no. (1394). Berkata At-Tirmidzi: Ini adalah sebuah hadith yang hassan gharib, kami tidak mengetahuinya melainkan melalui wajah ini. Dihasankan oleh Al-Albani di dalam Al-Irwaa' (2/226).

Bab Ketujuh : Mengenai Solat Jemaah

Persoalan Pertama: Kelebihan Solat Jemaah dan Hukumnya:

1- Kelebihannya: Solat Jemaah di dalam masjid-masjid adalah satu syiar yang agung dari Syiar-syiar Islam. Telah bersepakat orang-orang Islam bahawa menunaikan solat-solat yang lima di dalam masjid adalah antara ketaatan-ketaatan terbesar. Allah telah mensyariatkan untuk umat ini perhimpunan pada waktu-waktu tertentu, di antaranya solat-solat yang lima, solat Jumaat, solat dua hari raya dan solat gerhana. Perhimpunan terbesar dan terpenting adalah perhimpunan di Arafah, yang menunjukkan kepada kesatuan Umat Islam dalam aqidahnya, ibadahnya dan syiar agamanya. Disyariatkan perhimpunan-perhimpunan yang besar di dalam Islam ini adalah demi kerana beberapa maslahat orang-orang Islam; di dalamnya ada perhubungan di antara mereka, pemeriksaan sebahagian mereka keadaan sebahagian yang lain, dan perkara-perkara selain itu yang menjadi kepentingan Umat Islam walau dengan perbezaan bangsa-bangsa dan puak-puaknya, sebagaimana difirmankan oleh -تعالى-: {*Wahai manusia! Sesungguhnya kami telah ciptakan kamu dari lelaki dan wanita, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak agar kamu semua berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa di antara kamu.*} [Al-Hujraat : 13].

Nabi ﷺ telah menggalakkan kepadanya, menjelaskan kelebihannya dan kebesaran ganjarannya. Telah bersabda Baginda ﷺ: (**Solat berjemaah adalah lebih utama berbanding solat berseorangan - yakni bersendirian- dengan dua puluh tujuh darjat**)[1]. Juga telah bersabda Baginda ﷺ: (**Solat seorang lelaki di dalam jemaah berganda mengatasi solatnya di rumahnya dan di pasarnya dua puluh lima gandaan; dan itu adalah apabila dia berwuduk lalu memperelok wuduk berkenaan, kemudian dia keluar ke masjid. Tidak menyebabkan dia keluar melainkan solat. Tidak dia melangkah satu langkah melainkan dinaikkan untuknya dengannya satu darjat, digugurkan daripadanya dengannya satu kesalahan. Apabila dia solat, berterusan para Malaikat berselawat ke atasnya, selama dia di musallanya ...**) hadith[2].

2- Hukumnya: Solat berjemaah wajib di dalam Solat-solat yang lima. Telah menunjukkan kepada kewajibannya Kitab dan Sunnah; daripada Kitab: firman-Nya -تعالى-: {*Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu,*} [An-Nisaa' : 102]. Perintah adalah untuk mewajibkan, dan apabila itu terjadi bersama dengan ketakutan, maka bersama dengan keamanan adalah lebih patut.

Daripada Sunnah: Hadith Abi Hurairah d : Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Solat paling berat ke atas orang-orang Munafik adalah solat Isyak dan solat Fajar. Kalau mereka mengetahui apa yang ada di dalam kedua-duanya pasti mereka akan mendatangi kedua-duanya, sekalipun dalam keadaan merangkak. Demi sesungguhnya aku telah hampir-hampir ingin agar aku menyuruh untuk solat, lalu ia dirikan, kemudian aku akan suruh seseorang untuk solat bersama orang ramai, kemudian aku akan bergerak bersamaku lelaki-lelaki yang bersama mereka satu ikatan dari kayu api kepada satu puak yang tidak hadir solat, lalu aku bakar pada mereka rumah-rumah mereka dengan api**)[3].

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (645, 646) dan Muslim dengan no. (650).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (647).
[3] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (644) dan Muslim dengan no. (651).

Hadith ini menunjukkan kepada kewajiban solat berjemaah; dan itu kerana Baginda ﷺ, **pertama**: Menyifatkan orang-orang yang tidak hadir darinya dengan kemunafikan. Orang yang tidak hadir dari sesuatu Sunnah tidak dikira munafik. Maka ia menunjukkan bahawa mereka tidak hadir dari sesuatu yang wajib. **Kedua**: Bahawa Baginda telah hampir-hampir ingin menghukum mereka di atas ketidakhadiran daripadanya, dan hukuman hanyalah terjadi pada meninggalkan sesuatu yang wajib, dan hanyalah yang menyekat Baginda dari melaksanakan hukuman, bahawa tidak akan menghukum dengan api melainkan Allah Azza wa Jalla. Dikatakan juga: Telah menyekat Baginda dari itu, sesiapa yang berada di dalam rumah-rumah berkenaan dari kalangan wanita dan anak-anak, yang tidak wajib ke atas mereka solat berjemaah.

Darinya juga: Bahawa seorang lelaki cacat penglihatan yang tidak memiliki pemandu, telah meminta izin Nabi ﷺ untuk solat di rumahnya, lalu Baginda bersabda: (**Adakah kamu mendengar seruan?**). Dia berkata: Ya. Baginda pun bersabda: (**Sahutlah! Tidak aku dapati untukmu sebarang kelonggaran**)[1].

Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang mendengar seruan, lalu dia tidak menyahut, maka tiada solat baginya kecuali dari kerana keuzuran**)[2].

Serta kerana kata-kata Ibnu Mas'ud d : (Demi sesungguhnya aku telah melihat diri kami, dan tidaklah tidak hadir daripadanya melainkan seorang munafik yang sedia diketahui munafik)[3].

Ia adalah wajib ke atas golongan lelaki dan tidak golongan wanita dan kanak-kanak yang tidak baligh, kerana sabda Baginda ﷺ mengenai hak golongan wanita: (**dan rumah-rumah mereka adalah lebih baik untuk mereka**)[4]. Namun tiada halangan dari golongan wanita menghadiri jemaah di masjid, berserta berselindung, terpelihara, aman fitnah, dan dengan izin suami.

Wajib jemaah itu di masjid mengikut sesiapa yang memestikannya, mengikut pendapat yang sahih.

Sesiapa yang meninggalkan jemaah dan solat secara bersendirian dengan tanpa keuzuran, sah solatnya, tetapi dia adalah berdosa kerana meninggalkan yang wajib.

Persoalan Kedua: Apabila Seorang Lelaki Memasuki Masjid Sedangkan Dia Telah Solat: Adakah Wajib Ke Atasnya Untuk Solat Bersama Jemaah Solat Yang Dia Telah Solatkan Sebelumnya?

Tidak wajib ke atasnya mengulangnya bersama jemaah, itu hanyalah disunatkan kepadanya, yang pertama adalah fardu dan yang kedua adalah nafilah; kerana hadith Abu Dzarr: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Bagaimanakah kamu apabila berada di atas kamu pemimpin-pemimpin yang melewatkan solat dari waktunya** atau **mematikan solat dari waktunya**). Aku berkata: Apakah yang engkau mahu perintahkan daku? Baginda bersabda: (**Solatlah solat pada waktunya. Jika kamu**

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (653).
[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (551), Ibnu Majah dengan no. (793), dan Al-Hakim (1/245). Disahihkan oleh Al-Hakim mengikut syarat Syaikhain, dan disahihkan oleh Al-Albaani (Sahih Ibnu Majah no. 645).
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (654).
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (567), Ahmad (2/76), dan Al-Hakim (1/209). Disahihkan oleh Al-Hakim dan telah menyepakati beliau Ad-Dzahabi. Disahihkan oleh Al-Albaani (Al-Irwaa' dengan no. 515).

sempat ia bersama mereka, maka solatlah; sesungguhnya ia untuk kamu adalah nafilah)[1]. Juga kerana sabda Baginda ﷺ kepada dua orang lelaki yang mengasingkan diri dari solat jemaah di dalam masjid: (**Apabila kamu berdua telah solat di rumah kamu berdua, kemudian kamu berdua datangi masjid yang sedang berjemaah, maka solatlah kamu berdua bersama mereka, kerana ia untuk kamu berdua adalah nafilah**)[2].

Persoalan Ketiga: Sekurang-kurang Bilangan Yang Terjadi Dengannya Jemaah:

Sekurang-kurang jemaah adalah dua dengan tanpa sebarang percanggahan; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Malik bin Al-Huwairith: (**Apabila hadir solat maka hendaklah kamu berdua laungkan azan, kemudian hendaklah kamu berdua dirikan, dan hendaklah mengimami kamu berdua yang orang paling tua di antara kamu berdua**)[3].

Persoalan Keempat: Dengan Apakah Dicapai Jemaah?

Dicapai jemaah dengan dicapai satu rakaat daripada solat. Sesiapa yang sempat ruku' tanpa ragu-ragu, dia telah sempat rakaat berkenaan, dan dia bertenang, kemudian dia meneruskan; kerana hadith Abu Hurairah: (**Apabila kamu datang kepada solat dalam keadaan kami sedang sujud maka sujudlah, dan jangan kamu mengiranya sesuatu. Sesiapa yang sempat satu ruku' maka dia sempat solat berkenaan**)[4].

Persoalan Kelima: Orang Yang Diberi Keuzuran Untuk Meninggalkan Jemaah:

Diuzurkan seorang Muslim untuk meninggalkan jemaah di dalam keadaan-keadaan yang berikut:

1- Orang yang sakit dengan penyakit yang akan mendatangkannya kepayahan jika dia pergi kepada jemaah, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Tiada ke atas yang buta sebarang kesalahan, tidak juga ke atas yang tempang sebarang kesalahan, tidak pula ke atas yang sakit sebarang kesalahan*} [Al-Fath : 17]. Juga kerana Baginda ﷺ apabila Baginda sakit, Baginda telah tidak hadir dari masjid, dan Baginda bersabda: (**Suruhlah Abu Bakr, hendaklah dia solat bersama orang ramai**)[5]. Serta kerana kata-kata Abdullah bin Mas'ud d : (Demi sesungguhnya aku telah melihat diri kami, dan tidaklah tidak hadir daripadanya melainkan seorang munafik yang telah diketahui kemunafikannya atau seorang yang sakit)[6]. Demikian juga seorang yang bimbang berlakunya penyakit; kerana ia adalah pada maknanya.

2- Orang yang didesak oleh salah satu dua kotoran atau sesiapa yang pada hidangan makanan yang dia perlukan kepadanya; kerana hadith Aisyah secara marfu': (**Tiada solat pada hidangan makanan,**

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (648).
[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (575, 576), At-Tirmidzi dengan no. (219), An-Nasaa'ie (2/112). Berkata At-Tirmidzi: Hassan sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 181).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (658) dan Muslim dengan no. (674)- 293.
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (875) dan Ibnu Majah dengan no. (468). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 496).
[5] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (713) dan Muslim dengan no. (418).
[6] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (654).

dan tidak juga dalam keadaan dia didesak oleh dua kotoran)[1].

3- Sesiapa yang ada kehilangan yang dia harapkan atau dia bimbang kehilangan hartanya atau makanannya ataupun dia bimbangkan kemudharatan terhadapnya; kerana hadith Ibnu Abbas secara marfu': (**Sesiapa yang mendengar seruan, lalu tidak menyekatnya dari mengikutinya sebarang keuzuran** -mereka berkata: Apakah keuzuran itu, wahai Rasulullah? Baginda bersabda: **Kebimbangan atau penyakit**-, **tidak akan diterima oleh Allah sebarang solat yang dia solatkan**)[2]. Demikian juga setiap yang bimbangkan terhadap dirinya atau hartanya atau isterinya atau anaknya, maka dia diuzurkan untuk meninggalkan jemaah; kerana kebimbangan adalah keuzuran.

4- Terhasil gangguan dengan hujan, lumpur, salji dan ais, atau angin sejuk yang kencang pada malam yang gelap; kerana hadith Ibnu Umar d, beliau berkata: (Dahulunya Rasulullah ﷺ menyuruh muazzin, apabila terjadi malam sejuk yang mempunyai hujan, supaya mengatakan: Ketahuilah! Solatlah kamu semua di rumah)[3].

5- Terhasilnya kepayahan dengan pemanjangan imam; kerana seorang lelaki telah solat bersama Mu'adz, kemudian dia menyendiri, lalu dia solat bersendirian apabila Mu'adz memanjangkan, maka tidak mengingkari terhadapnya Baginda ﷺ ketika dia memberitahu Baginda[4].

6- Bimbangkan hilangnya teman di dalam perjalanan; kerana kesibukan hatinya di dalam yang demikian apabila dia menunggu jemaah, atau masuk ke dalam jemaah, kerana bimbangkan hilang dan terlepas temannya.

7- Bimbangkan kematian orang yang rapat dengannya dalam keadaan dia tidak hadir bersamanya. Sebagai contoh orang yang rapat dengannya di ambang kematian, dan dia lebih suka bahawa dia bersamanya mengajarkannya syahadah dan sebagainya. Maka dia diuzurkan untuk meninggalkan jemaah demi kerana itu.

8- Mengiringi pemiutangnya, dalam keadaan dia tidak memiliki sesuatu untuk dia membayarnya. Maka boleh untuknya meninggalkan jemaah kerana gangguan yang menyusulinya daripada tuntutan dan iringan si pemiutang terhadapnya.

Persoalan Keenam: Pengulangan Jemaah Di Dalam Masjid Yang Satu:

Sekiranya terlewat sebahagian orang daripada menghadiri jemaah masjid bersama imam yang tetap, dan terlepas dari mereka solat, maka sah untuk mereka solat jemaah kedua di dalam masjid yang sama; kerana umum sabda Nabi ﷺ: (**Solat seorang lelaki bersama seorang lelaki lain lebih elok**

---

[1] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (560).

[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (551), dan ia adalah dhoif dengan lafaz ini, tetapi sahih dengan lafaz (**Sesiapa yang mendengar seruan lalu dia tidak mendatanginya, maka tiada solat baginya melainkan demi kerana keuzuran**) (*Al-Irwaa'* 2/336-337).

[3] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (632) dan Muslim dengan no. (697). Dan lafaz oleh Muslim.

[4] Lihat: *Sahih Muslim* dengan no. (465).

berbanding solatnya secara bersendirian ...)[1] hadith, juga kerana sabda Baginda ﷺ berkenaan seorang lelaki yang hadir ke masjid setelah selesainya solat jemaah: (**Siapa yang akan bersedekah kepada dia ini, lalu solat bersamanya?**), maka telah bangun salah seorang dari orang ramai, lalu dia solat bersama lelaki berkenaan[2].

Demikian juga apabila masjid berkenaan masjid pasar atau jalanan dan sebagainya, maka tidak mengapa untuk diulang jemaah di dalamnya, khususnya apabila masjid ini tidak memiliki imam tetap, dan berulang-alik kepadanya ahli pasar dan yang lalu-lalang.

Adapun jika masjid itu di dalamnya ada dua jemaah atau lebih, sentiasa dan atas bentuk berterusan, serta orang ramai mengambil itu sebagai kebiasaan, maka ia tidak dibolehkan; kerana tidak diketahui yang demikian pada zaman Nabi ﷺ dan para Sahabat Baginda, juga kerana di dalamnya terdapat pemecahan kesatuan, seruan kepada kemalasan dan penangguhan daripada menghadiri jemaah utama bersama imam yang tetap. Barangkali itu boleh menjadi punca untuk melewatkan solat dari awal waktunya.

Persoalan Ketujuh: Hukum Solat Apabila Diiqamatkan Solat Yang Fardu:

Apabila muazzin mula mengiqamatkan untuk solat fardu, maka tidak boleh bagi sesiapa memulakan solat nafilah, lalu sibuk dengan nafilah yang dia dirikan secara bersendirian dari menunaikan fardu yang sedang didirikan oleh jemaah; dan itu kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila didirikan solat, maka tiada solat melainkan yang fardu**)[3], dan Rasullah ﷺ telah melihat seorang lelaki ingin solat sedangkan muazzin sedang mengiqamatkan untuk solat Subuh, maka Baginda bersabda kepadanya: (**Adakah kamu solat Subuh empat rakaat?!**)[4].

Adapun jika muazzin mula mengiqamatkan sesudah masuknya orang melakukan nafilah ke dalam solatnya, maka dia perlu menyempurnakannya secara ringkas supaya dia mendapat kelebihan takbiratulihram, dan bersegera untuk masuk ke dalam yang fardu.

Telah berpendapat sebahagian Ahli Ilmu: Bahawa jika dia berada dalam rakaat pertama, maka dia perlu memutuskannya, dan jika dia dalam rakaat kedua, maka perlu menyempurnakannya secara ringkas, dan menyertai jemaah.

---

[1] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (554), An-Nasaa'ie (2/104), Ahmad (5/140) dan Al-Hakim (1/247). Disahihkan oleh Al-Hakim. Telah menyebut Ibnu Hajar di dalam *At-Talkhis Al-Habir* (2/26) pensahihan Ibnu As-Sakan, Al-Uqaili, Al-Hakim dan Ibnu Al-Madini baginya.

[2] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (220) dan Ahmad (3/5). Dihasankan oleh At-Tirmidzi dan disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 182).

[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (710).

[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (711) - 66.

Bab Kelapan : Mengenai Keimaman Di Dalam Solat

Yang dimaksudkan dengan keimaman: Perkaitan solat sorang yang berimam dengan imamnya.

Persoalan Pertama: Siapakah Yang Paling Layak Menjadi Imam?

Telah menjelaskan Rasul ﷺ orang yang paling berhak dan paling patut dengan keimaman di dalam sabda Baginda: (**Akan mengimamkan sesebuah kaum itu, orang yang qari di kalangan mereka terhadap Kitab Allah. Jika mereka dalam pembacaan adalah sama, maka orang yang paling berpengetahuan di kalangan mereka berkenaan Sunnah. Jika mereka dalam Sunnah adalah sama, maka orang yang paling lama di kalangan mereka berhijrah. Jika mereka pada hijrah adalah sama, maka orang yang paling lama di kalangan mereka *sejahtera***)[1]. Oleh itu, orang yang paling patut dan paling layak bagi keimaman adalah mengikut apa yang berikut:

1- Orang yang paling elok di kalangan mereka dari segi bacaan, iaitu orang yang pakar membaca Al-Quran, mendatangkannya dengan bentuk yang paling sempurna, serta mengetahui berkenaan Fiqh Solat. Sekiranya berkumpul seorang yang paling elok bacaan dengan seorang yang kurang bacaan berbandingnya tetapi lebih faqih, dikedepankan qari yang lebih faqih ke atas yang lebih qari namun tidak faqih. Kerana keperluan kepada fiqh di dalam Solat dan hukum-hukumnya lebih kritikal berbanding keperluan kepada mengelokkan bacaan.

2- Kemudian orang lebih faqih yang lebih berpengetahuan berkenaan Sunah. Apabila berhimpun dua imam yang kedua-duanya sama di dalam pembacaan, tetapi salah seorang dari mereka lebih faqih dan lebih berpengetahuan berkenaan Sunnah. Maka didahulukan yang lebih faqih, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sekiranya mereka pada pembacaan adalah sama, maka orang yang paling berpengetahuan di kalangan mereka berkenaan Sunnah**).

3- Kemudian yang lebih lama atau lebih awal berhijrah dari negeri orang Kafir ke negeri Islam, sekiranya mereka pada pembacaan dan pengetahuan berkenaan Sunnah adalah sama.

4- Kemudian yang lebih lama Islam, sekiranya mereka pada hijrah adalah sama.

5- Kemudian yang paling tua dari segi umur. Sekiranya mereka sama pada semua perkara-perkara yang telah lalu, dikedepankan yang lebih tua dari segi umur, kerana sabda Baginda ﷺ di dalam hadith yang telah lalu: (**Jika mereka pada Hijrah adalah sama, maka orang yang paling lama dari kalangan mereka dari segi keislaman**. -di dalam satu riwayat: **dari segi umur**-), juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hendaklah mengimamkan kamu, orang yang paling tua dari kalangan kamu**).

Sekiranya mereka berdua sama di dalam semua yang telah lalu, maka dicabut undi di antara mereka berdua. Sesiapa yang menang dalam cabutan berkenaan, dia dikedepankan.

Tuan rumah adalah lebih layak menjadi imam berbanding tetamunya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah mengimami seseorang lelaki, seorang lelaki yang lain pada keluarganya dan tidak juga pada kerajaannya**)[2]. Demikian seorang sultan lebih layak menjadi imam berbanding orang lain -dan dia adalah imam terbesar- kerana umum hadith yang telah lalu sebentar tadi.

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (673). *sejahtera* : yakni Islam.
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (673).

Demikianlah juga imam masjid yang tetap adalah lebih patut berbanding orang lain -melainkan sultan- sehinggakan jika orang lain lebih qari berbandingnya dan lebih berpengetahuan; kerana umum sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah mengimami seseorang lelaki, seorang lelaki yang lain pada keluarganya dan tidak juga pada kerajaannya**).

Persoalan Kedua: Orang Yang Diharamkan Keimamannya:

Diharamkan menjadi imam pada keadaan-keadaan yang berikut:

1- Menjadi imam wanita terhadap lelaki, kerana umum sabda Baginda ﷺ: (**Tidak akan berjaya satu kaum yang menguasai urusan mereka seorang wanita**)[1]. Kerana yang asal adalah dia dibelakangkan di akhir saf-saf sebagai penjagaan dan penutupan untuknya. Jika dia dikedepankan untuk menjadi imam, maka itu menjadi bertentangan Usul Syar'ie ini.

2- Menjadi imam orang yang berhadas dan orang yang padanya ada najis, sedangkan dia mengetahui yang demikian. Jika itu tidak diketahui oleh para ma'mum sehingga selesai solat mereka, maka solat mereka adalah sah.

3- Menjadi imam orang yang ummi, iaitu orang yang tidak reti Al-Fatihah; dia tidak boleh membacanya secara hafalan atau pembacaan, atau dia mendengungkan di dalamnya pada huruf-huruf yang tidak berdengung, atau dia menukarkan padanya satu huruf dengan huruf yang lain, atau dia salah padanya dengan salah yang mengubah makna, maka orang ini tidak sah dia menjadi imam melainkan dengan orang yang serupa dengannya kerana kelemahannya pada rukun Solat.

4- Menjadi imam orang fasiq yang mubtadie'. Tidak sah solat di belakangnya jika kefasiqannya adalah nyata, dan dia menyeru kepada bidaah yang mengkafirkan, kerana firman-Nya -تعالى-: {*Adakah orang yang dia seorang yang beriman sama seperti orang yang dia seorang yang fasiq? Tidaklah mereka sama*} [As-Sajadah : 18].

5- Orang yang lemah daripada ruku', sujud, qiyam dan duduk. Tidak sah dia menjadi imam kepada orang yang lebih mampu berbandingnya untuk perkara-perkara berkenaan.

Persoalan Ketiga: Orang Yang Dimakruhkan Keimamannya:

Dimakruhkan menjadi imam setiap dari:

1- Orang yang Lahhan: Iaitu yang banyak salah dan silap dalam pembacaan, dan ini adalah pada selain Al-Fatihah. Adapun salah pada Al-Fatihah dengan yang mengalihkan makna, maka tidak sah solat bersamanya, seperti yang telah lalu, dan itu kerana sabda Baginda ﷺ: (**Mengimamkan sesebuah kaum itu, orang paling qari di kalangan mereka**).

2- Orang yang mengimamkan sesebuah kaum, sedangkan mereka benci kepadanya, atau dia dibenci oleh keseluruhan mereka, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiga golongan yang tidak akan terangkat solat**

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (4425).

mereka ke atas kepada mereka walau sejengkal: Seorang lelaki yang mengimamkan satu kaum sedangkan mereka benci kepadanya ...)[1] hadith.

3- Orang yang menyembunyikan sebahagian huruf, dan tidak fasih. Demikian juga sesiapa yang mengulang-ulang sebahagian huruf; seperti orang yang *fa'fa'* iaitu yang mengulang-ulang fa', dan orang yang *tamtam* iaitu yang mengulang-ulang ta', dan selain mereka berdua. Itu adalah demi kerana penambahan huruf dalam bacaan.

Persoalan Keempat: Kedudukan Imam Pada Dua Orang Ma'mum:

Sunnah adalah didepankan imam pada dua orang ma'mum, lalu mereka berdiri di belakang imam sekiranya mereka dua orang atau lebih; kerana Baginda ﷺ dahulu apabila Baginda berdiri untuk solat, Baginda akan mara dan sahabat-sahabat Baginda akan berdiri di belakang Baginda. Oleh Muslim dan Abu Daud: (**Bahawa Jabir dan Jabar telah berdiri, salah seorang mereka di sebelah kanan Baginda dan seorang lagi di sebelah kiri Baginda, lalu Baginda telah menarik tangan mereka sehingga Baginda mendirikan mereka berdua di belakang Baginda**)[2], juga kerana kata-kata Anas d apabila Nabi ﷺ solat bersama mereka di rumah: (**Kemudian Rasulullah ﷺ akan mengimamkan, dan kami akan berdiri di belakang Baginda, lalu Baginda akan solat dengan kami**)[3].

Akan berdiri seorang lelaki di sebelah kanan imam dalam keadaan sebaris dengannya: kerana (**Baginda ﷺ telah memusingkan Ibnu Abbas dan Jabir ke sebelah kanan Baginda apabila mereka berdua berdiri di sebelah kiri Baginda**)[4].

Sah berdirinya imam di tengah dua orang ma'mum; kerana Ibnu Mas'ud telah solat di antara Al'qamah dan Al-Aswad, dan beliau berkata: (Beginilah aku lihat Rasulullah ﷺ lakukan)[5]. Akan tetapi itu terikat dengan keadaan terdesak, dan yang afdhal adalah: berdiri di belakang imam.

Akan berada golongan wanita di belakang saf-saf golongan lelaki; kerana hadith Anas d : (Berbaris aku dan anak yatim di belakang Baginda, dan wanita-wanita tua di belakang kami)[6].

Persoalan Kelima: Apa Yang Ditanggung Oleh Imam Bagi Pihak Ma'mum:

Akan menanggung imam bagi pihak ma'mum pembacaan dalam solat yang nyaring, kerana hadith Abu Hurairah secara marfu': (**apabila dia membaca, maka hendaklah kamu semua diam**)[7], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang ada imam, maka pembacaannya untuknya adalah**

---

[1] Dikeluarkan oleh Ibnu Majah dengan no. (971). Disahihkan oleh Al-Busiri isnadnya di dalam *Az-Zawaa'id*. Ia dihasankan oleh An-Nawawi di dalam *Al-Majmu'* (4/154). Ia dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* no. 792).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (3010).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (659).
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (3010).
[5] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (613) dan ia adalah sahih. Lihat *Irwaa' Al-Ghalil* (2/319).
[6] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (658).
[7] Diriwayatkan oleh Lima kecuali At-Tirmidzi: Abu Daud dengan no. (604), An-Nasaa'ie (1/146), Ibnu Majah dengan no. (846), dan Ahmad (2/420). Berkata Al-Albaani: Hasan sahih (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 882-883). Ia adalah satu bahagian daripada hadis yang awalnya: (**Hanyalah dijadikan imam itu untuk diikuti ...**).

pembacaan)[1]. Adapun di dalam yang senyap, maka imam tidak menanggung bacaan Al-Fatihah bagi pihak ma'mum.

Persoalan Keenam: Mendahului Imam:

Tidak boleh untuk ma'mum mendahului imamnya. Sesiapa yang berihram [yakni takbiratulihram] sebelum imamnya, tidak akan terjadi solatnya; kerana syaratnya adalah dia mendatangkannya sesudah imamnya dan ia telah terlepas. Wajib ke atas ma'mum masuk pada perbuatan-perbuatan solat sesudah imamnya; kerana hadith: (**Hanyalah dijadikan imam untuk diikuti. Apabila dia bertakbir maka bertakbirlah kamu semua. Apabila dia ruku' maka ruku'lah kamu semua. Apabila dia berkata: 'Allah mendengar orang yang memuji-Nya', maka katakanlah: 'Wahai Tuhan kamu, dan milik-Mu segala pujian'. Apabila dia sujud, maka sujudlah kamu semua**)[2].

Jika dia menyamai imam di dalamnya atau di dalam memberi salam, ia dimakruhkan kerana ia menyalahi Sunnah, namun tidak rosak solatnya; kerana dia bersama-sama dengannya di dalam rukun. Jika dia mendahului imam, ia adalah haram; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Janganlah kamu mendahului daku, pada ruku', tidak juga pada sujud, dan tidak pula pada qiyam**)[3], dan larangan memberi pengertian pengharaman. Serta daripada Abu Hurairah secara marfu': (**Adakah tidak bimbang seseorang dari kalangan kamu, apabila di mengangkat kepalanya sebelum imam, akan dijadikan oleh Allah kepalanya menjadi kepala keldai?**)[4].

Persoalan Ketujuh: Hukum-hukum Yang Pelbagai Mengenai Keimaman Dan Jemaah:

Di antara hukum-hukum yang berkait dengan keimaman dan jemaah selain apa yang telah lalu:

1- Digalakkan mendekatkan golongan yang memiliki ketenangan dan akal pada imam: Lalu didepankan golongan yang memiliki kelebihan, akal, kelembutan dan ketenangan di belakang imam dan hampir darinya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hendaklah berada di belakang kamu, orang-orang yang memiliki ketenangan dan akal, kemudian orang-orang yang selepas mereka, kemudian orang-orang yang selepas mereka**)[5].

Hikmah pada yang demikian : Bahawa mereka akan mengambil daripada imam, membukakan untuknya pada bacaan apabila dia perlukan kepadanya, dan dia boleh menggantikan dari mereka sesiapa yang dia kehendaki, apabila datang kepadanya sesuatu dalam solat.

2- Bersungguh untuk saf yang pertama: Digalakkan kepada para ma'mum agar mereka mara ke saf yang pertama, bersungguh untuknya, serta berjaga dari terkebelakang; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Maralah dan sempurnakan padaku, dan hendaklah menyempurnakan pada kamu sesiapa selepas kamu. Akan berterusan satu kaum itu terkebelakang sehingga mereka dikebelakangkan oleh**

---

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (3/339), dan Ibnu Majah dengan no. (850). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 500)
[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (389), serta Muslim dengan no. (411).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (416).
[4] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (691), serta Muslim dengan no. (427).
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (432).

Allah)[1], serta sabda Baginda ﷺ: (**Kalaulah manusia mengetahui apa yang ada pada seruan dan saf pertama, kemudian mereka tidak dapati melainkan untuk mencabut undi untuknya, pasti mereka akan mencabut undi**)[2].

Adapun golongan wanita, digalakkan agar mereka berada pada saf yang terkebelakang, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sebaik-baik saf lelaki adalah yang permulaannya dan seburuk-buruknya adalah yang pengakhirannya. Sebaik-baik saf wanita adalah yang pengakhirannya dan seburuk-buruknya adalah yang permulaannya**)[3].

3- Menyamakan saf-saf, meluruskan padanya, menutup ruangan, dan menyempurnakan saf yang awal lalu yang awal: Digalakkan untuk imam agar menyuruh penyamaan saf-saf, dan penutupan ruangan sebelum masuk ke dalam solat. Kerana Baginda ﷺ melakukan yang demikian, dan kerana sabda Baginda: (**Luruskan saf-saf kamu, kerana sesungguhnya pelurusan saf-saf adalah dari kesempurnaan solat**)[4]. Dan daripada Anas d, beliau berkata: Diiqamatkan solat, maka Rasulullah ﷺ menghadap kepada kami dengan wajah Baginda, lalu Baginda bersabda: (**Tegakkan saf-saf dan luruskanlah, kerana sesungguhnya aku melihat kamu dari belakang badanku**)[5]. Berkata Anas d: (Dahulunya seseorang dari kami akan melekatkan bahunya dengan bahu temannya dan kakinya dengan kaki temannya)[6].

Digalakkan penyempurnaan saf yang permulaan kemudian yang berikutnya. Sekiranya ada kekurangan maka hendaklah ia pada akhir saf; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Mengapakah tidak kamu berbaris seperti berbarisnya para Malaikat di sisi Tuhannya?**). Kami pun berkata: Wahai Utusan Allah! Bagaimana berbarisnya para Malaikat di sisi Tuhannya? Baginda bersabda: (**Mereka menyempurnakan saf-saf yang awal, dan mereka lurus di dalam saf**)[7].

4- Solat orang yang berseorang di belakang saf: Tidak sah solat seorang lelaki berseorang secara bersendirian di belakang saf, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada solat bagi orang yang bersendirian di belakang saf**)[8]. Telah melihat Rasulullah ﷺ seorang lelaki bersolat berseorangan di belakang saf, lalu Baginda memerintahkannya agar mengulang semula solat[9].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (438).
[2] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (437).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (440).
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (433).
[5] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (719).
[6] *Sahih Al-Bukhari* dengan no. (725).
[7] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (430).
[8] Dikeluarkan oleh Ahmad (4/23), Ibnu Majah dengan no. (1003). Ia dihasankan oleh Imam Ahmad, dan disahihkan oleh Al-Busiri dengan sanadnya di dalam *Zawaaid Ibnu Majah*. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* 822).
[9] Dikeluarkan oleh Ahmad (4/228), Abu Daud dengan no. (682), At-Tirmidzi dengan no. (230), Ibnu Majah dengan no. (1003). Ia dihasankan oleh At-Tirmidzi dan disahihkan oleh Ahmad Syakir dalam nota kaki At-Tirmidzi (1/448-445). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* no. 191)

Bab Kesembilan : Mengenai Solat Orang Yang Uzur

Orang yang uzur: Mereka adalah orang sakit, orang bermusafir dan orang ketakutan, yang tidak dapat untuk menunaikan solat atas sifat yang didirikan oleh orang yang tidak berkeuzuran. Sesungguhnya Yang Mensyariatkan telah meringankan terhadap mereka, lantas mereka akan solat mengikut keupayaan mereka. Berfirman Allah -تعالى-: {*dan tidak Dia jadikan ke atas kamu di dalam Agama, sebarang kesempitan*} [Al-Hajj : 78], dan berfirman -تعالى-: {*Tidak mempertanggungkan Allah mana-mana jiwa kecuali kemampuannya*} [Al-Baqarah : 286], dan berfirman -تعالى-: {*Bertaqwalah kamu kepada Allah apa yang kamu termampu*} [At-Taghaabun : 16]. Oleh itu, setiap kali mana didapati kepayahan, pasti diperoleh pemudahan.

A - Cara Solat Orang Yang Sakit

Orang yang sakit: Ialah orang yang pincang kesihatan badannya, tak kira sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian.

Dimestikan orang yang sakit untuk bersolat yang fardu dalam keadaan berdiri di atas apa-apa sifat, sekalipun dalam bentuk seorang yang ruku'; bagi sesiapa yang pada belakang badannya ada penyakit yang dia tidak boleh meluruskan belakang badannya, atau secara bersandar ke dinding atau tiang atau tongkat; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila aku perintahkan kamu dengan sesuatu perkara, maka datangkanlah darinya apa yang kamu termampu**)[1].

Jika dia tidak mampu, maka dalam keadaan duduk, dan jika dia tidak mampu, maka di atas bahagian tepi badan; kerana sabda Baginda ﷺ kepada Imran bin Husoin: (**Solatlah dalam keadaan berdiri. Jika kamu tidak mampu, maka dalam keadaan duduk. Jika kamu tidak mampu, maka di atas bahagian tepi badan**)[2].

Jika dia lemah daripada semua itu, maka dia solat mengikut keadaannya, kerana firman Allah: {*Bertaqwalah kamu kepada Allah apa yang kamu termampu*} [At-Taghaabun : 16].

Tidak akan gugur solat dari seorang yang sakit selama mana akalnya sabit, sekalipun jika dia mensolatkannya dengan isyarat; kerana keupayaannya untuk itu berserta niat.

Mengisyaratkan seorang yang sakit, yang solat dalam keadaan duduk, pada ruku' dan sujud dengan kepalanya secara mengangguk, dan dia menjadikan sujud lebih rendah daripada ruku'. Sekiranya dia lemah daripada mengisyaratkan dengan kepalanya, dia boleh mengisyaratkan dengan matanya.

B - Solat Orang Yang Bermusafir:

Pertama: Qasar Solat Yang Empat:

Persoalan Pertama: Mengenai Hukum Qasar:

Tiada percanggahan di kalangan Ahli Ilmu mengenai keabsahan mengqasarkan solat yang empat rakaat bagi orang yang bermusafir. Dalil untuk itu adalah Quran, Sunnah dan Ijmak. Adapun Quran:

[1] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (9\117), dan Muslim dengan no. (1337).
[2] Dirwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1117).

Firman-Nya -تعالى-: {*Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir.*} [An-Nisaa' : 101].

Qasar adalah dibolehkan ketika bermusafir dalam keadaan ketakutan dan selainnya. Telah bersabda Nabi ﷺ apabila ditanyakan mengenai Qasar, sedangkan telah aman orang ramai: (**Satu sedekah yang Allah bersedekah dengannya terhadap kamu, maka terimalah sedekah-Nya**)[1].

Serta kerana Nabi ﷺ dan para Khalifah Baginda telah berterusan di atasnya; daripada Ibnu Umar d, beliau berkata: (Sesungguhnya aku mendampingi Rasulullah ﷺ ketika musafir, lalu Baginda tidak melebihkan atas dua rakaat sehingga Baginda dimatikan oleh Allah. Aku telah mendampingi Abu Bakr, lalu dia tidak melebihkan atas dua rakaat sehingga dia dimatikan oleh Allah. Aku telah mendampingi Umar, lalu dia tidak melebihkan atas dua rakaat sehingga dia dimatikan oleh Allah. Kemudian aku mendampingi Uthman, lalu dia tidak melebihkan atas dua rakaat sehinggalah dia dimatikan oleh Allah. Dan telah berfirman Allah: {*Demi sesungguhnya ada untuk kamu pada Rasulullah teladan yang baik*})[2].

Telah meriwayatkan Ahmad daripada Ibnu Umar secara marfu': (**Sesungguhnya Allah suka agar didatangi kelonggaran-Nya, sebagaimana Dia benci didatangi maksiat-Nya**)[3]

Manakala Ijmak pula: Qasar adalah perkara yang diketahui dari Agama secara pasti, dan telah bersepakat Ummah terhadapnya.

Di atas ini: Memelihara terhadap sunnah ini dan mengambil kelonggaran ini adalah lebih afdhal berbanding meninggalkannya. Bahkan memakruhkan sebahagian Ahli Ilmu perbuatan tamam ketika bermusafir; itu adalah kerana Nabi ﷺ dan para Sahabat Baginda sangat berterusan di atas sunnah ini, dan itu adalah petunjuk Baginda yang berterusan senantiasa.

Persoalan Kedua: Mengenai Penetapan Solat Yang Dibolehkan Padanya Qasar:

Solat yang dibolehkan padanya Qasar ialah solat yang empat rakaat, iaitu solat Zohor, Asar dan Isyak. Tidak akan diqasarkan solat Subuh dan Maghrib secara ijmak; kerana perbuatan Nabi ﷺ dan para Sahabat sesudah Baginda, dan kerana kata-kata Abdullah bin Abbas d: (Allah fardukan solat di atas lidah Nabi kamu , ketika hadir empat rakaat, dan ketika musafir dua rakaat ...)[4] maka ia menunjukkan bahawa yang dimaksudkan adalah yang empat.

Persoalan Ketiga: Mengenai Batasan Perjalanan Yang Diqasarkan Di Dalamnya Solat Dan Bentuknya:

Batasan perjalanan yang diqasarkan di dalamnya solat adalah lebih kurang enam belas *farsakh*, dan

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (686).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (689).
[3] Diriwayatkan oleh Ahmad dengan no. (5832), dan disahihkan oleh Syeikh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 564).
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (687).

ia adalah empat *barid*, dan dengan batu adalah empat puluh lapan batu, dan ia adalah apa yang menyamai lapan puluh kilometer. Ia adalah dua hari menuju, dalam masa yang sederhana, dengan pergerakan berbeban, dan susuran kaki. Nabi ﷺ menamakan sehari semalam sebagai musafir[1]. Dan dahulunya Ibnu Abbas dan Ibnu Umar akan mengqasar dan berbuka pada empat *barid*, dan ia adalah enam belas farsakh.

Adapun bentuknya: Ia adalah perjalanan yang dibolehkan; seperti perjalanan untuk perniagaan dan bersiar-siar, serta perjalanan yang wajib; seperti perjalanan untuk Haji dan Jihad, juga perjalanan yang sunat lagi digalakkan; seperti perjalanan untuk ziarah, dan perjalanan kali kedua untuk haji. Berasaskan pendapat ini, perjalanan yang diharamkan tidak dibolehkan di dalamnya qasar, mengikut pendapat ramai dari kalangan para Ulama.

Persoalan Keempat: Adakah Mengqasar Sesiapa Yang Berniat Untuk Menetap?

Sesiapa yang berniat untuk menetap, perlukan kepada perincian, dan penjelasan itu adalah: Bahawa jika dia berniat untuk menetap semata-mata, dia tidak boleh mengqasar; kerana ketiadaan sebab yang membolehkan untuk mengqasar bagi haknya. Demikian juga sesiapa yang berniat untuk menetap lebih daripada empat hari, atau dia menetap untuk satu keperluan dan dia merasakan bahawa ia tidak akan selesai melainkan setelah empat hari; (Kerana Nabi ﷺ telah menetap di Mekah, lalu Baginda telah solat padanya dua puluh satu solat yang Baginda mengqasar padanya. Itu adalah bahawa Baginda sampai pada subuh hari keempat, maka Baginda telah menetap sehingga hari *tarwiah*, lalu Baginda solat Subuh, kemudian Baginda keluar).

Sesiapa yang menetap selama empat hari atau kurang seperti menetapnya Baginda ﷺ, dia boleh mengqasar, dan sesiapa lebih, dia perlu mencukupkan. Ia telah disebut oleh Imam Ahmad[2]. Berkata Anas: (Kami menetap di Mekah sepuluh hari, kami mengqasarkan Solat). Maknanya adalah apa yang kita telah nyatakan, kerana beliau mengira keluarnya Baginda ke Mina, Arafah dan apa yang sesudahnya termasuk dari yang sepuluh itu.

Dia mengqasar jika dia menetap untuk satu keperluan dengan tanpa niat menetap melebihi empat hari, sedangkan dia tidak mengetahui: Bila ia akan selesai?, ataupun dia ditahan secara zalim, atau dengan sebab hujan, sekalipun dia menetap bertahun-tahun. Berkata Ibnu Mundzir: Mereka bersepakat bahawa orang yang bermusafir akan mengqasar selama tidak dipersetujui bermukim.

Persoalan Kelima: Keadaan-keadaan Yang Wajib Ke Atas Seseorang Yang Bermusafir Di Dalamnya Untuk Mentamamkan Solat:

Di sana terdapat beberapa bentuk dan keadaan yang akan mengecualikan daripada membolehkan untuk mengqasar dalam perjalanan, antaranya:

---

[1] Dan itu di dalam sabda Baginda ﷺ: (**Tidak halal untuk seorang wanita beriman dengan Allah dan Hari Akhirat bermusafir perjalanan sehari semalam, tiada bersamanya muhram**). Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1088) dan lafaz oleh beliau, serta Muslim dengan no. (1339) – 421.

[2] Lihat *Al-Mughni* (2\134-135), serta *Majmu' Fatawa As-Syeikh Ibn Baaz – Fatawa Solat* (m/s 458).

1- Apabila berimamkan seorang yang bermusafir dengan seorang yang mukim: Maka dia dimestikan mentamamkan, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hanyalah dijadikan imam itu, untuk diikuti**)[1], serta kerana kata-kata Ibnu Abbas d, apabila ditanyakan mengenai mentamamkan di belakang seorang yang mukim: (Itulah sunnah Abi Al-Qasim ﷺ)[2].

2- Apabila berimamkan dengan sesiapa yang dia ragu-ragu mengenainya adakah dia seorang yang bermusafir atau seorang yang mukim: Apabila dia masuk ke dalam solat di belakang seorang imam, dan dia tidak tahu adakah dia seorang yang bermusafir atau seorang yang mukim -sebagai contoh dia berada di lapangan terbang dan sebagainya-, maka dimestikan dia mentamamkan; kerana qasar tiada pilihan untuknya dari satu niat yang tetap, adapun berserta teragak-agak, maka dia perlu mentamamkan.

3- Apabila dia teringat solat hadir dalam perjalanan: Seperti seorang lelaki yang bermusafir, lalu di tengah-tengah perjalanannya dia teringat bahawa dia telah solat Zohor di negerinya dengan tanpa wuduk, atau dia teringat solat yang terlepas ketika hadir. Di sini dimestikan dia menyolatkannya secara tamam; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang terlupa satu solat, maka hendaklah dia menyolatkannya apabila dia teringatkannya**)[3], yakni: menyolatkannya sebagaimana ia; dan oleh kerana solat ini dimestikan terhadapnya dalam keadaan tamam, maka wajib ke atasnya mengqadanya secara tamam.

4- Apabila bertakbiratulihram seorang musafir dengan satu solat yang dimestikan dia mentamamkannya, lalu ia rosak dan dia mengulangnya: Sebagai contoh bersolat seorang yang bermusafir di belakang seorang Imam yang mukim, maka dia dimestikan dalam keadaan ini mentamamkan, maka apabila rosak terhadapnya solat ini, dan kemudian dia ingin mengulangnya dimestikan dia mengulangnya secara tamam; kerana ia adalah ulangan untuk solat yang wajib ditamamkan.

5- Apabila berniat seorang yang bermusafir untuk menetap secara mutlak atau untuk bermastautin: Apabila berniat seorang untuk menetap secara mutlak di negeri yang dia bermusafir kepadanya tanpa ikatan dengan masa tertentu atau kerja tertentu, begitu juga apabila dia berniat untuk mengambil negeri berkenaan sebagai tanah air baginya, maka dimestikan dia mentamamkan Solat; kerana telah terputus hukum musafir pada haknya. Sekiranya dia mengikat perjalanan berkenaan dengan waktu tertentu yang akan berakhir, atau kerja tertentu yang akan selesai, maka dia adalah seorang yang bermusafir, yang boleh mengqasarkan solat.

Kedua: Jamak Di Antara Dua Solat, Dan Di Dalamnya Terdapat Beberapa Persoalan:

Persoalan Pertama: Mengenai Keabsahan Menjamakkan Di Antara Dua Solat, Dan Orang Yang Dibolehkan Itu Untuknya:

Dibolehkan pada perjalanan yang diqasarkan di dalamnya solat untuk dijamakkan di antara Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak di dalam waktu salah satu di antara kedua-duanya; kerana hadith

[1] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (389), dan Muslim dengan no. (411).
[2] Diriwayatkan oleh Ahmad (1\216). Disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa'* (dengan no. 571).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (597) dan Muslim dengan no. (684) – 315.

Muadz: (Bahawa Nabi ﷺ dahulu dalam peperangan Tabuk, apabila Baginda bergerak sebelum condongnya Matahari, Baginda melewatkan Zohor sehingga Baginda menggabungkannya kepada Asar, lalu Baginda akan menyolatkan kedua-duanya secara bersama. Apabila Baginda bergerak selepas condongnya Matahari, Baginda menyolatkan Zohor dan Asar secara bersama, dan kemudian Baginda akan berjalan. Serta Baginda dahulu apabila bergerak sebelum terbenam Matahari, Baginda melewatkan Maghrib sehingga Baginda menyolatkannya bersama Isyak. Apabila Baginda bergerak selepas Maghrib, Baginda segerakan Isyak lalu Baginda menyolatkannya bersama Maghrib)[1].

Tak kira sama ada dia sedang bergerak atau sedang singgah; kerana ia adalah satu kelonggaran dari kelonggaran-kelonggaran bermusafir, maka tidak diambil kira di dalamnya kewujudan perjalanan seperti kelonggaran-kelonggarannya yang lain. Namun yang afdhal bagi seorang yang singgah adalah tidak menggabung; kerana Nabi ﷺ tidak menggabung di Mina sedangkan Baginda adalah seorang yang singgah.

Dibolehkan menjamakkan bagi seorang bermukim yang sakit, yang akan mengekorinya kepayahan dengan meninggalkannya; kerana kata-kata Ibnu Abbas: (Telah menjamakkan Rasulullah ﷺ di antara Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak di Madinah bukan dari kerana ketakutan dan tidak dari kerana hujan) di dalam riwayat (bukan dari kerana ketakutan dan tidak dari kerana perjalanan)[2], maka tidak tertinggal melainkan alasan penyakit, kerana Baginda ﷺ: (Menyuruh seorang wanita yang istihadah untuk menggabungkan di antara dua solat)[3]. Istihadah adalah satu bentuk penyakit, dan telah dikatakan kepada Ibnu Abbas di dalam hadith yang telah lalu: Mengapa Baginda lakukan sebegitu? Beliau berkata: (Agar tidak disempitkan umat Baginda).

Bila sahaja mengekori seseorang manusia kepayahan dan kesempitan dengan meninggalkan penggabungan, maka dibolehkan untuknya menggabungkan, kerana sakit atau kerana keuzuran dengan bukan penyakit, keran bermukim atau kerana bermusafir. Antara alasan-alasan yang juga membolehkan penggabungan selain perjalanan dan kesakitan.

1- Hujan mencurah-curah yang lebat, yang membasahkan pakaian, serta kepayahan akan menimpa seorang mukalaf dengan sebabnya.

2- Lumpur dan tanah, dan itu adalah sekiranya menyukarkan terhadap manusia dengan sebabnya untuk berjalan.

3- Angin kencang yang sejuk yang luar dari kebiasaan, dan alasan-alasan selain itu yang akan menimpakan terhadap seorang mukallaf kepayahan sekiranya dia meninggalkan penggabungan bersertanya.

Persoalan Kedua: Mengenai Batasan Penggabungan Yang Disyariatkan:

Batas penggabungan yang disyariatkan adalah penggabungan di antara solat Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak bagi nisbah orang yang bermusafir dan sesiapa yang di dalam hukumnya, begitu

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (1208) dan At-Tirmidzi dengan no. (553), dan beliau berkata: Hasan gharib. Diriwayatkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 578).)

[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (705) 49 – 54.

[3] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (128) dan Abu Daud dengan no. (287).

juga penggabungan ketika hadir dengan sebab Hujan dan apa yang di dalam hukumnya. Maka ia dibolehkan di antara Dua Isyak dan Dua Zohor[1]; kerana hadith Ibnu Abbas yang telah lalu sebentar tadi, dan ia telah dilakukan oleh Abu Bakr, Umar dan Uthman f . Oleh kerana punca penggabungan di antara Dua Isyak adalah wujudnya kepayahan, dan juga adalah pada Dua Zohor.

[1] Dua Isyak adalah: Maghrib dan Isyak, manakala Dua Zuhur adalah: Zuhur dan Asar. Dilafazkan nama salah satu dari keduanya ke atas yang satu lagi secara berlebihan.

Bab Kesepuluh : Mengenai Solat Jumaat

Persoalan Pertama: Hukumnya Dan Dalil Yang Demikian:

Jumaat adalah Fardu Ain ke atas golongan lelaki; kerana firman-Nya -سبحانه-: {*Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggalkanlah jual-beli*} [Al-Jumu'ah : 9], juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Keluar Jumaat adalah wajib ke atas setiap yang telah bermimpi**)[1], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hendaklah berhenti beberapa kumpulan manusia dari perbuatan mereka meninggalkan jumaat-jumaat, atau pasti Allah akan memeterai ke atas hati-hati mereka, dan kemudian mereka pasti menjadi dari golongan yang lalai**)[2]. Berkata An-Nawawi ﵀: "di dalamnya terdapat bahawa Jumaat adalah fardu ain"[3], dan kerana hadith yang berikut sebentar lagi, dan di dalamnya (**Jumaat adalah hak yang wajib ke atas setiap Muslim ...**).

Persoalan Kedua: Ke Atas Siapa Ia Diwajibkan?

Jumaat adalah wajib ke atas setiap Muslim lelaki merdeka baligh berakal, mampu untuk melakukannya, bermukim. Maka ia tidak wajib ke atas: hamba yang dimiliki atau wanita atau kanak-kanak atau orang yang gila atau seorang yang sakit atau seorang yang bermusafir; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Jumaat adalah hak yang wajib ke atas setiap Muslim di dalam jemaah, melainkan empat golongan: hamba yang dimiliki, atau wanita, atau kanak-kanak, atau seorang yang sakit**)[4]. Adapun orang yang bermusafir, dia tidak dimestikan Jumaat; kerana Baginda ﷺ tidak pernah menyolatkannya dalam perjalanan-perjalanan Baginda. Sesungguhnya telah bertepatan hari Arafah ketika haji Baginda dengan Jumaat, walaupun begitu Baginda menyolatkannya Zohor dan menggabungkan Asar bersama-samanya. Sementara seorang yang bermusafir yang singgah sesebuah negeri yang didirikan di dalamnya Jumaat, maka dia perlu menyolatkannya bersama orang-orang Islam. Sekiranya ia dihadiri oleh seorang hamba, atau seorang wanita, atau seorang kanak-kanak, atau seorang yang sakit, atau seorang yang bermusafir, ia adalah sah daripadanya dan ia mencukupinya daripada solat Zohor.

Persoalan Ketiga: Waktunya:

Waktu Jumaat adalah waktu Zohor, dari selepas gelincir sehingga menjadi bayang sesuatu seperti kepanjangannya; kerana hadith Anas bin Malik d , bahawa Nabi ﷺ dahulu bersolat Jumaat ketika condong Matahari[5], dan ia diriwayatkan daripada sahabat-sahabat Nabi ﷺ dari perbuatan mereka[6]. Berdasarkan ini, sesiapa yang sempat satu rakaat darinya sebelum keluar waktunya maka dia telah mencapainya, jika tidak dia perlu menyolatkannya sebagai Zohor; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa**

[1] Dikeluarkan oleh An-Nasaa'ie (3/89) hadis 1371. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Al-Jamie'* no. 3521).
[2] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (865).
[3] Penjelasan An-Nawawi ke atas Muslim: (6/152).
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1054), dan disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 592).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (904).
[6] Lihat: *Fath Al-Baari* (2/430).

yang sempat satu rakaat daripada sesuatu solat, maka dia telah sempat solat berkenaan), dan ia telah lalu.

Persoalan Keempat: Khutbah:

Khutbah adalah satu rukun dari rukun-rukun Jumaat yang ia tidak akan sah melainkan dengannya; kerana berterusannya Baginda ﷺ padanya dan ketiadaan Baginda meninggalkannya sama sekali, dan ia adalah dua khutbah. Disyaratkan bagi kesahihan Jumaat agar kedua-duanya mendahului solat.

Persoalan Kelima: Mengenai Sunnah-sunnah Khutbah:

Disunatkan berdoa untuk orang-orang Islam dengan perkara yang di dalamnya terdapat pembaikan agama mereka dan dunia mereka, berserta doa untuk golongan pemerintah yang mengawal urusan orang Islam dengan pembaikan dan taufiq; kerana Baginda ﷺ: (Dahulunya apabila Baginda berkhutbah pada hari Jumaat Baginda berdoa, Baginda mengisyaratkan dengan jari Baginda, dan orang ramai mengaminkan). Juga hendaklah seseorang menjalankan kedua-duanya berserta solat, hendaklah dia meninggikan suaranya pada kedua-duanya sekadar kemampuan, serta hendaklah dia berkhutbah dalam keadaan berdiri kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan mereka membiarkan dikau dalam keadaan berdiri*} [Al-Jumu'ah : 11]. Berkata Jabir bin Samurah d : (Dahulunya Rasulullah ﷺ berkhutbah dalam keadaan berdiri, kemudian Baginda akan duduk, kemudian Baginda berdiri lalu berkhutbah. Sesiapa yang menceritakan dikau bahawa Baginda berkhutbah dalam keadaan duduk, maka dia telah berdusta)[1]. Juga hendaklah ia di atas mimbar atau tempat yang tinggi; kerana Baginda ﷺ: (Dahulu Baginda berkhutbah di atas mimbar Baginda) dan ia adalah tinggi, kerana itu adalah lebih jelas dalam pemberitahuan, dan lebih terang dalam memperingatkan. Juga hendaklah dia duduk sebentar di antara dua khutbah; kerana kata-kata Ibnu Umar d : (Dahulunya Nabi ﷺ berkhutbah dua khutbah dalam keadaan berdiri, Baginda memisahkan di antara kedua-duanya dengan satu perbuatan duduk)[2]. Disunnahkan memendekkan dua khutbah berkenaan, dan yang kedua lebih pendek dari yang pertama; kerana hadith Ammar secara marfu': (**Sesungguhnya kepanjangan solat seseorang dan kependekan khutbahnya adalah petunjuk dari kefaqihannya. Oleh itu, panjangkanlah solat, dan pendekkanlah khutbah**)[3]. Petunjuk : Tanda. Disunatkan juga agar khatib memberi salam kepada para ma'mum apabila dia menghadap kepada mereka; kerana kata-kata Jabir ﷺ: (Dahulunya Rasulullah ﷺ apabila Baginda menaiki mimbar, Baginda memberi salam). Disunatkan juga agar dia duduk di atas mimbar sehingga selesainya muazzin; kerana kata-kata Ibnu Umar d : (Dahulunya Nabi ﷺ akan duduk apabila Baginda menaiki mimbar sehingga selesai muazzin, kemudian Baginda akan bangun lalu berkhutbah). Disunatkan juga agar khatib bersandar pada sebatang tongkat dan sebagainya, dan disunatkan juga untuk khatib agar menghadap hadapan wajahnya kerana perbuatan Baginda ﷺ sedemikian.

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (862).
[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (928), serta Muslim dengan no. (861).
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (869).

Persoalan Keenam: Apa Yang Diharamkan Perlakuannya Di Dalam Jumaat:

Diharamkan berkata-kata sedangkan imam sedang berkhutbah; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang berkata-kata pada hari Jumaat sedangkan imam sedang berkhutbah, maka dia seperti keldai yang memikul kitab-kitab yang tebal ...**)[1], dan kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila kamu katakan kepada temanmu: Diamlah, sedangkan imam sedang berkhutbah, maka kamu telah sia-sia**)[2] iaitu: Kamu telah berkata dengan yang sia-sia, dan ia adalah kata-kata yang batil lagi tertolak. Diharamkan melangkah bahu orang ramai sewaktu khutbah; kerana sabda Baginda ﷺ kepada seorang lelaki yang Baginda melihatnya sedang melangkah bahu-bahu: (**Duduklah, demi sungguhnya engkau telah mengganggu**)[3]. Kerana padanya ada gangguan terhadap orang-orang akan solat, serta menyibukkan mereka daripada mendengar khutbah. Adapun imam, tidak mengapa dia melangkah bahu-bahu jika dia tidak mungkin sampai ke tempatnya melainkan dengan itu. Dimakruhkan pemisahan di antara dua orang, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat ... kemudian dia pergi, lalu dia tidak memisahkan di antara dua orang, lalu dia solat apa yang dituliskan untuknya ... diampunkan untuknya apa yang di antaranya dengan Jumaat yang berikutnya**)[4].

Persoalan Ketujuh: Dengan Apakah Dicapai Jumaat?

Dicapai Jumaat dengan sempat satu rakaat bersama imam; Daripada Abi Hurairah secara marfu': (**Sesiapa yang sempat dari Jumaat satu rakaat, maka dia telah sempat solat berkenaan**)[5]. Jika dia sempat kurang daripada satu rakaat, dia perlu bersolat Zohor.

Persoalan Kelapan: Mengenai Nafilah Jumaat:

Tiada untuk solat Jumaat sebarang sunnah sebelumnya, tetapi sesiapa yang bersolat sebelumnya nafilah mutlak sebelum masuk waktunya, maka tidak mengapa; kerana galakan Nabi ﷺ pada yang demikian, sebagaimana di dalam hadith Salman yang telah lalu sebentar tadi: (**Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat ... kemudian dia pergi, lalu dia tidak memisahkan di antara dua orang, lalu dia solat apa yang dituliskan untuknya ...**), dan kerana perbuatan para Sahabat f, serta kerana keafdalan solat nafilah. Tidak diingkari terhadapnya sekiranya dia meninggalkan; kerana sunat yang tetap adalah sesudah Jumaat dengan dua rakaat, atau empat rakaat, atau enam rakaat; kerana perbuatan Baginda ﷺ dan perintah Baginda. Sesungguhnya (Baginda dahulu bersolat selepas Jumaat sebanyak dua rakaat)[6]. Juga bersabda Baginda ﷺ: (**Apabila telah bersolat seseorang kamu akan**

---

[1] Dikeluarkan oleh Ahmad (1/230). Telah berkata Ibnu Hajar di dalam *Bulugh Al-Maram*: "Isnadnya tidak mengapa dengannya" (*Subul As-Salam* 2/101-102 hadith 421).

[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (394), serta Muslim dengan no. (851). Lihat: *Irwaa' Al-Ghalil* (3/84).

[3] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1118), An-Nasaa'ie (3/103), Al-Hakim (1/288) serta beliau mensahihkannya, dan telah menyetujui beliau Ad-Dzahabi.

[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (910).

[5] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1121), dan disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan Ibnu Majah* dengan no. 927-928).

[6] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (937), serta Muslim dengan no. (882).

Jumaat, maka hendaklah dia bersolat sesudahnya sebanyak empat rakaat)[1], dan di dalam satu riwayat: (**Sesiapa di kalangan kamu yang akan bersolat selepas Jumaat, maka hendaklah dia bersolat empat rakaat**)[2]. Adapun enam pula: Kerana sesungguhnya telah datang daripada Ibnu Umar d : (Bahawa Nabi ﷺ dahulu bersolat selepas Jumaat sebanyak enam rakaat)[3], dan dahulunya Ibnu Umar melakukannya[4].

Nyata dari itu, bahawa sekurang-kurang ratibah sesudah Jumaat adalah dua rakaat, dan terbanyaknya adalah enam rakaat. Melihat Syeikh Islam Ibnu Taimiyyah ﵀: Bahawa ratibah jika ia disolatkan di masjid ia disolatkan empat rakaat, dan jika ia disolatkan di rumah ia disolatkan dua rakaat[5]. Oleh itu, solatnya adalah mengikut keadaan-keadaan yang pelbagai.

Persoalan Kesembilan: Cara Solat Jumaat:

Solat Jumaat adalah dua rakaat yang dinyaringkan di dalam kedua-duanya pembacaan; kerana Baginda ﷺ telah melakukan itu, dan perbuatan Baginda ﷺ adalah dari sunnah Baginda, dan telah bersepakat Ahli Ilmu di atas itu. Disunatkan agar dibaca dalam rakaat pertama dengan surah Al-Jumu'ah selepas Al-Fatihah, dan dalam yang kedua dengan surah Al-Munafiquun[6], atau dia membaca dalam yang pertama dengan surah Al-Aa'la, dan dalam yang kedua dengan surah Al-Ghaasyiah[7]; kerana perbuatan Baginda ﷺ.

Persoalan Kesepuluh: Mengenai Sunnah-sunnah Jumaat:

1- Disunatkan bersegera kepada solat bagi mendapatkan ganjaran yang besar; Di dalam hadith Abi Hurairah d , bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: (**Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat dengan mandi janabah, kemudian dia pergi pada jam yang pertama, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor unta. Sesiapa yang pergi pada jam yang kedua, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor lembu. Sesiapa pergi pada jam yang ketiga, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor biri bertanduk. Sesiapa yang pergi pada jam yang keempat, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor ayam. Sesiapa yang pergi pada jam yang kelima, maka seolah-olah dia mengorbankan sebiji telur. Apabila keluar imam, hadirlah para malaikat, mendengar peringatan**)[8].

Baginda bersabda juga: (**Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat dan bersungguh mandi, dia bersegera dan bersungguh bersegera, ada untuknya dengan setiap langkah yang dilangkahkan olehnya ganjaran setahun berpuasa dan berqiyam**)[9].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (881).
[2] *Sahih Muslim* (no. 881) - 69.
[3] *As-Syarh Al-Mumtie'*
[4] Dikeluarkan Abu Daud dengan no. (1130).
[5] *Zaad Al-Ma'aad* (1/440).
[6] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (877).
[7] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (878).
[8] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (881), serta Muslim dengan no. (850).
[9] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (496) dan beliau menghasankannya. Ia dihasankan juga oleh Al-Mundziri (*At-Targhib wa At-Tarhib* 1/247).

2- Disunatkan mandi pada harinya; kerana hadith Abi Hurairah yang telah lalu: (**Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat dengan mandi janabah ...**) dan haruslah bersungguh untuknya dan tidak meninggalkannya, khususnya terhadap orang-orang yang berbau busuk. Ada di kalangan Ulama yang mewajibkan; kerana hadith Abi Sa'ied Al-Khudri d secara marfu': (**Mandi hari Jumaat adalah wajib ke atas setiap yang telah bermimpi**)[1]. Barangkali kata-kata pada mewajibkannya adalah lebih kuat dan lebih meliputi, dan bahawa ia tidak akan gugur melainkan kerana keuzuran.

3- Disunatkan untuk berwangi-wangian, membersihkan, dan menghilangkan apa yang harus dihilangkan daripada tubuh; seperti memotong kuku dan selainnya.

Membersihkan adalah arahan tambahan di atas mandi, dan itu terjadi dengan pemutusan bau-bau busuk dan punca-puncanya, seperti bulu-bulu yang diperintahkan oleh Yang Mensyariatkan untuk menghilangkannya, dan kuku-kuku. Disunatkan mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku, memendekkan misai, berserta berwangi-wangian; kerana hadith Salman d secara marfu': (**Tidak mandi seseorang lelaki pada hari Jumaat, dan dia bersuci apa yang dia mampu dari penyucian, dan dia berminyak dari minyaknya, atau dia sentuh dari wangian rumahnya ...**). Berkata Ibnu Hajar: "dari penyucian: Yang dimaksudkan dengannya adalah pelampauan di dalam pembersihan, dan ia diambil dari penyertaannya kepada permandian ... bahawa yang dikehendaki dengannya adalah pembersihan dengan membuang misai, kuku, dan bulu ari-ari"[2].

4- Disunatkan untuknya memakai sebaik-baik pakaian; kerana hadith Ibnu Umar d : (Bahawa Umar bin Al-Khattab melihat pakaian bersulam sutera di pintu masjid, lalu dia berkata: Wahai Rasulullah! Kalaulah engkau beli ini, lalu engkau memakainya pada hari Jumaat, dan untuk rombongan apabila mereka datang kepada engkau). Sesungguhnya telah berdalilkan dengannya Al-Bukhari ﵀ ke atas pemakaian sebaik-baik pakaian untuk Jumaat, lalu beliau berkata: (Bab : Memakai Sebaik-baik Apa Yang Didapati). Berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar: "Dan bentuk pendalilan dengannya: adalah dari arah perakuan Baginda ﷺ terhadap Umar berkenaan asal bercantik-cantik untuk Jumaat"[3]. Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Tiada apa-apa ke atas seseorang dari kalangan kamu, jika dia membeli dua pakaian untuk hari Jumaat, selain dua pakaian pekerjaannya**)[4]. Iaitu: perusahaannya dan kesibukannya.

5- Disunatkan pada siangnya dan malamnya untuk memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi ﷺ; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Perbanyakanlah berselawat ke atasku pada hari Jumaat**)[5].

6- Disunatkan agar dibaca ketika fajarnya di dalam solat dengan dua surah As-Sajadah dan Al-Insan; kerana berterusannya Baginda ﷺ di atas yang demikian[6]. Dan pada harinya dengan surah Al-Kahfi kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, akan menyinar untuknya cahaya dari bawah kakinya sehingga ke puncak langit, yang akan meneranginya pada**

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (879), dan Muslim dengan no. (846).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (883). Lihat *Fath Al-Bari* (2/432).
[3] *Fath Al-Bari* (2/434).
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1078), dan Ibnu Majah dengan no. (1095). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* 898).
[5] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1047), An-Nasaa'ie (3/91), Ibnu Majah (1085), Al-Hakim (1/278), beliau mensahihkannya, dan disetujui oleh Ad-Dzahabi. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 889)
[6] *Sahih Al-Bukhari* dengan no. (891).

Hari Kiamat, dan akan diampunkan untuknya apa yang di antara dua Jumaat berkenaan)[1].

7- Disunatkan bagi sesiapa yang memasuki masjid pada hari Jumaat, bahawa janganlah dia duduk sehingga dia solat dua rakaat; kerana perintah Baginda ﷺ dengan yang demikian[2], dan dia meringkaskan pada kedua-duanya sekiranya imam sedang berkhutbah.

8- Disunatkan agar memperbanyakkan berdoa, dan memilih-milih waktu kemakbulan; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesungguhnya di dalam Jumaat benar-benar ada satu waktu yang tidak menepatinya seorang hamba Muslim dalam keadaan dia berdiri bersolat, memohon Allah sesuatu, melainkan Dia akan memberikannya akannya**)[3].

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Hakim (2/268) dan beliau mensahihkannya. Ia disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* 3/93).
[2] *Sahih Al-Bukhari* dengan no. (930).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (935), dan Muslim dengan no. (852).

Bab Kesebelas : Mengenai Solat Khauf

Inilah keuzuran yang ketiga daripada keuzuran-keuzuran yang akan menjadi berbeza dengan sebabnya solat pada bentuknya atau bilangannya, dan telah berlalu perbincangan mengenai keuzuran sakit dan musafir.

Persoalan Pertama: Hukumnya, Dalil Keabsahannya, dan Syarat-syaratnya:

1- Hukumnya:

Solat Khauf disyariatkan di dalam setiap peperangan yang diharuskan, seperti memerangi golongan kafir, pelampau, dan perompak; kerana firman-Nya -تعالى-: {*jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir.*} [An-Nisaa' : 101]. Dikiaskan kepadanya yang lain-lain, daripada sesiapa yang harus diperangi.

Ia disyariatkan ketika bimbang serangan musuh, atau lari dari musuh sekiranya lari itu dibolehkan. Termasuk di dalam musuh berkenaan setiap musuh -manusia atau binatang buas- yang ditakutkan oleh manusia terhadap dirinya, seperti pelampau yang inginkan keluarganya atau hartanya, pemiutang yang zalim, dan selainnya.

2- Dalil Keabsahannya:

Dalil keabsahannya adalah: Kitab, Sunnah dan Ijmak. Adapun Kitab: firman-Nya -تعالى-: {*Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing; kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh); dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang (berjamaah) bersama-samamu, dan hendakah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyandang senjata masing-masing.*} [An-Nisaa' : 102]. Ia telah disolatkan oleh Rasulullah ﷺ, dan telah bersepakat para Sahabat untuk melakukannya.

3- Syarat-syaratnya:

Disyariatkan Solat Khauf dengan dua syarat:

Syarat Pertama: Bahawa musuh itu adalah daripada orang yang halal diperangi, seperti golongan kafir, pelampau, dan perompak, seperti yang telah lalu.

Syarat Kedua: Bahawa dibimbangkan serangannya terhadap orang-orang Islam ketika solat.

Persoalan Kedua: Cara Solat Khauf:

Telah datang Solat Khauf di atas beberapa bentuk, dan di antara adalah bentuk yang datang daripada Nabi ﷺ di dalam hadith Sahl bin Abi Hathmah Al-Ansaari d , dan ia paling serupa dengan bentuk yang disebut di dalam Al-Quran Al-Karim. Di dalamnya ada berjaga-jaga untuk solat dan

berjaga-jaga untuk perang, serta di dalamnya ada gangguan terhadap musuh. Sesungguhnya Baginda -عليه الصلاة السلام- telah melakukan solat ini di dalam Peperangan Zat Ar-Riqaa', dan sifatnya adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sahl: Bahawa sekumpulan berbaris bersama Nabi ﷺ dan sekumpulan menghadap musuh. Lalu solat kumpulan yang bersama Baginda satu rakaat, dan kemudian Baginda tetap berdiri, dan mereka menyempurnakan dengan diri mereka sendiri. Kemudian mereka akan beralih dan berbaris menghadap musuh. Akan datang kumpulan yang satu lagi, lalu Baginda akan solat bersama mereka rakaat yang masih tertinggal dari solat Baginda, kemudian Baginda akan tetap duduk, lalu mereka akan menyempurnakan dengan diri mereka sendiri, dan kemudian Baginda akan memberi salam bersama mereka[1].

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (841).

Bab Kedua Belas : Mengenai Solat Dua Eid

Dua Eid adalah: Eidul Adha dan Eidul Fitr, dan kedua-duanya mempunyai munasabah syareiyyah. Eidul Fitr bersempena tamatnya orang-orang Islam dari berpuasa bulan Ramadhan, dan Adha pula bersempena berakhirnya sepuluh awal Dzulhijjah. Ia dinamakan sebagai Eid; kerana ia kembali dan berulang pada waktunya.

Persoalan Pertama: Hukumnya, Dan Dalil Yang Demikian:

Solat Eid adalah Fardu Kifayah. Apabila ia dilaksanakan oleh sebahagian, gugurlah dosa dari yang lain. Apabila ia ditinggalkan oleh semua, berdosalah semua sekali; kerana ia adalah daripada syiar-syiar Islam yang nyata, dan kerana Baginda ﷺ berterusan padanya, dan begitu juga para sahabat Baginda sesudah Baginda. Sesungguhnya Nabi ﷺ telah memerintahkan untuknya sehinggakan golongan wanita, melainkan bahawa Baginda menyuruh golongan yang haid agar menjauhi kawasan solat. Ini antara perkara yang menunjukkan kepada kepentingannya, dan kebesaran kelebihannya; kerana sesungguhnya Baginda telah memerintahkan untuknya golongan wanita sedangkan mereka bukanlah tergolong dari ahli perhimpunan, maka golongan lelaki adalah lebih patut. Ada di kalangan Ahli Ilmu yang menguatkan keadaan sebagai Fardu Ain.

Persoalan Kedua: Syarat-syaratnya:

Di antara syarat-syaratnya yang terpenting: masuknya waktu, wujudnya bilangan yang muktabar, dan pemastautin.

Maka ia tidak harus sebelum waktunya, ia tidak harus pada kurang dari tiga orang, dan ia tidak wajib ke atas orang bermusafir yang tidak menetap.

Persoalan Ketiga: Kedudukan-kedudukan Yang Ia Disolatkan Di Dalamnya:

Disunatkan agar ia disolatkan di padang di luar bangunan; kerana hadith Abu Saeid: (**Dahulunya Nabi ﷺ akan keluar pada Fitr dan Adha ke kawasan solat**)[1], dan yang dimaksudkan dari itu -Allah lebih mengetahui- menzahirkan syiar, dan menjelaskannya. Namun dibolehkan perlaksanaannya di dalam masjid yang menghimpunkan, dari kerana keuzuran seperti hujan, angin yang kencang, dan sebagainya.

Persoalan Keempat: Waktunya:

Waktunya adalah seperti solat Dhuha, sesudah naik Matahari sekadar anak panah sehingga waktu gelincir; kerana Baginda ﷺ dan para pengganti Baginda dahulu mensolatkannya sesudah naik Matahari, juga kerana apa yang sebelum naik Matahari adalah waktu larangan[2]. Disunatkan agar

[1] Disepakati terhadapnya: Al-Bukhari dengan no. (956), dan Muslim dengan no. (889).
[2] Lihat: *Al-Mughni* (2/232-233)

disegerakan [solat] Adha pada awal waktunya dan agar dilewatkan [solat] Fitr; kerana perbuatan Baginda ﷺ, kerana orang ramai perlukan kepada penyegeraan [solat] Adha untuk menyembelih binatang-binatang korban, sedangkan mereka perlukan kepada pelanjutan waktu solat Fitr agar melapangkan untuk pelaksanaan zakat Fitr.

Persoalan Kelima: Bentuknya, Dan Apa Yang Akan Dibacakan Di Dalamnya:

Bentuknya: Dua rakaat sebelum khutbah kerana kata-kata Umar: (Solat Fitr dan Adha adalah dua rakaat, dua rakaat, tamam bukan qasar, di atas lidah Nabi kamu. Sesungguhnya telah hampalah sesiapa yang mereka-reka)[1].

Dia bertakbir pada yang pertama, sesudah takbiratulihram dan istiftah, sebelum ta'awwuz sebanyak enam kali, sementara pada yang kedua, sebelum bacaan sebanyak lima kali, selain takbir qiyam. Kerana hadith Aisyah secara marfu': (Takbir pada Fitr dan Adha dalam [rakaat] yang pertama tujuh takbir, dan dalam [rakaat] yang kedua lima takbir selain dua takbir ruku')[2]. Dia mengangkat dua tangannya bersama setiap takbir; kerana Nabi ﷺ (Baginda dahulu mengangkat dua tangan Baginda berserta takbir)[3]. Kemudian dia akan membaca selepas istiaazah secara nyaring dengan tanpa percanggahan, dia membaca Al-Fatihah, dan pada [rakaat] yang pertama dengan '*Sabbi Hisma Rabbikal Aa'la*', manakala pada [rakaat] yang kedua dengan Al-Ghasyiyah, kerana kata-kata Samurah: (Dahulunya Baginda ﷺ membaca pada dua Eid {سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى} dan { هَلْ أَتَاكَ حَدِيْثُ الْغَاشِيَةِ})[4]. Juga telah sahih daripada Baginda ﷺ bahawa Baginda dahulu membaca pada [rakaat] yang pertama dengan {ق وَالْقُرْآنِ الْمَجِيْدِ} dan pada [rakaat] yang kedua {اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ}[5]. Maka dijaga mendatangkan dengan yang ini sekali dan yang itu sekali, bagi beramal dengan Sunnah, berserta pengawasan terhadap keadaan orang-orang yang solat, maka dibawa mereka dengan yang paling ringan.

Persoalan Keenam: Kedudukan Khutbah:

Kedudukan khutbah dalam solat hari raya adalah sesudah solat; kerana kata-kata Ibnu Umar d: (Dahulunya Nabi ﷺ, Abu Bakr dan Umar solat dua hari raya sebelum khutbah)[6].

Persoalan Ketujuh: Mengqada Eid:

Tidak disunatkan bagi sesiapa yang terlepas solat Eid untuk mengqadanya: kerana tidak datang dalil daripada Nabi ﷺ berkenaan itu, dan juga kerana ia solat yang mempunyai perhimpunan yang

---

[1] Diriwayatkan oleh Ahmad (1/37), An-Nasaa'ie (1/232), Al-Baihaqi (3/200), dan ia adalah sahih. Lihat: *Irwaa' Al-Ghalil* (3/106).
[2] Diriwayatkan Abu Daud dengan no. (1149), dan ia adalah sahih. Lihat: *Irwaa' Al-Ghalil* (3/286).
[3] Diriwayatkan oleh Ahmad (4/316). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 641).
[4] Diriwayatkan oleh Ahmad (5/7), dan Ibnu Majah dengan no. (1283). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 644).
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (891).
[6] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (963), dan Muslim dengan no. (888).

tertentu, maka tidak disyariatkan kecuali atas bentuk ini.

Persoalan Kelapan: Sunnah-sunnahnya:

1- Disunatkan agar dilaksanakan solat hari raya di tempat yang terang dan luas, di luar penempatan, yang berhimpun padanya orang-orang Islam untuk menzahirkan syiar ini. Namun sekiranya ia disolatkan di dalam masjid kerana keuzuran, maka ia tidak mengapa dengan sebab itu.

2- Disunatkan mendahulukan solat Adha dan melewatkan solat Fitr, sebagaimana yang telah lalu penjelasan demikian ketika perbincangan tentang waktunya.

3- Bahawa makan sebelum keluar untuk solat Fitr beberapa biji tamar, dan janganlah makan pada hari Nahr sehingga solat, kerana perbuatan Baginda ﷺ. Baginda dahulu tidak keluar pada hari Fitr sehinggalah Baginda bersarapan atas beberapa biji tamar, Baginda memakannya bilangan ganjil[1]. Baginda tidak makan pada hari Nahr sehinggalah Baginda solat[2].

4- Disunatkan awal pagi ketika keluar untuk solat Eid sesudah solat Subuh secara berjalan kaki; agar dapat hampir kepada imam, dan terhasil untuknya kelebihan menanti solat.

5- Disunatkan agar seorang Muslim berhias, mandi, memakai pakai terelok, dan berwangi-wangian.

6- Disunatkan agar dikhutbahkan di dalam solat Eid dengan khutbah yang menyeluruh lagi merangkumi terhadap keseluruhan urusan agama; menggesa mereka untuk zakat Fitr, serta menjelaskan kepada mereka apa yang mereka harus keluarkan, dan menggalakkan mereka pada menyembelih binatang korban, serta menjelaskan kepada mereka hukum-hukumnya. Untuk golongan wanita juga ada bahagian di dalamnya; kerana mereka perlukan kepada itu dan sebagai mencontohi Nabi ﷺ; sesungguhnya Baginda telah datang kepada golongan wanita selepas selesai dari solat dan khutbah, lalu Baginda menasihatkan mereka dan memperingatkan mereka[3]. Ia adalah selepas solat sebagaimana yang telah lalu.

7- Disunatkan membanyakkan zikir dengan bertakbir dan bertahlil kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan supaya kamu menyempurnakan bilangan dan agar kamu membesarkan Allah di atas apa yang telah beri hidayah kepada kamu*} [Al-Baqarah : 185]. Menyaringkan suara dengannya golongan lelaki di rumah-rumah, masjid-masjid dan pasar-pasar, dan memperlahankan suara dengannya golongan wanita.

8- Berlainan laluan, maka dia pergi kepada Eid melalui satu laluan, dan dia balik melalui laluan yang lain; kerana hadith Jabir d : (Dahulunya Nabi ﷺ apabila hari raya, Baginda berlainan laluan)[4]. Dikatakan mengenai hikmah dari itu: agar disaksikan untuknya dua laluan serentak. Dikatakan juga: untuk menzahirkan syiar Islam pada kedua-duanya. Serta dikatakan juga selain itu.

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (953).
[2] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (542), Ibnu Majah dengan no. (1756), dan disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* no. 1422).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (978).
[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (986).

Tidak mengapa dengan ucapan tahniah orang ramai di antara satu sama lain pada Eid, dengan dia berkata kepada orang lain: “Semoga Allah menerima dari kami dan dari kamu amal-amal kebaikan. Dahulunya ia dilakukan oleh para Sahabat Nabi ﷺ, berserta keceriaan dan kegembiraan pada wajah sesiapa yang ditemuinya.

Bab Ketiga Belas : Mengenai Solat Istisqa'

Persoalan Pertama: Pengenalannya, Hukumnya, Dan Dalil Yang Demikian:

1- Pengenalannya: Istisqa’ adalah meminta siraman dari Allah -تعالى- ketika keperluan sekalian hamba kepadanya, di atas bentuk yang khusus; dan itu adalah apabila kontang tanah dan kemarau hujan; kerana akan menyiram dan tidak menurunkan hujan melainkan Allah sahaja.

2- Hukumnya: Hukum solat Istisqa’ ia adalah sunnah muaqqad; kerana kata-kata Abdullah bin Zaid: (Telah keluar Rasulullah ﷺ meminta hujan, lalu Baginda menghadap ke arah kiblat, berdoa dan menterbalikkan kot Baginda. Baginda solat dua rakaat, yang Baginda menyaringkan suara dalam kedua-duanya pada bacaan)[1].

Persoalan Kedua: Sebabnya:

Sebabnya adalah kemarau, iaitu tertahannya hujan; kerana Nabi ﷺ dahulu melakukannya kerana itu.

Persoalan Ketiga: Waktunya Dan Caranya:

Waktu solat Istisqa’ dan bentuknya adalah seperti solat Eid; kerana kata-kata Ibnu Abbas: (Telah solat Nabi ﷺ dua rakaat seperti mana Baginda solat pada dua Eid)[2]. Maka digalakkan pelaksanaannya di kawasan solat seperti solat hari raya. Ia disolatkan dua rakaat dan dinyaringkan pada bacaan seperti solat hari raya. Ia adalah sebelum khutbah. Begitu juga pada bilangan takbir dan apa yang dibaca di dalamnya.

Diharuskan juga meminta hujan di atas apa-apa bentuk pun. Boleh seseorang insan berdoa, dan meminta hujan dalam solatnya ketika dia sujud. Boleh meminta hujan seorang imam di atas mimbar pada solat Jumaat. Kerana sesungguhnya telah meminta hujan Nabi ﷺ di atas mimbar pada hari Jumaat[3].

Persoalan Keempat: Keluar Kepadanya:

Apabila seseorang imam ingin keluar kepadanya, dia menasihatkan orang ramai, menyuruh mereka bertaubat, keluar dari penzaliman, meninggalkan perbalahan dan perselisihan; kerana ia penyebab pada menyekat kebaikan dari Allah -سبحانه-, dan kerana perbuatan-perbuatan maksiat penyebab kemarau sedangkan taqwa adalah punca keberkatan-keberkatan. Berfirman -تعالى-: {*Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa, pasti Kami bukakan ke atas mereka keberkatan-keberkatan dari Langit dan Bumi, namun mereka mendustakan, lantas Kami hukum mereka dengan sebab apa yang dahulu mereka kerjakan*} [Al-Aa’raaf : 96]. Dia membersihkan dirinya

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1011), serta Muslim dengan no. (894)
[2] Diriwayatkan oleh An-Nasaa’ie dengan no. (1521), At-Tirmidzi dengan no. (558), dan ia adalah hasan. Lihat: *Irwa’ Al-Ghalil* (3/133).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (933), serta Muslim dengan no. (897).

untuknya, namun dia tidak berwangi-wangian dan tidak memakai perhiasan; kerana ia adalah hari penyerahan dan ketundukan. Dia keluar dalam keadaan meredah diri, penuh khusyuk, rasa kerdil, dan amat mengharap; kerana kata-kata Ibnu Abbas: (Telah keluar Nabi ﷺ untuk meminta hujan dalam keadaan berasa kerdil, merendah diri, penuh khusyuk dan amat mengharap)[1].

Persoalan Kelima: Khutbah Di Dalamnya:

Disunatkan agar berkhutbah seseorang imam pada solat Istisqa' dengan satu khutbah sesudah solat, yang menyeluruh lagi merangkumi, yang dia menyuruh di dalamnya agar bertaubat, membanyakkan bersedekah, kembali kepada Allah dan meninggalkan perkara-perkara maksiat.

Haruslah dibanyakkan di dalam khutbah dengan meminta keampunan, dan membaca ayat-ayat yang menyuruhnya, serta membanyakkan dengan berdoa memohon hujan dari Allah -تعالى- seperti kata-kata Baginda: (**Ya Allah! Hujankanlah kami**)[2], dan seperti sabda Baginda: (**Ya Allah! Siramlah kami hujan yang menghujani, yang mencurah-curah lagi menyuburkan, yang segera tidak tertangguh, yang bermanfaat tidak memudharatkan**)[3], serta sabda Baginda: (**Ya Allah! Engkaulah Allah, tiada tuhan selain Engkau. Engkau Yang Maha Kaya dan kami orang-orang yang fakir. Turunkanlah ke atas kami hujan. Jadikanlah apa yang Engkau turunkan untuk kami sebagai kekuatan dan penyampaian sehingga suatu masa**)[4], dan sebagainya.

Dia mengangkat dia tangannya; kerana Nabi ﷺ dahulu melakukan demikian, sehingga dapat dilihat putih ketiak Baginda. Orang ramai juga mengangkat tangan-tangan mereka; kerana Nabi ﷺ apabila Baginda mengangkat kedua-dua tangan Baginda meminta hujan pada solat Jumaat, orang ramai mengangkat tangan-tangan mereka.

Dia membanyakkan juga berselawat ke atas Nabi ﷺ; kerana itu adalah di antara penyebab-penyebab dijawab [doa].

Persoalan Keenam: Sunnah-sunnah Yang Harus Dilakukan Di Dalamnya:

1- Membanyakkan doa yang dikesan daripada Nabi ﷺ pada itu, menghadap Kiblat pada akhir doa, menterbalikkan kot; menjadikan yang kanan pada kiri dan kiri pada kanan, begitu juga apa yang menyerupai kot seperti jubah dan sebagainya. Telah sabit bahawa Nabi ﷺ membalikkan kepada orang ramai belakang badan Baginda, menghadap Kiblat berdoa, kemudian Baginda menterbalikkan kot Baginda[5]. Dikatakan: Hikmah dari menterbalikkan kot adalah sangkaan baik agar diterbalikkan keadaan dari apa yang ia sedang berada padanya.

---

[1] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (458), Ibnu Majah dengan no. (1266), dan ia adalah hasan. Lihat: *Irwaa' Al-Ghalil* (3/133).

[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1014), serta Muslim dengan no. (897), di tengah hadith Istisqa' yang panjang.

[3] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1169), dan disahihkan oleh Syeikh Al-Albaani isnadnya. (*Takhrij Al-Misykat* dengan no. 1507).

[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (1173), dan dihasankan oleh Syeikh Al-Albaani isnadnya. (*Takhrij Al-Misykat* dengan no. 1508).

[5] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1011), serta Muslim dengan no. (894).

2- Disunatkan untuk keluar kepada solat Istisqa' semua orang-orang Islam, hinggakan golongan wanita dan kanak-kanak.

3- Disunatkan keluar kepadanya dengan penuh ketundukan, kekhusyukan, dan kerendahan, kerana telah keluar Nabi ﷺ untuk Istisqa' dalam keadaan berasa kerdil, merendah diri, penuh khusyuk dan amat mengharap[1].

4- Disunatkan ketika turunnya hujan agar dia berdiri pada awalnya supaya menimpanya dari hujan berkenaan, serta dia mengatakan: (**Ya Allah! Curahan yang bermanfaat), dan dia mengatakan: (Kita dihujani dengan kelebihan Allah dan rahmat-Nya**).

5- Apabila terlalu banyak hujan dan dibimbangkan kemudharatan, disunatkan untuk dia mengatakan: (**Ya Allah! Di sekeliling kami dan bukan di atas kami. Ya Allah! Ke atas bukit-bukit, tanah-tanah tinggi, dasar-dasar lembah, dan tempat-tempat tumbuh pokok**)[2].

[1] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan beliau berkata: Hasan sahih. Telah berlalu pada muka surat yang lalu.

[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1021), serta Muslim dengan no. (897) dan lafaz oleh beliau.

Bab Keempat Belas : Mengenai Solat Gerhana

Persoalan Pertama: Pengenalan Gerhana, Dan Hikmah Darinya:

Gerhana (*Kusuf* كسوف): Ialah terhijabnya cahaya salah satu dari dua jisim bercahaya – Matahari dan Bulan – dengan sebab bukan kebiasaan. *Kusuf* (كسوف) dan *Khusuf* (خسوف) adalah dengan makna yang sama. Allah Azza wa Jalla menjadikan perkara berkenaan bagi menggerunkan hamba-hamba-Nya supaya mereka balik kepada-Nya -سبحانه-, sebagaimana yang disabdakan oleh Baginda ﷺ: (**Sesungguhnya Matahari dan Bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda Allah, kedua-duanya tidak gerhana kerana mati seseorang dan tidak juga kerana hayatnya, Allah hanyalah menakutkan dengan kedua-duanya terhadap hamba-Nya**)[1].

Persoalan Kedua: Hukum Solat Gerhana Dan Dalilnya:

Solat Kusuf adalah wajib mengikut apa yang dinyatakan oleh Abu U'wanah di dalam Sahih beliau, ia diceritakan daripada Abi Hanifah, diletakkan oleh Malik kedudukan Jumaat, dikuatkan oleh Ibnu Al-Qayyim pendapat tentang mewajibkannya, dan disokong oleh Syeikh Ibnu Uthaimin; dan itu kerana Nabi ﷺ telah memerintahkan dengannya, Baginda telah keluar dalam keadaan terkejut kepadanya, dan Baginda memberitahu bahawa ia adalah bagi menakutkan sekalian hamba[2].

Persoalan Ketiga: Waktunya:

Waktunya adalah dari permulaan gerhana sehingga hilangnya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila kamu terlihat sesuatu dari itu, maka solatlah sehingga ia tersingkap**)[3].

Persoalan Keempat: Caranya Dan Apa Yang Dibaca Di Dalamnya:

Caranya: Dua rakaat. Di baca pada rakaat yang pertama secara nyaring –sama ada malam ataupun siang– Al-Fatihah dan satu surah yang panjang, kemudian dia akan ruku dengan lama, kemudian bangkit, lalu dia mendengarkan dan memuji, namun dia tidak akan sujud. Bahkan dia akan membaca Al-Fatihah dan satu surah panjang yang lain dari yang pertama, kemudian dia akan ruku, kemudian dia akan bangkit, kemudian dia akan sujud dua sujud yang panjang. kemudian dia akan solat rakaat yang kedua seperti rakaat yang pertama, akan tetapi kurang darinya pada setiap apa yang dia lakukan. Kemudian dia bertasyahud dan memberi salam; kerana kata-kata Jabir: (Telah gerhana Matahari pada zaman Rasulullah ﷺ pada hari yang amat panas. Lantas Baginda telah solat bersama para Sahabat Baginda. Maka Baginda telah memanjangkan berdiri, sehingga mereka mula turun, kemudian Baginda ruku lalu Baginda memanjangkan, kemudian Baginda bangkit lalu Baginda memanjangkan, kemudian ruku lalu Baginda memanjang, kemudian Baginda sujud dua sujud,

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1048), dan Muslim dengan no. (911).
[2] Lihat: *Fath Al-Bari* (2/612), dan *As-Solat* oleh Ibnu Al-Qayyim (m/s 15), *As-Syarh Al-Mumtie'* (4/237-238).
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (915).

kemudian Baginda bangun, lalu Baginda membuat seperti itu. Maka ia adalah empat ruku' dan empat sujud)[1].

Disunatkan agar Imam menasihatkan orang ramai selepas solat gerhana dan memperingatkan mereka daripada kelalaian dan tertipu dengan Dunia, serta dia menyuruh mereka agar membanyakkan berdoa dan beristighfar; kerana perbuatan Nabi ﷺ. Sesungguhnya Baginda telah berucap kepada orang ramai selepas solat dan Baginda bersabda: (**Sesungguhnya Matahari dan Bulan adalah dua tanda dari tanda-tanda Allah. Kedua-duanya tidak akan gerhana kerana mati seseorang dan tidak kerana hayatnya. Apabila kamu terlihat itu hendaklah kamu berdoa kepada Allah, bertakbir, bersolat dan bersedekah**)[2].

Sekiranya selesai solat sebelum tersingkap maka ia tidak akan diulang, bahkan dia akan berzikir mengingati Allah, serta membanyakkan berdoa kepadanya; kerana sabda Baginda ﷺ: (**maka hendaklah kamu bersolat dan berdoa sehingga disingkap apa pada kamu**). Oleh itu, ia menunjukkan bahawa jika telah memberi salam daripada solat sebelum tersingkap, dia perlu sibuk dengan berdoa. Sekiranya telah sempurna penyingkapan sedangkan dia masih dalam solat, dia perlu menyempurnakannya secara ringkas, dan tidak dia menghentikannya.

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (904).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1044).

Bab Kelima Belas : Mengenai Solat Janaa'iz Dan Hukum-hukum Janaa'iz, Dan Padanya Ada Beberapa Persoalan:

Janaa'iz : kata ganda janaazah [جنازة] – dengan *fathah* huruf jim dan *kasrah*nya – dengan makna yang satu. Dikatakan dengan *fathah* kata nama untuk mayat dan dengan *kasrah* kata nama bagi apa yang dia dibawa di atasnya.

Haruslah bagi seseorang insan untuk mengingati kematian dan pengakhiran dirinya di Dunia ini, lalu dia bersiap sedia untuk itu dengan amal yang soleh, berbekal untuk Akhirat, bertaubat daripada maksiat-maksiat, dan keluar daripada penzaliman-penzaliman.

Disunatkan menziarahi orang yang sakit, dan mengingatkannya untuk bertaubat dan berwasiat. Lalu apabila dia telah nazak disunatkan mentalkinkannya kata-kata (لا إله إلا الله) dan menghadapkannya ke Kiblat. Apabila dia telah mati, disunatkan menutupkan matanya, serta menyegerakan pengurusan dan pengebumiannya.

Persoalan Pertama: Hukum Memandikan Mayat Dan Caranya:

1- Hukumnya: Memandikan mayat adalah wajib; kerana arahan Baginda ﷺ dengannya, sebagaimana dalam sabda Baginda ﷺ berkenaan orang berihram yang dipatahkan tengkuknya oleh untanya: (**basuhlah dia dengan air dan bidara**)[1], serta sabda Baginda ﷺ berkenaan anak perempuan Baginda Zainab g : (**basuhlah dia tiga kali, atau lima kali, atau tujuh kali**)[2]. Ia adalah fardhu kifayah secara ijmak.

2- Cara Memandikan: Haruslah dipilih bagi memandikan orang yang telah mati sesiapa yang dipercayai, saksama, arif tentang hukum pemandian. Didahulukan dalam memandikan; orang yang diwasiatkan, kemudian yang paling hampir lalu yang terhampir, seperti bapa, datuk, anak sekiranya mereka mengetahui hukum-hukum pemandian, jika tidak, didahulukan selain mereka dari kalangan sesiapa yang berilmu mengenai itu. Lelaki akan memandikannya golongan lelaki, wanita akan memandikannya golongan wanita, dan boleh untuk setiap seorang dari pasangan suami isteri untuk memandikan yang seorang lagi; maka seorang lelaki memandikan isterinya dan seorang wanita memandikan suaminya. Juga boleh untuk setiap dari golongan lelaki dan wanita memandikan kanak-kanak yang berumur kurang tujuh tahun. Tidak harus bagi seorang Muslim sama ada lelaki mahupun wanita memandikan seorang kafir, tidak pula memikul jenazahnya, tidak juga mengapankannya, tidak jua solat ke atasnya, walaupun dia seorang yang hampir seperti bapa atau ibu.

Disyaratkan agar air yang dimandikan dengannya mayat tersebut adalah menyucikan dan mubah, dan hendaklah dia dimandikan dalam tempat yang tertutup, serta tidak harus hadir sesiapa yang tiada hubungan baginya dengan pemandian mayat berkenaan.

Sifat pemandian: Iaitu bahawa dia meletakkannya di atas katil pemandiannya, kemudian dia menutup auratnya, kemudian dia menanggalkannya dari pakaiannya, dan dia menghalangnya daripada pandangan di dalam bilik atau sebagainya. Kemudian akan mengangkat si pemandi

[1] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1266) dan Muslim dengan no. (1206).
[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1259) dan Muslim dengan no. (939).

berkenaan kepala mayat sehingga hampir keadaan duduknya, kemudian dia akan melalukan tangannya ke perut mayat dan dia akan menekannya, kemudian dia akan membersihkan dua laluan keluar dan menyucikan mayat berkenaan, maka dia akan membasuh najis yang ada pada dua laluan keluar berkenaan; dan itu adalah dengan melilitkan perca kain pada tangannya. Kemudian dia akan meniatkan pemandian, menyebut nama Allah, dan mewudukkannya seperti wuduk solat, melainkan pada berkumur dan menyedut, maka memadai menyapu pada mulut dan hidung. Kemudian dia akan membasuh kepada mayat dan janggutnya dengan air dan bidara, atau sabun atau selainnya. Kemudian dia akan membasuh bahagian kanan badan dan kemudian bahagian kiri badan. Kemudian dia menyempurnakan basuhan baki badan seluruhnya. Digalakkan agar dia melilitkan pada tangannya perca kain ketika memandikan. Yang wajib adalah satu basuhan sekiranya terhasil dengan pencucian, dan yang digalakkan adalah tiga basuhan sekalipun telah terhasil penyucian. Digalakkan agar dijadikan pada basuhan yang terakhir kapur barus, kemudian keringkan mayat, serta dibuang daripadanya apa yang disyariatkan pembuangannya seperti kuku dan bulu-bulu tertentu. Akan dijalinkan rambut wanita dan dilepaskan ke belakang badannya. Sekiranya terhalang pemandian mayat kerana ketiadaan air, atau ia terputus badan kerana kebakaran dan seumpamanya, maka ia akan ditayammumkan dengan debu tanah. Digalakkan juga bagi sesiapa yang memandikan mayat agar dia mandi sesudah memandikannya.

Persoalan Kedua: Orang Yang Mengurus Pemandian:

Yang paling afdhal menguruskan pemandian mayat adalah sesiapa yang paling arif berkenaan sunnah pemandian, dari kalangan orang-orang yang dipercayai, amanah, saksama, terutama sekiranya dia adalah dari keluarganya dan kaum kerabatnya; kerana orang-orang yang mengurus pemandian Baginda ﷺ adalah dari kalangan keluarga Baginda seperti Ali d dan lain-lain[1]. Manusia yang paling aula memandikannya: wasinya yang dia wasiatkan untuk memandikannya, kemudian bapanya, kemudian datuknya, kemudian yang paling hampir, berikutnya yang terhampir, dari kalangan asobahnya, kemudian orang-orang yang mempunyai hubungan rahim dengannya.

Wajib untuk menguruskan pemandian lelaki golongan lelaki, dan wanita golongan wanita, namun dikecualikan daripada itu dua suami isteri, kerana boleh untuk setiap seorang daripada mereka berdua untuk memandikan yang seorang lagi, kerana hadis Aisyah g : (Kalaulah aku boleh mengedepankan dari urusanku apa yang aku telah terlepas, tidak memandikan Nabi ﷺ selain isteri-isteri Baginda)[2]. Juga telah bersabda Nabi ﷺ kepada Aisyah g : (**Kalaulah engkau mati sebelumku, pasti aku mandikan dikau dan aku kafankan dikau**)[3]. Serta telah memandikan Asma' binti Umais, suaminya Aba Bakr As-Siddiq d [4].

Tidak akan dimandikan orang yang syahid dalam peperangan; kerana Nabi ﷺ (**Telah memerintah terhadap orang-orang yang terbunuh di Uhud agar mereka dikebumikan di dalam pakaian mereka,**

[1] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1467). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibni Majah* dengan no. 1207), lihat juga: (*Al-Irwaa'* dengan no. 699).
[2] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (3215) dan Ibnu Majah dengan no. (1464). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 702).
[3] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1465), dan ia adalah sahih. Lihat *Irwaa' Al-Ghalil* (3/160).
[4] Dikeluarkan oleh Malik di dalam *Al-Muwatta* : (1/223).

tidak mereka dimandikan, dan tidak disolatkan ke atas mereka)[1]. Begitu juga dia tidak dikapankan, tidak disolatkan ke atasnya, bahkan dia dikebumikan di dalam pakaiannya, sebagaimana di dalam hadith yang telah lalu.

Manakala *Saqt* [السَقْط] – dan ia adalah anak yang gugur dari kandungan ibunya sebelum ia sempurna, lelaki atau perempuan –: sekiranya ia mencecah empat bulan, dia dimandikan, dikapankan, dan disolatkan ke atasnya; kerana ia sesudah empat bulan ia menjadi seorang insan.

Persoalan Ketiga: Hukum Mengapankannya Dan Caranya:

Mengapankannya adalah wajib kerana sabda Baginda ﷺ berkenaan orang berihram yang dijatuhkan oleh kenderaannya: (**Kapankanlah dia dalam dua pakaian**)[2]. Yang wajib adalah menutup seluruh badan, jika tidak didapati melainkan pakaian singkat yang tidak mencukupi untuk seluruh badan, ditutup kepalanya dan dijadikan pada dua kakinya sedikit dari *idzkhir**; kerana kata-kata Khabbab mengenai kisah pengapanan Mus'ab bin Umair d : (Lalu telah memerintahkan kami, Nabi ﷺ, agar kami menutup kepalanya, dan kami jadikan pada dua kakinya dari *idzkhir*)[3]. Tidak ditutup kepada orang berihram yang lelaki; kerana sabda Baginda ﷺ: (**dan janganlah kalian tudungkan kepalanya**).

Dan itu adalah dengan pakaian yang tidak menyifatkan kulit dalam keadaan tertutup, dan wajib ia dari yang dipakai seumpamanya; kerana tiada pemberatan ke atas mayat dan tidak juga ke atas waris-warisnya. Yang sunnahnya dikapankan seorang lelaki dalam tiga helai kain putih dari kapas, yang dihamparkan [sebahagiannya] di atas sebahagiannya [yang lain], dan ia diletakkan di atasnya dalam keadaan terlentang, kemudian dikembalikan penjuru yang paling atas dari sebelah kiri ke atas sisi yang kanan, kemudian penjurunya yang kanan ke atas yang kiri, kemudian yang kedua, kemudian yang ketiga, kemudian dijadikan lebihan pada kepalanya dan kemudian ia diikat. Jika lebihannya adalah banyak, ia dijadikan pada dua telapak kakinya juga dan ia akan diikat, kerana itu lebih kukuh bagi kapan berkenaan; kerana kata-kata Aisyah: (Telah dikapankan Rasulullah ﷺ dalam tiga helai *suhuliyyah*[4] yang baru, dari Yaman, tiada di dalamnya kemeja dan tiada serban. Baginda dibalut di dalamnya balutan demi balutan)[5]. Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Pakailah dari pakaian-pakaian kalian yang berwarna putih, kerana ia adalah dari sebaik-baik pakaian kalian, dan kapankanlah di dalamnya orang-orang mati dari kalangan kalian**)[6]. Yang perempuan, lima helai pakaian dari kapas; kain, tudung, kemeja, dan dua balutan. Bayi di dalam satu helaian, dan diharuskan tiga. Anak-anak kecil di dalam satu kemeja dan dua balutan.

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1343).

[2] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1266) dan Muslim dengan no. (1206).

* Idzkhir [الإذخر] : serai atau sejenis tumbuhan tumbuh merumpun seperti serai.

[3] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1276) dan Muslim dengan no. (940).

[4] *Suhuliyyah* [السُحُلِيَّة] dengan berbaris depan dua huruf yang tidak berbaris, kata ganda bagi *sahl* [سَحْل], dan ia adalah pakai putih yang bersih, dan tiadalah ia melainkan dari kapas. Diriwayatkan juga berbaris atas huruf *siin*, dinisbahkan kepada Sahul [سَحُوْل] sebuah kampug di Yaman. (*An-Nihaayah* 2/313 - سحل).

[5] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1264) dan Muslim dengan no. (941), dan lafaz yang akhir adalah di sisi Ahmad (6/118).

[6] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (3878), At-Tirmidzi dengan no. (1005), Ibnu Majah dengan no. (1472), dan lafaz oleh At-Tirmidzi. Berkata At-Tirmidzi: Hasan sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* no. 792).

Persoalan Keempat: Solat Ke Atas Mayat, Hukumnya Dan Dalil Yang Demikian:

Solat ke atas mayat adalah fardu kifayah. Apabila telah melakukannya sebahagian [orang], gugurlah dosa daripada orang-orang yang lain. Dalilnya adalah sabda Baginda ﷺ mengenai orang yang mati sedangkan ada di atasnya hutang: (**Solatlah kalian ke atas teman kalian**)[1]. Juga sabda Baginda ﷺ pada hari kematian Najasyi: (**Sesungguhnya saudara kalian telah mati, maka bangunlah kalian, dan solatlah kalian ke atasnya**)[2].

Persoalan Kelima: Syarat-syarat Solat Ke Atas Mayat, Rukun-rukunnya Dan Sunnah-sunnahnya:

1- Syarat-syaratnya: Syaratnya adalah seperti yang berikut: Niat, taklif, menghadap Kiblat, menutup aurat, dan menjauhi najis; kerana ia termasuk daripada solat-solat, hadirnya mayat di hadapan orang yang solat jika ia adalah di negeri berkenaan, keislaman orang yang solat dan mayat yang disolatkan ke atasnya, sucinya mereka berdua sekalipun dengan debu tanah kerana keuzuran.

2- Rukun-rukunnya: Rukun-rukunnya adalah seperti yang berikut: berkeadaan berdiri dari yang berkemampuan pada fardu solat; kerana ia adalah satu solat yang wajib berdiri padanya seperti yang difardhukan. Takbir-takbir yang empat; (kerana Nabi ﷺ bertakbir ke atas Najasyi empat kali). Membaca Al-Fatihah kerana umum hadis: (Tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca dengan Ummu Al-Quran)[3]. Berselawat ke atas Nabi ﷺ. Mendoakan untuk mayat; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila kalian solat ke atas mayat, ikhlaskanlah untuknya doa**)[4]. Salam, kerana umum hadis: (**perungkainya adalah mengucapkan salam**). Dan tertib di antara rukun-rukun, maka tidak dikedepankan satu rukun ke atas yang lain.

3- Sunnah-sunnahnya: Dan di antara sunat-sunatnya: Mengangkat dua tangan berserta setiap takbir, beristiazah sebelum pembacaan, dia mendoakan untuk dirinya dan orang-orang Islam, dan memperlahankan pada bacaan.

Persoalan Keenam: Waktu Solat Ke Atas Mayat, Kelebihannya Dan Kaifiatnya:

1- Waktunya: Waktu solat ke atas mayat bermula sesudah pemadian, pengapanan, dan penyediaannya, sekiranya ia hadir, ataupun sampai berita kematiannya jika ia adalah ghaib.

2- Kelebihannya: Telah bersabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang menghadiri jenazah sehingga disolatkan ke atasnya, maka untuknya satu qirat, dan sesiapa yang menghadirinya sehingga ia ditanam, maka untuknya dua qirat**). Dikatakan: Apakah dua qirat itu? Baginda bersabda: (**Seumpama dua bukit yang besar**)[5].

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (1619).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (952) – 64.
[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (394).
[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (3199) dan ia adalah hasan. Lihat *Irwaa' Al-Ghalil* (3/179).
[5] Disepakati terhadapnya: Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1325) dan Muslim dengan no. (945).

3- Kaifiatnya: Akan berdiri seorang imam dan seorang yang berseorangan pada bahagian kepala seorang lelaki, dan pada bahagian tengah seorang wanita, kerana sabitnya itu dari perbuatan Baginda ﷺ di dalam apa yang diriwayatkan daripada Baginda oleh Anas d [1]. Kemudian dia akan bertakbir untuk ihram, beristiazah, kemudian menyebut nama [Allah], seterusnya membaca Al-Fatihah secara perlahan, walaupun itu terjadi pada waktu malam. Kemudian dia bertakbir dan berselawat ke atas Nabi ﷺ sebagaimana di dalam tasyahud. Kemudian dia bertakbir, dan mendoakan untuk mayat dengan doa yang warid daripada Nabi ﷺ; di antaranya adalah sabda Baginda ﷺ: (**Ya Allah! Ampunkanlah untuk orang hidup kami, orang mati kami, orang hadir kami, orang ghaib kami, orang muda kami, orang tua kami, orang lelaki kami, orang perempuan kami. Ya Allah! Sesiapa yang Engkau hidupkan dia dari kalangan kami, maka hidupkanlah dia di atas Islam, dan sesiapa yang Engkau matikan dia dari kalangan kami, maka matikanlah dia di atas Iman**)[2]. (**Ya Allah! Ampunkanlah dia, kasihanilah dia, selamatkanlah dia, dan maafkanlah dia. Muliakanlah tempat singgahnya, dan luaskanlah laluan masuknya. Basuhlah dia dengan air, salji dan air batu. Bersihkanlah dia dari dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan, sebagaimana dibersihkan pakaian yang putih daripada kotoran. Gantikanlah dia satu rumah yang lebih baik daripada rumahnya, keluarga yang lebih baik daripada keluarganya, pasangan yang lebih baik daripada pasangannya. Masukkanlah dia Syurga, dan lindungilah dia dari azab kubur atau azab Neraka**)[3]. Jika mayat berkenaan adalah kanak-kanak, dia mengatakan: (**Ya Allah! Jadikanlah dia sebagai pendahulu untuk dua ibu bapanya, sebagai penambahan dan sebagai ganjaran**)[4]. Kemudian dia bertakbir, dan dia berhenti sesudahnya sebentar. Dan jika dia berdoa dengan apa yang ringkas, maka ia adalah bagus, seperti dia mengatakan: (Ya Allah! Janganlah Engkau haramkan kami ganjarannya, dan janganlah Engkau uji kami sesudahnya)[5]. Kemudian dia mengucapkan salam, satu salam pada kanannya, dan jika dia mengucapkan salam, dengan dua salam, maka tiada kesalahan padanya. Sesiapa yang terlepas terhadapnya sebahagian solat, dia masuk bersama imam, dan apabila imam memberi salam, dia mengganti apa yang terlepas terhadapnya mengikut sifatnya. Sesiapa yang terlepas terhadapnya solat sebelum pengebumian, boleh untuknya solat di kubur; kerana perbuatan Baginda ﷺ sedemikian dalam kisah wanita yang dahulu menyapu masjid[6]. Disolatkan ke atas yang ghaib dari negeri ketika pengetahuan tentang kematiannya sekalipun dalam tempoh sebulan atau lebih. Disolatkan ke atas *saqt* apabila telah cukup untuknya empat bulan dan lebih, dan jika ia kurang dari itu, maka tidak disolatkan ke atasnya.

---

[1] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (3194), At-Tirmidzi dengan no. (1045), Ibnu Majah dengan no. (1494). Berkata At-Tirmidzi: Sebuah hadis yang hasan. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* no. 826).
[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (3201), At-Tirmidzi dengan no. (1024), Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak* (1/358). Berkata At-Tirmidzi : "Hasan sahih". Berkata Al-Hakim: "Sahih di atas syarat Syaikhain" menyepakati beliau Ad-Dzahabi.
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (963).
[4] Dikeluarkan oleh Abdur Razzaq di dalam *Musannaf* beliau (3/529) dengan no. 6589.
[5] Dikeluarkan oleh Malik di dalam *Al-Muwatta* (1/228) dengan no. 17, Abdur Razzaq di dalam *Musannaf* beliau (3/488) dengan no. 6425, Ibnu Hibban sebagai mana di dalam *Al-Ihsan* (7/342) dengan no. 3073. Berkata pentahkiknya: "Isnadnya sahih di atas syarat Muslim".
[6] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (458) dan Muslim dengan no. (956).

Persoalan Ketujuh: Memikul Jenazah Dan Berjalan Dengannya:

Disunatkan mengikuti jenazah dan mengiringinya ke kubur, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Sesiapa yang menghadiri jenazah sehingga disolatkan ke atasnya, maka untuknya satu qirat, dan sesiapa yang menghadirinya sehingga ia ditanam, maka untuknya dua qirat**). Dikatakan: Apakah dua qirat itu? Baginda bersabda: (**Seumpama dua bukit yang besar**)[1].

Seharusnya bagi seorang Muslim, apabila dia mendengar tentang kematian seseorang dari kalangan orang-orang Islam agar dia keluar untuk memikul jenazahnya, solat ke atasnya, serta mengebumikannya; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Hak seorang Muslim ke atas Muslim [yang lain] lima: menjawab salam, melawat yang sakit, mengikuti jenazah ...**)[2]. Dikuatkan perkara berkenaan sekiranya tidak keluar sesiapa pada jenazahnya. Dan tidak salah membawa jenazah dalam kereta atau di atas kenderaan, apatah lagi apabila tanah perkuburan adalah jauh. Boleh untuk orang-orang mengikuti jenazah turut serta di dalam kenderaan.

Disyariatkan pengebumian mayat di tanah perkuburan yang khas untuk orang-orang yang telah mati; kerana Nabi ﷺ dahulu mengebumikan orang-orang yang mati di tanah perkuburan Baqie', sebagaimana telah mutawatir khabar-khabar tentang perkara itu. Tidak dinukilkan dari seorang pun dari golongan Salaf, bahawa dia dikebumikan pada selain tanah perkuburan.

Disunatkan menyegerakan jenazah; pada memandikannya, mengapankannya, solat ke atasnya, dan pengebumiannya; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Apabila mati seseorang dari kalian, maka janganlah kalian menyekatnya, segerakanlah dia ke kuburnya**)[3]. Apa yang dilakukan oleh sebahagian manusia seperti menangguhkannya, memindahkannya dari satu tempat ke tempat yang lain, atau memilih hari tertentu dari seminggu yang ia akan dikebumikan padanya, semua ini menyalahi Sunnah. Begitu juga disunatkan menyegerakan dalam berjalan dengannya sewaktu memikulnya, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Segerakanlah jenazah, jika sekiranya ia adalah soleh, maka ia adalah kebaikan yang kalian dahulukan ia kepadanya, dan jika ia bukan sedemikian, maka ia adalah keburukan yang kalian letakkan ia dari tengkuk-tengkuk kalian**)[4]. Tetapi janganlah ia penyegeraan yang melampau, bahkan tanpa berderap sebagaimana yang dipilih oleh sebahagian para Ulama.

Wajib ke atas orang-orang yang memikul jenazah tenang dan tenteram, serta tidak meninggikan suara, tidak dengan bacaan, tidak dengan selainnya; kerana tidak sabit daripada Nabi ﷺ sesuatu pun dalam perkara berkenaan, dan sesiapa yang melakukannya maka dia telah menyalahi Sunnah.

Tidak harus bagi golongan wanita keluar bersama kenazah; kerana hadis Ummu A'tiyyah: (Kami telah dilarang daripada mengikuti jenazah-jenazah)[5], kerana memikul jenazah dan mengiringinya adalah khas untuk lelaki. Dimakruhkan untuk orang yang mengiring untuk duduk sehinggalah diletakkan jenazah di atas tanah, kerana larangan Baginda ﷺ daripada duduk sehingga ia diletakkan[6].

---

[1] Telah berlalu takhrijnya pada muka surat yang telah lalu.
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1240).
[3] Dikeluarkan At-Tabrani (12/340) hadis 13613 dan dihasankan oleh Ibnu Hajar (*Al-Fath* 3/219).
[4] Disepakati terhadapnya: Dikeluarkankan oleh Al-Bukhari dengan no. (1351) dan Muslim dengan no. (944), dan lafaz oleh Al-Bukhari.
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1278) dan Muslim dengan no. (938), dan lafaz oleh Muslim.
[6] Dikeluarkankan oleh Al-Bukhari dengan no. (1310) dan Muslim dengan no. (959).

Persoalan Kelapan: Mengebumikan Mayat, Sifat Kubur Dan Apa Yang Disunnahkan Padanya:

Disunatkan agar didalamkan kubur, diluaskan, dan dilahadkan untuk mayat di dalamnya; dan ia adalah: bahawa digali pada dasar kubur satu liang di sebelah tepinya ke arah Kiblat. Jika terhalang lahad, maka tidak mengapa dengan parit; dan ia adalah: bahawa digali untuk mayat pada tengah kubur. Namun lahad lebih afdhal, kerana sabda Baginda ﷺ: (**Lahad untuk kita, dan parit untuk selain kita**)[1].

Diletakkan mayat di dalam lahadnya pada sebelah badannya yang kanan, berkeadaan menghadap kiblat, ditutup bukaan lahad dengan bata dan tanah, dan kemudian dikambus ke atasnya tanah. Dinaikkan kubur dari permukaan tanah sekadar sejengkal dalam keadaan membonggol – iaitu di atas bentuk bonggol – kerana sabitnya perkara berkenaan pada sifat kubur Nabi ﷺ dan dua sahabat Baginda[2], agar diketahui bahawa ia adalah kubur, maka ia tidak akan dihina. Tidak mengapa diletakkan batu-batu atau selainnya pada penjuru-penjurunya untuk dinyatakan batasannya dan pengenalannya. Diharamkan binaan di atas kubur-kubur, pengapurannya, dan duduk di atasnya, begitu juga dimakruhkan penulisan di atasnya, melainkan dengan kadar keperluan bagi penanda; kerana hadis Jabir d, beliau berkata: (Telah melarang Nabi ﷺ dikapur[3] kubur, didudukkan di atasnya, dan dibina padanya)[4]. Telah menambah At-Tirmidzi: (ditulis padanya).

Kerana ini adalah dari wasilah-wasilah kesyirikan dan pergantungan dengan makam-makam, dan ini adalah dari perkara yang terpedaya dan bergantung dengannya orang-orang jahil.

Diharamkan juga menyalakan kubur-kubur iaitu menerangkannya; kerana apa yang ada padanya dari keserupaan dengan orang-orang kafir, pengabaian harta, pembinaan masjid-masjid di atasnya, dan solat di sisinya atau ke arahnya; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Telah melaknat Allah orang-orang Yahudi dan Nasrani; mereka mengambil kubur-kubur Anbia mereka sebagai masjid-masjid**)[5].

Diharamkan menghina kubur-kubur dengan berjalan di atasnya, atau memijaknya dengan kasut, atau duduk di atasnya dan selain itu; kerana hadith Abi Hurairah d, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ: (**Supaya duduk seseorang dari kalangan kalian di atas bara lalu ia membakar pakaian lantas sampai ke kulitnya, lebih baik daripada dia duduk di atas sebuah kubur**)[6], dan kerana larangan Baginda ﷺ daripada memijak di atas kubur-kubur[7].

Digalakkan ketika selesai dari pengebumian untuk mendoakan untuk mayat; kerana perbuatan Baginda ﷺ. Sesungguhnya Baginda dahulu apabila Baginda selesai dari mengebumikan mayat, Baginda berdiri padanya, dan Baginda bersabda: (**Mintalah keampunan untuk saudara kalian dan mohonlah untuknya penetapan, kerana sesungguhnya dia sekarang sedang ditanya**)[8]. Adapun pembacaan Al-Fatihah atau sesuatu daripada Al-Quran di sisi kubur, ia adalah bidaah yang mungkar;

---

[1] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (1056), dan beliau menghasankannya. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 835).
[2] Lihat *As-Syarh Al-Mumtie'* (4/458).
[3] Iaitu : dicat dengan kapur, iaitu serbuk batu kapur yang dicat dengannya rumah-rumah.
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (970) dan At-Tirmidzi dengan no. (1064), dan beliau berkata: Hasan sahih.
[5] Dikeluarkankan oleh Al-Bukhari dengan no. (1330) dan Muslim dengan no. (529).
[6] Diriwayatkan Muslim dengan no. (971).
[7] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (1064), dan beliau berkata: Hasan sahih.
[8] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (3221), disahihkan oleh Al-Hakim di dalam *Al-Mustadraak* (1/370), ia disepakati oleh Ad-Dzahabi. Ia dihasankan oleh An-Nawawi dan Al-Hafiz Ibnu Hajar (lihat : ulasan terhadap *At-Tohawiyah* 2/265-666).

kerana ia tidak dilakukan oleh Nabi ﷺ dan tidak pula para Sahabat Baginda yang mulia, dan Baginda ﷺ telah bersabda: (**Sesiapa yang melakukan satu amalan yang tiada terhadapnya perintah kami, maka ia tertolak**)[1].

Persoalan Kesembilan: Takziah, Hukumnya Dan Caranya:

Takziah [التعزية]: Ia adalah memujuk orang ditimpa musibah dan menguatkannya untuk menanggung musibahnya, lalu sebut kepadanya doa-doa dan zikir-zikir yang datang mengenai bersabar dan berihtisab.

Disyariatkan mentakziah keluarga mayat dengan apa yang akan meringankan terhadap mereka musibah-musibah mereka, membawa mereka kepada redha dan bersabar, dengan apa yang sabit daripada Baginda ﷺ jika dia mengetahuinya dan menghafalnya, jika tidak, maka dengan kata-kata baik yang mudah untuknya yang akan merealisasikan matlamat, dan tidak menyalahi Syarak. Daripada Usamah bin Zaid, beliau berkata: Kami dahulu di sisi Nabi ﷺ, lalu telah mengutus kepada Baginda salah seorang anak perempuan Baginda, mengajak Baginda dan memberitahu Baginda bahawa anak kecilnya atau anak lelakinya dalam kematian. Maka bersabda Rasulullah ﷺ: (**Kembalilah engkau kepadanya dan beritahu kepadanya: Bahawa milik Allah apa yang diambil oleh-Nya, milik-Nya jua apa yang diberikan oleh-Nya, dan setiap perkara di sisi-Nya adalah dengan tempoh yang tertentu. Suruhlah dia, agar hendaklah dia bersabar dan hendaklah dia mengharap ganjaran [Allah]**)[2]. Dan inilah sebaik-baik lafaz yang datang dalam takziah. Haruslah ketika takziah dijauhi sebahagian perkara yang telah tersebar di tengah orang ramai, dan tiada baginya sebarang asal di dalam Syarak, di antaranya:

1- Berhimpun untuk takziah di tempat tertentu dengan membawa kerusi-kerusi, nyalaan lampu, dan qari-qari.

2- Membuat makanan sepanjang tempoh takziah oleh keluarga si mati untuk menyambut orang-orang yang datang untuk mentakziah. Kerana hadis Jarir Al-Bajali d, beliau berkata: (Kami dahulu mengira berhimpun kepada keluarga si mati dan menyediakan makanan sesudah pengebumiannya termasuk dari meratap)[3].

3- Mengulang-ulang takziah, kerana sesetengah orang akan pergi kepada keluar si mati lebih daripada sekali dan dia akan mentakziah mereka. Yang asal adalah takziah itu satu kali sahaja, namun sekiranya tujuan dari pengulangannya adalah memperingatkan, menyuruh untuk bersabar, redha dengan qada Allah dan qadar-Nya, maka tidak mengapa. Adapun jika pengulangannya adalah untuk selain ini, maka ia tidak harus; kerana itu tidak sabit daripada Nabi ﷺ dan para Sahabat Baginda.

Yang Sunnah adalah membuat kaum kerabat si mati dan jiran tetangganya untuk keluarga si mati makanan; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Buatkanlah untuk keluarga Jaafar makanan, kerana**

[1] Disepakati terhadapnya : Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2697) dan Muslim dengan no. (1718) - 18, dan lafaz oleh Muslim.
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (284) dan Muslim dengan no. (923).
[3] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan no. (1612). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 1318).

sesungguhnya telah datang kepada mereka satu perkara yang menyibukkan mereka –atau **telah datang kepada mereka apa yang menyibukkan mereka–**)[1].

Adapun tangisan dan kesedihan terhadap si mati, ia tidak mengapa dan akan terhasil pada kebiasaan, dan ia adalah apa yang didorong oleh perasaan semula jadi dengan tanpa melampau. Demi sesungguhnya telah menangis Nabi ﷺ di atas anak Baginda; Ibrahim ketika dia mati, dan Baginda bersabda: (**Sesungguhnya mata akan mengalir, qalbu akan bersedih, namun kita tidak akan katakan kecuali apa yang meredhakan Tuhan kita ...**)[2], tetapi itu bukanlah di atas bentuk tidak berpuas hati, marah dan merintih. Diharamkan membuat jemputan, meratap, memukul pipi, dan mengoyak belahan baju; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Bukan dari golongan kami, sesiapa yang menampar pipi, mengoyak belahan baju, dan menyeru dengan seruan Jahiliah**)[3], seperti kata-katanya: Aduhai celakanya, aduhai binasanya dan sebagainya. Juga kerana sabda Baginda ﷺ: (**Wanita yang meratap, jika dia tidak bertaubat sebelum kematiannya, akan dibangkitkan pada hari Kiamat, dan padanya pakai dari tar, dan jubah dari kurap**)[4].

---

[1] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (3116), At-Tirmidzi dengan no. (1003), Ibnu Majah dengan no. (1610). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* no. 1316).
[2] Dikeluarkan Al-Bukhari dengan no. (1303).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1294) dan Muslim dengan no. (103).
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (934). Kurap : satu penyakit yang terkenal, dan ia dengan kudis memenuhi kulit, dan terjadi bersama-samanya gatal-gatal.